

DR.7.11.2000

[DOKUMEN INI BELUM DISEMAK]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 7 November 2000

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Joseph Mauh anak Ikeh [Selangau]** minta Menteri Pertahanan menyatakan berapa ramaikah jumlah rakyat di negeri Sarawak dan Sabah yang menyertai Angkatan Tentera Malaysia mengikut suku kaum masing-masing serta pangkat yang mereka sandang.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik kekuatan anak-anak Sarawak dan Sabah yang menyertai Angkatan Tentera Malaysia adalah seperti berikut. Sarawak peringkat pegawai – 153; anggota lain-lain pangkat – 9,299.

Manakala bagi negeri Sabah, pegawai – 82 orang; anggota lain-lain pangkat – 5,044 orang.

Pecahan mengikut pangkat yang mereka sandang di negeri Sarawak – 2 orang adalah merupakan Brigedier General dan seramai 9 orang Leftenan Kolonel, seramai 37 orang Majer, seramai 42 orang Kapten, seramai 41 Leftenan, seramai 22 – Leftenan Muda, pegawai berjumlah 153, manakala lain-lain pangkat seramai 9,299.

Pecahan bagi negeri Sabah mengikut pangkat. Leftenan Kolonel seorang, Majer – 9, Kapten – 19, Leftenan – 34, Leftenan Muda – 19, jumlah pegawai 82, lain-lain pangkat 5,044. Sekian, terima kasih.

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. saya masih ingat 30 tahun dahulu, musim tahun 70'an dan 80'an ramai para belia kita berminat sekali menyertai angkatan tentera sama ada belia dari Sarawak, Sabah dan Semenanjung Malaysia, lebih lagi kaum bumiputera, tetapi hari ini saya lihat minat itu

semakin berkurangan untuk menyertai angkatan tentera kita. Bahkan negara kita memerlukan mereka tampil ke hadapan menjadi angkatan tentera demi menjaga keamanan dan keselamatan negara kita.

Jadi, soalan saya, apakah sebab mereka kurang berminat dan adakah kerajaan bercadang untuk mewajibkan para pemuda dan pemudi kita menyertai angkatan tentera sebelum mereka berkhidmat dengan jawatan yang lain misalnya di negara Amerika Syarikat. Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih atas soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu mengenai dengan mengapa minat di kalangan rakyat pada hari ini berkurangan mengikut beliau, kita tahu negara kita pada hari ini adalah sebuah negara yang agak maju, maka dengan itu bila negara itu pembangunannya sudah pesat, banyak peluang pekerjaan yang akan dapat dilahirkan, maka dengan itu rakyat mempunyai pilihan yang pelbagai, tekanan tarikan daripada habuan mungkin dari segi gaji dan juga pelbagai adalah sebahagian daripada faktor-faktor yang menarik sebahagian besar rakyat di negara ini untuk menceburkan dalam bidang-bidang yang lain.

Walaupun demikian, masih ada di antara anak-anak kita yang berminat untuk menyertai pasukan tentera, maka dengan itu pelbagai langkah, bukan hanya tarikan dari segi ganjaran kita tingkatkan, elaun-elaun dan juga kemudahan-kemudahan kemasukan bahkan juga kita wujudkan prasarana seperti di peringkat sekolah, seperti universiti, IPTS untuk menggalakkan anak-anak ini di peringkat awal sudah terdedah dengan semangat-semangat untuk ingin menyumbangkan perkhidmatan mereka untuk mempertahankan keselamatan negara dan kedaulatan negara kita.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih kepada Timbalan Menteri, selain daripada insentif dan kemudahan-kemudahan lain yang akan disediakan bagi menarik ramai lagi menyertai angkatan tentera, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri kerana baru-baru ini menteri ada mengumumkan kemungkinan akan ditambah tenaga angkatan tentera berhubung dengan kes-kes pencolekan bagi keselamatan di pulau-pulau di Sabah.

Jadi, adakah dengan pengumuman ini akan menarik lebih ramai lagi penyertaan orang ramai khususnya di Sabah dan di Sarawak atau kemungkinan kalau

masalah ini yang sedang dihadapi akan boleh menyebabkan usaha untuk menambahkan lagi tenaga tentera di sana akan menghadapi masalah. Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat daripada Larut. Memang ada sambutan yang agak menggalakkan, bila mana kita tekankan tentang betapa perlunya rakyat khususnya generasi muda untuk menanam semangat untuk mempertahankan negara kita. Kebelakangan ini dua, tiga bulan yang lalu, bila mana kita adakan satu gerakan untuk mengambil anak-anak tempatan khususnya di daerah-daerah yang terpencil seperti daerah Semporna sendiri, bila mana kita mengambil pasukan askar wataniah, kita jangka kemungkinan hanya menyertainya sebilangan yang kecil 100 orang, tetapi pada waktu itu bila kita adakan gerakan itu sehingga menjangkau ke tahap 300 lebih orang. Maka dengan itu, Yang Berhormat Menteri telah menyatakan bahawa akan ada penglibatan anak-anak muda kita di mana mereka kita akan kerahkan tenaga mereka untuk mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negara kita seperti anak-anak muda dari negeri Sabah yang biasa menggunakan laluan-laluan, sempadan atau perairan di kepulauan tempat-tempat penting, maka kepakaran itu amat penting bagi kita.

Dan saya berharap sangatlah supaya semangat ini dapat ditanam, yang kita kesal ada di antara rakyat di negara ini bukan pula hendak melibatkan diri untuk mempertahankan negara bahkan mencemarkan nama negara di luar negara. Dan ini adalah satu langkah yang tidak baik sekali dan kita berharap kerajaan akan mengambil tindakan tegas, kalau perlu kita tarik kerakyatan orang-orang yang boleh mencemarkan bukan hanya mencemar tetapi mengganggu gugat keselamatan rakyat di negara ini.

2. Tuan Tiong Thai King [Lanang] minta Menteri Pendidikan menyatakan kerajaan telah membenarkan guru bersara berkhidmat semula berikutan daripada kekurangan guru di sekolah-sekolah:

- (a) bilangan guru bersara yang mengemukakan permohonan dan jumlah permohonan yang telah diluluskan di seluruh negara pada tahun 1999; dan
- (b) mengapa permohonan berkhidmat semula tidak diluluskan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada tahun 1999 Kementerian Pendidikan telah membekukan pengambilan guru bersara wajib sebagai guru kontrak. Walau bagaimanapun, pada tahun 2000 kementerian ini telah meneruskan semula pengambilan guru kontrak khusus bagi bidang-bidang pengajian Cina dan pengajian Tamil sebagai satu kaedah untuk mengatasi kekurangan guru bahasa Cina dan bahasa Tamil di SJK(C) dan SJK(T). Semua permohonan yang diperakukan oleh Jabatan Pendidikan Negeri yang telah diterima dalam tahun 1999 sehingga sekarang adalah diberi pertimbangan. Sehingga 14 September 2000, seramai 352 orang guru kontrak telah diluluskan perlantikan daripada 947 orang yang telah mengemukakan permohonan. Secara umum saya nyatakan di sini jumlah guru kontrak yang telah diluluskan perlantikan ke JPN sehingga 14 September 2000 ialah:-

Negeri	Guru bahasa Cina	Guru bahasa Tamil	Jumlah
Perlis	2		2
Kedah	16	10	26
Pulau Pinang	8		8
Perak	48	20	68
Selangor	15	3	18
Wilayah Persekutuan	15	3	18
Negeri Sembilan	[Tiada]		
Melaka	[Tiada]		
Johor	77	16	93
Pahang	16	5	21
Terengganu	[Tiada]		
Kelantan	[Tiada]		
Sabah	27		27
Sarawak	74		74

Jumlah keseluruhan bagi guru-guru bahasa Cina ialah 298, guru bahasa Tamil ialah 54 dan jumlah kesemuanya 352.

- (b) Perlantikan guru kontrak adalah berdasarkan keperluan perkhidmatan dan kekosongan jawatan di negeri-negeri

tersebut. Bagi permohonan-permohonan yang tidak diperakukan oleh Jabatan Pendidikan Negeri dan negeri-negeri yang tiada kekosongan jawatan. Perlantikan guru kontrak tidak dapat dipertimbangkan.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Kalau kita lihat dari segi kekurangan guru ini, saya rasa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen cukup sedar, sekolah jenis kebangsaan Cina mengalami kekurangan guru yang paling ketara. Kalau tidak silap saya, lebih kurang 4,000 guru yang perlu diisi di seluruh negara. Saya ucapkan terima kasihlah kepada kementerian supaya membenarkan perlantikan guru kontrak, jadi pada tahun 2000 lebih kurang 298 diambil untuk mengisi tempat kosong ini.

Jadi, selain daripada membenarkan guru kontrak terus berkhidmat di sekolah Cina, apakah langkah yang lain ataupun pilihan yang lain supaya kita dapat mempercepatkan lagi proses untuk mengisi kekurangan guru di seluruh negara dan pada pandangan Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat sebut lebih kurang berapa lama lagi kerajaan ataupun kementerian dapat menyelesaikan kekurangan guru di sekolah Cina dengan 100%. Sekian, terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kluang. Pertama sekali, saya tidak tahu dari mana angka Yang Berhormat perolehi mengenai dengan 4,000, saya tidak tahu sama ada angka itu tepat ataupun tidak. Saya harap untuk dapat maklumat itu yang terperinci daripada pihak kementerian. Walau bagaimanapun, sepertimana yang telah saya sebutkan tadi, pengisian guru-guru kontrak tadi adalah disebabkan adanya kekosongan, malah langkah-langkah yang kita telah ambil ialah seperti dengan izin, walk-in interview pun pernah kita adakan tetapi masih kita tidak dapat mengisi kekosongan itu.

Antara lain kes-kes yang kita terdapat berlakunya begini, ini yang saya dapat periksa. Ada di kalangan mereka yang sepatutnya mengajar bahasa Cina, bila kita mengambil dia sebagai guru bahasa Cina tetapi akhirnya di dalam kegiatan harian guru yang tersebut telah mengajar kursus-kursus yang lain. Dengan itu, apabila kita menyenaraikan kekosongan guru, kita masih dapati bahasa Cina masih kosong, walhal

apabila seseorang itu diambil untuk mengajar bahasa Cina dia telah bertukar untuk mengajar mata pelajaran yang lain.

Akhirnya bila kita periksa semula didapati ada kekosongan. Ini pernah berlaku dan sedang kita semakkan.

Mengenai perkara yang ketiga yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat iaitu mengenai dengan bagaimana kita dapat selesaikan dan bilakah dapat kita selesaikan. Kita sedang memantau lagi keadaan ini secara terperinci dengan mendapat segala macam laporan daripada pihak Jabatan Pendidikan Negeri dan ini akan kita proses secepat mungkin sekiranya ada keperluan. Dan di sini tak hendak saya beri jaminan. Walau bagaimanapun, kita harap dapat diselesaikan dalam masa yang terdekat ini. Terima kasih.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan berhubung dengan bilangan guru yang bersara, sebahagian guru-guru sebenarnya telah ditukar selepas daripada pilihan raya umum baru-baru ini. Jadi, saya hendak tahu pengakuan yang dibuat oleh pihak guru yang ditukar itu alasan kerana politik mereka menyokong BA ataupun PAS kalau di Kelantan menyebabkan mereka ditukar.

Adakah di kalangan mereka itu ada yang memohon untuk bersara awal, jika ada adakah permohonan itu diterima atau dipertimbangkan atau tidak diterima atau tidak dipertimbangkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini terpulang kalau hendak jawab, keluar daripada soalan asal.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, kita sedang berbincang mengenai dengan guru bahasa Cina. Saya tidak tahu Yang Berhormat hendak tahu mengenai guru bahasa Cina di Bachok. *[Ketawa]* Walau bagaimanapun, saya sebagai untuk juga sahabat saya

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Guru bersara!

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Daripada Bachok mengenai dengan guru bersara ini, ini sebagai tambahan sahajalah, makluman kepada Yang Berhormat Bachok tadi. Guru yang bersara tadi, kita ada senarai cukup banyak untuk mereka yang bersara, tetapi itu adalah persaraan wajib kita panggil dan guru yang ditukar

yang telah diambil kata oleh Yang Berhormat Bachok tadi, disebabkan penglibatan mereka dalam parti politik. Kalau kita ikut seperti mana apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bachok, habislah guru di negeri Kelantan terpaksa kita tukar. Sebenarnya pertukaran itu berlaku dalam proses perkhidmatan biasa, tidak ada masalah yang kita kata diambil tindakan kerana seseorang itu didapati mengundi ataupun tidakkah, itu kita tidak pakai alasan itu.

Apa yang berlaku baru-baru ini mengenai dengan kes di Terengganu dan Kelantan ialah kita tidak mahu sekolah kita dilibatkan dengan segala macam parti politik, sebab itu berkali-kali saya telah mengatakan supaya politik partisan berada di luar pagar sekolah, bukan dalam sekolah.

Jadi, kalau guru-guru yang telah menggunakan kedudukan mereka di sekolah untuk tujuan politik partisan, itu kita akan ambil tindakan disiplin.

3. **Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]** minta Menteri Kewangan menyatakan senarai pemegang kad kredit yang gagal membayar hutang bank, bilangan dikenakan tindakan mahkamah dan diisytiharkan muflis dan mengapakah kerajaan tidak membantu golongan ini dengan membatalkan caj faedah denda lewat bayaran yang tinggi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Bintang bersama-sama dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Padang Serai pada 23 November 2000, Yang Berhormat bagi Hulu Terengganu pada 7 Disember 2000 dan Yang Berhormat bagi Labuan pada 12 Disember 2000 kerana soalan-soalan yang dikemukakan tersebut adalah mengenai perkara yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, silakan.

Tuan Hashim bin Ismail: Panjang sedikit Tuan Yang di-Pertua, kerana banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Panjang. Pendek-pendekkan. *[Ketawa]* Sila.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, data kad kredit yang dikumpulkan oleh Bank Negara Malaysia tidak merangkumi data-data mengenai bilangan pemegang kad kredit yang telah atau sedang dikenakan tindakan undang-undang akibat kegagalan mengendalikan kad kredit dengan baik.

Walau bagaimanapun, data-data yang terkumpul menunjukkan jumlah hutang kad kredit yang tertunggak melebihi tiga bulan berkurang dengan ketara seperti berikut:

Tahun		Juta (RM)
Disember 1998	-	586.5
Disember 1999	-	395.8
Sehingga Jun 2000	-	367.6

Berhubung dengan saranan supaya kerajaan membantu golongan yang dikenakan tindakan mahkamah kerana gagal membayar hutang bank dan membatalkan caj faedah denda lewat bayar, kerajaan sentiasa mengambil kira kepentingan pelbagai pihak sebelum membuat sesuatu keputusan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum negara dilanda kegawatan ekonomi pada tahun 1997 pemegang kad kredit perlu membuat bayaran bulanan sebanyak 15% daripada jumlah pinjaman kad kredit yang masih belum dibayar. Kadar tersebut dikatakan membebankan para pemegang kad kredit terutama mereka yang menerima kesan akibat kegawatan ekonomi. Bagi meringankan bebanan tersebut kerajaan mulai tahun 1998 telah menurunkan keperluan bayaran bulanan minimum dari 15% kepada hanya 5% sahaja daripada jumlah pinjaman belum dibayar. Di samping itu, kadar faedah maksimum pinjaman kad kredit yang boleh dikenakan oleh institusi perbankan telah dikurangkan daripada 24% setahun kepada 18% setahun.

Pada masa yang sama kerajaan juga telah memperkenalkan kadar denda lewat membayar kepada pemegang kad kredit yang membuat bayaran lewat kepada sekurang-kurangnya RM5.00 tertakluk kepada kadar maksimum 1% daripada jumlah tunggakan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah kurang tepat untuk mengatakan bahawa institusi perbankan boleh mengeluarkan kad kredit dengan sewenang-wenangnya. Ini adalah

kerana institusi perbankan tertakluk kepada polisi dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia di mana permohonan kad kredit hanya boleh dipertimbangkan setelah memenuhi syarat-syarat minimum berikut:

- (i) Pendapatan minimum RM1,500 sebulan, ertinya setahun RM15,000. Sekiranya pendapatan pemohon kurang dari RM1,500 sebulan, pemohon perlu membuat simpanan tetap sebanyak RM50,000 dengan institusi pengeluar kad kredit berkenaan; dan
- (ii) berumur sekurang-kurangnya 21 tahun bagi permohonan kad utama. Di samping itu, tidak semua pemohon yang memenuhi syarat minimum tersebut akan memperoleh kad kredit secara automatik. Mereka adalah tertakluk kepada penilaian kredit yang akan dibuat oleh institusi perbankan berkenaan dan keputusan sama ada permohonan diluluskan atau tidak bergantung kepada penilaian yang dilakukan oleh institusi perbankan tersebut.

Adalah menjadi tanggungjawab pemegang kad kredit untuk menguruskan penggunaan kadnya dengan cara terbaik dan memastikan tidak melakukan perbelanjaan di luar kemampuan. Institusi perbankan menetapkan jumlah kredit atau *line of credit* yang berbeza kepada pemegang-pemegang kad bergantung kepada jumlah pendapatan dan kedudukan kewangan mereka. Ini adalah sebahagian daripada kaedah pengawalan risiko kredit yang dikenakan oleh institusi perbankan.

Kerajaan menghargai cadangan supaya memperketatkan polisi pengeluaran kad kredit di samping menaikkan had umur minimum pemohon kepada 25 tahun. Namun demikian, keadaan sekarang tidak membimbangkan dan tidak ada apa-apa perubahan diperlukan. Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa memantau secara rapi operasi kad kredit dan bersedia memperkenalkan langkah-langkah yang sesuai sekiranya keadaan memerlukan kelak institusi perbankan juga turut dikehendaki memantau situasi ini bagi memastikan keadaan adalah terkawal.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah kementerian Yang

Berhormat mencadangkan bahawa mengadakan satu pasukan khas untuk mengawal selia kegiatan-kegiatan kad kredit yang dikeluarkan oleh institusi-institusi kewangan bahawa memastikan mereka tidak menyalahgunakan *facility* ini. Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, setakat ini pihak Bank Negara Malaysia belum lagi bercadang untuk menubuhkan satu pasukan khas untuk memantau penyalahgunaan kad kredit yang agak berleluasa sekarang ini. Tetapi namun demikian, Bank Negara Malaysia sekarang ini sedang dalam usaha mengkaji satu sistem yang kita namakan *Customer Referral Information System* (CRIS) supaya butir-butir atau maklumat tentang pengguna ataupun pemegang kad kredit dapat di'*on-line*'kan maklumatnya ke seluruh institusi perbankan, dan dengan cara ini bagi mereka yang mungkin tidak layak ataupun dahulu ada diberitakan seorang itu memegang lapan kad kredit. Ertinya, mungkin tidak ada pemantauan dari segi itu secara berkesan. Maka dengan adanya sistem baru ini saya rasa kita dapat *monitor* keseluruhan pergerakan operasi kad kredit dengan cara memantau, mengawal selia ataupun mendapatkan maklumat secara *centralized*. Dengan cara itu, maka kita dapat mengurangkan penyalahgunaan kad kredit ini seperti yang berlaku sekarang ini. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang diPertua, soalan tambahan. Saya berpendapat bahawa antara punca insiden NPL yang tinggi di kalangan pemegang kad kredit, pertama adalah kerana kriteria gaji, RM1,500 saya anggap terlalu rendah untuk memiliki kad kredit.

Kedua, faedah sebanyak 1.5% bila dilihat secara *annualize* 18% adalah lebih tinggi daripada kadar pasaran. Adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji semula. Di samping itu, saya dapati daripada statistik bilangan pemegang kad kredit di Malaysia adalah 9% daripada jumlah penduduk negara, berbanding dengan Hong Kong 20% daripada jumlah penduduk. Jadi, ini bermakna dari segi bank ia mempunyai banyak lagi peluang untuk menarik lebih ramai pemegang kad kredit. Dengan itu, dari segi pemprosesan pemberian kad kredit tersebut mungkin tidak dilaksanakan dengan betul bagi tujuan untuk menarik lebih ramai mereka untuk memegang kad kredit. Adakah kerajaan memantau cara pemprosesan kad kredit oleh bank-bank?

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tambun. Sebenarnya, sebelum ini kadar minimum gaji yang diperlukan ialah RM2,000. Tetapi oleh kerana kerajaan memikirkan kita mahu menggalakkan satu kegiatan perbelanjaan secara aktif (*active spending*) di kalangan rakyat, maka kita turunkan daripada RM1,500. Tetapi *active spending* dalam erti kata perbelanjaan yang berhemah, yang bijaksana (*prudent spending*), dengan itu kerajaan turunkan kepada RM1,500. Bermula daripada Julai tahun 1999 kadar ini diturunkan kepada RM1,500. Pada masa ini kita dapati kadar ini adalah agak sesuai dan apa yang kita peroleh, kita dapati kegawatan ekonomi telah menyebabkan ramai pemegang kad kredit yang berhutang, yang terpaksa mendapatkan *cash* dan berhutang dan tidak dapat membayar, meninggikan NPL. Saya rasa selepas kegawatan ini, ekonomi kita sudah mulai pulih, maka kedudukan menjadi semakin baik. Keupayaan membayar semula menjadi semakin baik, maka setakat itu kerajaan akan teruskan dengan dasar ini iaitu RM1,500 ini akan terus dikekalkan, kerana dari tahun ke tahun selepas kegawatan kita dapati keadaan semakin baik berpunca dari pemulihan ekonomi negara kita.

Yang kedua, tadi Yang Berhormat tentang proses. Saya rasa dari segi proses pengeluaran kad kredit.....

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tentang faedah tinggi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Biasa sahajalah.

Tuan Hashim bin Ismail: Faedah 18%.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Proses biasa.

Tuan Hashim bin Ismail: Faedah tahunan 18% saya rasa didapati sesuai kerana dahulu 25% kita turunkan untuk tidak membebankan *credit card holder*. Jadi, kita turunkan daripada 25% dan kita dapati kadar ini adalah sesuai, dan untuk keadaan sekarang ini yang sesuai. Saya rasa dari segi pengeluaran kad kredit juga tidaklah begitu mudah kerana yang saya katakan tadi di samping minimum *requirement* yang saya sebutkan tadi, kita juga ada penilaian kredit, misalannya kita kaji *track record* mereka, keadaan ekonomi semasa, keupayaan mereka membayar kembali hutang mereka dan juga adakah mereka mempunyai komitmen lain di samping hutang yang

berlaku pada kadnya itu. Jadi, kerana itu proses pengeluaran kad kredit juga diperketatkan supaya tidak dikeluarkan sewenang-wenangnya dan tidak semudah seperti yang kita sangkakan. Terima kasih.

4. **Drs. Haji Abu Bakar bin Othman [Jerlun]** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada kerajaan bercadang untuk meminda skim pinjaman buku teks kerana apa yang telah dilaksanakan selama ini menyusahkan murid-murid sekolah untuk membuat rujukan dan ulangkaji bagi menghadapi PMR, SPM, STPM dan sebagainya kerana hanya dipinjamkan selama satu tahun pengajian sahaja.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat bagi Jerlun, sahabat saya. Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk meminda dasar Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) yang sedia ada. Kerajaan pimpinan Barisan Nasional tetap prihatin ke atas mereka yang berpendapat rendah. Skim ini juga ialah bertujuan untuk mengurangkan bebanan perbelanjaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buku-buku teks tersebut dipinjamkan kepada murid pada awal tahun dan dikembalikan sebelum cuti akhir tahun untuk menjamin keselamatan buku-buku teks tersebut. Walau bagaimanapun, terpujanglah kepada budibicara pihak sekolah untuk membenarkan para pelajar khususnya di Tingkatan Tiga dan Lima yang akan menghadapi peperiksaan awam seperti PMR dan SPM untuk meminjam buku-buku teks Tingkatan Satu, Dua atau Empat bagi tujuan rujukan dan ulang kaji. Ia juga bergantung kepada lebihan stok buku-buku teks berkenaan di sekolah.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang memberi penjelasan tadi. Tetapi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, adakah buku-buku teks ini juga disediakan di perpustakaan-perpustakaan sekolah dan apakah usaha-usaha Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan penggunaan kemudahan-kemudahan di perpustakaan sekolah supaya pelajar-pelajar ini dapat dididik daripada mereka di peringkat anak-anak pelajar lagi untuk menjana pemikiran, untuk menggarap sebanyak mana ilmu yang ada. Kerana saya bimbang sekarang ini kalau kita lihat di kalangan rakyat Malaysia didapati bahawa budaya membaca itu adalah

amat kurang, dan apakah usaha-usaha Kementerian Pendidikan ke arah itu. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat bagi Arau. Mengenai dengan buku-buku itu sama ada kita bersedia ataupun tidak di bilik-bilik bacaan murid-murid kita tetap sediakan juga di perpustakaan sekolah-sekolah. Buku-buku lain juga kita mahu dipenuhi dengan bahan-bahan bacaan yang lain seperti akhbar, majalah dan sebagainya. Baru-baru ini kita telah pun minta maklumat daripada pihak sekolah-sekolah supaya memberi laporan mengenai dengan kedudukan bilik-bilik bacaan dan harapan kita ialah kita akan mempertingkatkan lagi keupayaan bilik-bilik bacaan atau perpustakaan sekolah-sekolah tersebut.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat juga, kita pihak Kerajaan Barisan Nasional tetap akan memberi perhatian mengenai dengan budaya membaca ini. Malah kita telah menjalankan segala macam usaha bagi mempertingkatkan lagi budaya membaca ini di kalangan murid-murid kita terutama sekali di sekolah-sekolah rendah. Sebagai maklumat pihak Yang Berhormat juga kita bukan sekadar hanya bercakap buku-buku ataupun bahan-bahan yang bercetak, hari ini kita telah pun membincangkan dan melakukan projek perintis penggunaan buku elektronik, dan juga di samping itu, kita akan mempertingkatkan lagi penggunaan ICT di sekolah-sekolah peringkat rendah dan menengah. Inilah kelebihan kerajaan pimpinan Barisan Nasional. *[Ketawa] [Menyampuk]*

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kasihan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak payah kasihan, soalnya. *[Ketawa]*

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman: Begini. Menteri dan Timbalan Menteri kedua-duanya selalu tidak ada, Setiausaha Parlimen sahaja akan menjawab segala persoalan, kasihan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan.

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman: Soalan tambahan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya kasihan kepada sahabat saya.

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman: Bilakah kementerian hendak melaksanakan dasar e-buku yang dilaung-laungkan selama ini iaitu semenjak Menteri Pendidikan yang lalu. Rakyat tertunggu-tunggu pelaksanaannya kerana kita kasihan pelajar-pelajar sekolah sekarang ini terpaksa memikul dan menggalas beg-beg antara empat, lima, enam kilogram pergi dan balik ke sekolah setiap hari. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Nampaknya Yang Berhormat kasihan kepada saya ataupun kasihan kepada siapa. Saya tak tahu sebab - kita di Kementerian Pendidikan sama ada Menteri, Timbalan-timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen, kita bekerja sebagai pasukan. [*Tepuk*] Bukan macam PAS dan DAP mereka bekerja bukan sebagai pasukan

Jadi, berbalik saya kepada perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai dengan e-buku ataupun *electronic books*, dengan izin. Kita sekarang ini sedang menjalankan projek perintis sedang kita mulakan iaitu kita kenal pasti beberapa buah sekolah terlebih dahulu untuk kita jalankan projek ini. Sama ada sejauh mana ia akan berkesan ataupun tidak, harapan kita ialah ia akan memberi kesan yang begitu baik.

Mengenai dengan perkara Yang Berhormat bangkitkan, pada saya galas beg buku, memang kita terima banyak aduan mengenai itu. Malah kita telah menjalankan beberapa rancangan untuk mengurangkan beban ataupun berat beg buku kerana menggalas buku. Ini pun kita dapati di kalangan murid-murid walaupun kita sudah ada jadual waktu tetapi mereka masih membawa buku-buku itu ke sekolah. Jadi, tidaklah boleh kita lempar tuduhan itu ke pada pihak kementerian kerana kita tidak melakukan apa-apa.

Sekali lagi saya beri jaminan kepada ahli-ahli di Dewan yang mulia ini, selagi Kerajaan Barisan Nasional menguasai kerajaan, kita tetap akan memberi prihatin kepada anak-anak muda kita di sekolah. Tidaklah seperti PAS - saya tidak tahu mereka tidak begitu prihatin sangat kepada masyarakat umum, mereka hanya prihatin semasa kempen pilihan raya sahaja. [*Tepuk*] Saya tetap tegas di sini sekali lagi kepada Yang Berhormat, kita boleh berpisah kerana parti tetapi tidak bercerai kerana agama. Terima kasih.

5. Tuan Lee Kah Choon [Jelutong] minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kerajaan bercadang melepaskan (discharge) seseorang bankrap (bankrupt) selepas satu jangka masa yang tertentu.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini tidak ada peruntukan dalam Akta Kebankrapan 1967 yang membolehkan kerajaan melepaskan seseorang bankrap selepas sesuatu jangka masa tertentu.

Pada masa ini, kerajaan tidak bercadang mengadakan peruntukan sedemikian. Walau bagaimanapun, terdapat satu peruntukan baru berkuat kuasa mulai 1 Januari 1999 yang memberi kuasa budi bicara kepada Pegawai Pemegang Harta untuk mengkaji sesuatu kes kebangkrapan selepas lima tahun pentadbirannya untuk dilepaskan status kebangkrapan melalui Sijil Pelepasan Pegawai Pemegang Harta.

Sesuatu kes dianggap layak jika ianya memenuhi kriteria-kriteria yang telah ditentukan. Pelepasan ini adalah tertakluk kepada bantahan pemiutang yang mana jika bantahan pemiutang ditolak oleh Pegawai Pemegang Harta, pemiutang boleh memfailkan permohonan ke mahkamah untuk menahan Pegawai Pemegang Harta dari mengeluarkan perakuan pelepasan. Mahkamah pula, antara lain, boleh menahan Pegawai Pemegang Harta dari mengeluarkan perakuan pelepasan untuk tempoh dua tahun lagi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Jelutong.

Tuan Lee Kah Choon : Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah berapa kes bankrap yang telah dilepaskan oleh mahkamah sejak tahun 1999 dan jikalau bilangannya adalah kecil, adakah itu menunjukkan bahawa seksyen ini tidak berkesan? Sekian.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bilangan kes yang diputuskan yang layak untuk dilepaskan status bankrap sehingga 30 September 2000 adalah seperti berikut:

Tahun	Kes Layak
1999	285
2000	279

Jadi, semua yang telah kita kuatkuasakan lebih daripada 500 kes. Ini jelas menunjukkan pindaan yang kita buat pada tahun 1999 memang berkesan untuk kita membuat pengurangan mengenai kes-kes kebangkrapan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang d-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Jeli.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Ekonomi Malaysia digerakkan oleh kerajaan sekarang ini dan daripada perbincangan ahli-ahli perniagaan didapati bahawa undang-undang bankrap Malaysia ini keras dan lebih tegas berbanding dengan negara-negara saing. Jadi, apakah kerajaan tidak bercadang untuk meringankan sedikit supaya undang-undang bankrap ini tidak terlalu keras supaya kita boleh melahirkan lebih ramai orang-orang Malaysia yang berhajat, bercita-cita untuk ceburkan diri dalam bidang perniagaan. Kalau dalam keadaan sekarang ramai yang takut daripada yang berani. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai kebangkrapan ini, sebagaimana kita sedia maklum, kerajaan telah pun membuat pindaan hanya mereka yang terhutang RM10,000 ke atas sahaja yang baru boleh dicaj untuk kes-kes bankrapsi. Sebelum ini di bawah RM10,000 pun boleh di bawa ke mahkamah dan boleh difailkan untuk bankrapkan seseorang. Oleh sebab itu kerajaan telah pun meminda undang-undang yang mana daripada yang saya nyatakan tadi, kita telah pinda undang-undang ini dan di antara kriteria yang kita ambil kira untuk kita melepaskan seseorang bankrap ialah jika hutangnya tidak melebihi RM10,000 - ini kes yang banyak kita lepaskan.

Jadi, mengenai cadangan Yang Berhormat supaya kita lebih kurangkan jumlah ini saya rasa negara kita telah pun memberikan satu jumlah yang amat munasabah kerana kalau kita tidak kuatkan undang-undang bankrap ini maka sudah tentu orang tidak takut membuat pinjaman. Bila mereka tidak takut membuat pinjaman kerana tidak takut untuk di bawa ke mahkamah maka kita lihat NPL akan meningkat. Seperti

di negara kita alhamdulillah NPL kita dalam 47%. Kalau di negara-negara lain banyak lagi NPL. Kalau NPL ini meningkat sudah tentu ianya akan menjejaskan ekonomi. Oleh sebab itu undang-undang bankrap yang ada di negara kita pada fikiran saya adalah undang-undang bankrap yang terbaik buat masa ini. Terima kasih.

[Soalan No. 6 – Y.B. Tuan Joseph Salang anak Gandum [Julau] tidak hadir]

7. Tuan Muhamad bin Mustafa [Peringat] minta Perdana Menteri menyatakan kriteria yang ditetapkan oleh JAKIM untuk menentukan sesuatu ajaran atau kumpulan itu sesat atau tidak, berapakah jumlah ajaran atau kumpulan sesat yang telah dikenal pasti dan berapakah yang telah diambil tindakan di seluruh negara.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kriteria yang ditetapkan oleh JAKIM bagi menentukan sesuatu ajaran atau kumpulan itu sesat atau tidak adalah berpandukan kepada al-Quran, al-Sunnah, Ijmak dan Qias berdasarkan mazhab Ahli Sunnah wal-Jamaah. Sehingga kini kerajaan telah dapat mengesan 125 ajaran sesat di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut 71 kumpulan telah dapat dibanteraskan dan 36 kumpulan masih dalam siasatan pihak berkuasa agama. Sebanyak 18 kumpulan lagi yang dianggap aktif sudah diwartakan atau dalam proses untuk diwartakan dan tindakan sedang diambil ke atas kumpulan-kumpulan tersebut. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Peringat.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana yang kita sedia maklum, prinsip ajaran sesat yang telah ditetapkan oleh Allah di dalam al-Quran ialah sebagaimana firmanNya, *[membaca sepotong ayat Al-Quran]* yang bermaksud: “*Tidak ada lagi selepas kebenaran hanyalah kesesatan*”. Ini termasuklah kesesatan dalam ideologi, undang-undang, ekonomi, politik dan sebagainya jika ianya bercanggah dengan al-hak yang telah ditetapkan oleh Allah. Adakah undang-undang warisan Inggeris dan sistem kehakimannya yang terang-terang bertentangan dengan al-Quran khususnya di bidang jenayah, amalan riba yang telah diisytihar perang oleh Allah, Jemaah Al-Quran yang antihadis yang dilindungi oleh kerajaan sekarang ini termasuk ke dalam senarai ajaran sesat?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Soalannya Yang Berhormat, panjang.

Tuan Muhamad bin Mustafa:yang dinaungi oleh kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Sekejap, hendak habiskan ini. Adakah apa yang saya sebutkan itu termasuk ke dalam senarai sesat atau tidak, jika tidak, kenapa dan apa alasannya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu syarahan, Yang Berhormat.

Tuan Muhamad bin Mustafa: Bagi saya, itu semua adalah termasuk di dalam ajaran sesat yang perlu dihapuskan. Soalannya, bilakah ajaran-ajaran sesat ini hendak dihapuskan supaya kerajaan tidak menjadi pengamal ajaran sesat di dalam undang-undang, ekonomi dan politik sebelum ajaran-ajaran sesat lain dihapuskan? Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya harus jelaskan bahawa mengenai penentuan dan juga tindakan kepada ajaran sesat ini ianya terbahagi kepada dua. Satu, pihak JAKIM yang akan membuat kajian; dan satu lagi ialah pihak penguasa negeri yang akan mengambil tindakan kerana daripada JAKIM tidak ada kuasa untuk mengambil tindakan kerana enakmen penguatkuasaan mengenai undang-undang adalah tertakluk kepada kerajaan negeri.

Daripada segi prosedur untuk kita mengenal pasti ajaran sesat ialah pihak JAKIM akan mendapat maklumat daripada pihak-pihak tertentu, pelapor-pelapor dan apabila laporan ini dapat, mereka akan buat kajian dan mereka akan jumpa dengan pengikut-pengikut ajaran sesat ini untuk diberi kaunseling dan sebagainya. Jika tidak ada perubahan maka kajian yang dibuat ini akan dibentangkan pula kepada Jawatankuasa Panel Kajian Akidah.

Daripada Panel Kajian Akidah ini akan mengkaji sama ada laporan yang dibuat oleh pihak JAKIM ini mengenai tuduhan ajaran sesat ini benar ataupun tidak. Apabila Panel Kajian Akidah ini telah berpuas hati maka ianya akan diangkat kepada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan inilah yang akan membuat fatwa bahawa pertubuhan itu merupakan ajaran sesat.

Apabila ia telah difatwakan oleh Jawatankuasa Fatwa, ianya diperturunkan di peringkat negeri. Di peringkat negeri pula, Jawatankuasa Fatwa Negeri akan membuat fatwa pula mengatakan bahawa ianya ajaran sesat, kemudian ianya pula akan diwartakan. Apabila ia diwartakan barulah pihak berkuasa kerajaan negeri akan mengambil tindakan kepada pertubuhan ajaran sesat.

Seperti mana Yang Berhormat mendakwa mengatakan kita seolah-olah melindungi sesuatu ajaran sesat, ini adalah tidak benar. Kalau dilihat statistik yang ada pada saya, kes-kes ajaran sesat yang telah dikenal pasti di Kelantan, sebagai contoh:

- Ajaran Daud Majid pada tahun 1990 di Kota Bharu dan Kelantan sehingga sekarang belum lagi diwartakan.
- Ajaran Wan Omar pada tahun 1990 kita sudah kenal pasti di Kota Bharu, Kelantan pun belum lagi diwartakan.
- Ajaran Sufi Lembek juga di Kota Bharu pada tahun 1990 masih lagi belum diwartakan.
- Ajaran Wan Ismail bin Wan Hassan tahun 1990 juga di Kota Bharu, Kelantan belum lagi diwartakan.

Apabila ia tidak diwartakan sudah tentu pihak berkuasa kerajaan negeri tidak boleh mengambil tindakan kepada ajaran-ajaran sesat ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Parit Sulong.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahun daripada Setiausaha Parlimen, pada tahun 1985, 1986 telah pun dikeluarkan satu kertas putih mengenai perpaduan dan perpecahan dan juga mengenai ajaran sesat dalam negara ini.

Di antara satu perkara yang diketengahkan ataupun dengan izin, *being highlighted* adalah mengenai ajaran sesat yang dibawa oleh sesetengah ahli PAS yang mengkafirkan sesama orang Islam yang menuduh bahawa sembelihan orang Islam bukan PAS tidak boleh dimakan dan nikah cerai yang dilaksanakan oleh imam rawatib ataupun wakil kerajaan tidak sah, perlu dinikahkan semula.

Adakah ajaran seperti ini masih lagi berjalan dan apa yang hendak dilakukan oleh pihak kerajaan mengenai ajaran seperti ini? Terima kasih.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya telah menyatakan mengenai proses ajaran sesat kerana kita bukan mudah untuk menuduh satu-satu ajaran itu merupakan ajaran sesat. Jadi, segala laporan-laporan yang diterima oleh JAKIM ingin saya nyatakan kita akan membuat kajian. Tetapi kalau ada contoh-contoh yang begitu nyata yang dibuat oleh pertubuhan-pertubuhan agama ini maka ianya sudah tentu boleh diambil tindakan.

Tetapi masalah yang kita hadapi ini ialah masalah yang dibuat oleh parti politik. Apabila perkara ini dibawa oleh ahli politik, ramai orang menganggap ini ialah masalah politik. Bila ini masalah politik maka kalau kita ambil tindakan maka pelbagai tuduhan, mereka akan tuduh kepada pihak kerajaan. Jadi, sebab itu di dalam menangani masalah ini, kerajaan harus bertindak dengan bijak seperti kata pepatah Melayu, "*menarik rambut dalam tepung*", kena berhati-hati. Terima kasih.

8. Tuan Thong Fah Chong [Ipoh Timur] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) mengapakah gejala lumba motosikal haram masih berleluasa di bandar raya utama seperti Ipoh walaupun kegiatan seperti ini dibantah keras pihak kerajaan dan masyarakat; dan
- (b) adakah kementerian bercadang untuk melaksanakan langkah yang lebih berkesan bagi menghalang kegiatan seperti ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, gejala lumba haram terutama yang melibatkan motosikal di kalangan remaja-remaja masih berleluasa kerana golongan ini hanya mementingkan keseronokan diri tanpa memikirkan risiko yang akan dihadapi serta tidak menghiraukan tindakan undang-undang walaupun pelbagai kempen telah pun dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menghalang kegiatan ini, terdapat terus berleluasa pesalah pelumba haram akan dituduh di bawah Seksyen 42 Akta Pengangkutan Jalan di mana seksyen ini telah pun dipinda untuk mengenakan hukuman yang lebih berat. Pesalah-pesalah juga tidak diberikan untuk diikat jamin sehingga dituduh di

mahkamah pada keesokan harinya. Selain daripada itu, operasi-operasi yang lebih kerap sentiasa dijalankan untuk membanteras kegiatan ini di samping mengadakan rondaan di lokasi yang dikenal pasti sering dijadikan gelanggang pelumbaan haram ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Ipoh Timur.

Tuan Thong Fah Chong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagai wakil rakyat di kawasan Ipoh Timur, banyak laporan dan cadangan diberi kepada polis untuk menyelesaikan masalah ini, namun masalah ini langsung tidak boleh diatasi. Ini menunjukkan pendekatan penguat kuasa yang diambil oleh polis kurang berkesan.

Soalan tambahan saya, saya ingin tahu adakah kerajaan bercadang untuk memupuk kesedaran sivik terhadap masalah ini di kalangan anak muda melalui iklan akhbar dan sebagainya. Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat. Mengenai cadangan-cadangan yang telah pun dikemukakan kepada pihak PDRM dan jika ada lagi cadangan yang lebih bernas dan jika terdapat pihak PDRM di negeri ataupun di kawasan Yang Berhormat tidak rela mengikut cadangan, saya harap Yang Berhormat dapat mengemukakan cadangan itu kepada saya, mungkin saya dapat berbincang dengan PDRM di kawasan-kawasan tertentu.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, kerajaan sentiasa mengadakan kempen dan juga kursus-kursus sivik untuk mendidik supaya remaja ataupun pemuda-pemudi kita lebih berhati-hati semasa menaiki motosikal tetapi seperti saya katakan tadi, ada lagi di antara mereka memang tidak menghiraukan kempen-kempen ataupun amaran-amaran, hanya mereka hendak cari keseronokan dan kerajaan dewasa ini telah pun menjadi lebih tegas terhadap mereka memandangkan Seksyen 42 Akta Pengangkutan telah pun dipinda. Jika mereka didakwa di mahkamah, mahkamah tidak bagi ikat jamin walaupun ibu bapa minta dan hanya selepas mereka didakwa di mahkamah barulah diberikan jaminan kepada ibu bapa. Buat sementara, jika kita melihat tentang peruntukan di bawah Seksyen 42 memang cukup penalti, cukup tegas sekali. Kemungkinan salah satu aspek hukuman ialah hukuman penjara kepada

pemuda-pemudi yang terlibat dan kita harapkan kita dapat melihat masalah-masalah pelumba haram ini kian berkurangan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Lipis.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang prihatin tentang keselamatan jalan raya. Soalan saya, adakah benar terdapat kelab-kelab lumba haram yang dianggotai oleh pelumba-pelumba haram ini dengan nama seperti Dare-Devil yang dianggotai oleh beribu-ribu pelumba haram dan jika ini benar, adakah pihak kementerian telah mengenal pasti mereka ini dan di bawah Ordinan apakah mereka ini boleh diambil tindakan. Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: terima kasih Yang Berhormat. Memang terdapat banyak kelab lumba haram ini tetapi secara tidak rasmi, kita sentiasa dapat melihat satu kumpulan, dua tiga kumpulan, pemuda-pemudi yang memanggil mereka sebagai satu kelab tetapi kelab secara tidak rasmi macam kelab Dare-Devil. Kerajaan tidak boleh berbuat apa-apa sebab ini adalah satu kelab yang tidak sah cuma satu nama yang diberikan kepada mereka sendiri dan kerajaan tidak boleh bertindak jika mereka tidak melakukan sebarang kesalahan di bawah Akta Pengangkutan tetapi seperti saya katakan tadi, jika mereka membawa motosikal secara merbahaya maka ini adalah salah satu kesalahan.

Tadi saya lupa beritahu Dewan yang mulia ini, kadang-kadang kita menghadapi masalah dalam pengambilan tindakan terhadap pelumba haram sebab bila mereka melihat ada anggota polis, mereka sengaja menaiki motosikal begitu laju sekali untuk elak tangkapan polis dan kalau polis letakkan halangan di tengah jalan raya pun tidak betul juga sebab ini akan menyebabkan kemalangan. Ini adalah masalah yang dihadapi oleh pihak polis dan kita masih cari jalan macam mana kita dapat membanteras kegiatan yang tidak sihat ini sekaligus. Sekian.

9 Tuan Chang See Ten [Gelang Patah] minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan tindakan penguatkuasaan yang lebih berkesan terhadap masalah keengganan menggunakan meter teksi oleh pemandu-pemandu teksi.

Menteri Pembangunan Usahawan [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Usahawan sedar akan masalah keengganan menggunakan meter oleh pemandu-pemandu teksi sama ada di Lembah Klang, Pulau Pinang ataupun di Johor Bahru. Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) melalui unit penguat kuasa dengan bantuan dan kerjasama daripada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sentiasa menjalankan operasi penguatkuasaan bagi mengesan pemandu-pemandu sedemikian. Hasil dari operasi yang dijalankan, bilangan lesen teksi yang telah dibatalkan atas kesalahan enggan mengguna meter telah dapat dikurangkan seperti yang berikut:

Pada tahun 1998, 118 kes dibatalkan, tahun 1999 127 kes dan pada tahun ini, tahun 2000 sehingga Ogos cuma 33 kes sahaja. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekiranya disabit kesalahan, LPKP akan membatalkan lesen teksi mana-mana pemandu teksi yang didapati dengan secara sengaja mengenakan tambang lebih, tidak menggunakan meter atau enggan mengambil penumpang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Gelang Patah.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri terangkan, selain daripada tindakan penguatkuasaan dengan pembatalan lesen, adakah pihak kementerian memperkenalkan cara yang lain seperti memberikan pendidikan sosial kepada pemandu-pemandu teksi ini supaya mereka wujud kesedaran tanggungjawab sosial dengan sendirinya akan menggunakan meter teksi dengan satu cara yang lebih berkesan. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, LPKP hanya bertanggungjawab untuk mengeluarkan lesen. Lesen untuk memandu dikeluarkan oleh Kementerian Pengangkutan dan saya telah diberi fahaman iaitu bahawa sememangnya Kementerian Pengangkutan mengadakan kursus-kursus untuk memberikan latihan kepada pemandu-pemandu ini. LPKP juga membantu Kementerian Pengangkutan dengan juga mengadakan satu unit untuk kaunseling kepada pemandu-pemandu ini. Walau bagaimanapun, di bawah LPKP hanya satu tindakan sahaja yang kita ambil iaitu dengan membatalkan lesen.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 6, 10 hingga 20 adalah dijilid dalam buku berasingan]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

Ahli Kongres Amerika Campur Tangan Perkara Dalam Malaysia

11.03 pagi.

Tuan Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya Moktar Radin ataupun nama sinonim Bung Moktar dari Kinabatangan ingin mengemukakan satu usul bagi menangguh mesyuarat di bawah Peraturan 18(1) dan 18(2). Usul adalah seperti berikut:

"Merujuk kepada perkara di atas, saya dengan sukacita ingin mengemukakan usul untuk menangguhkan sidang Dewan Rakyat untuk membincangkan satu perkara tertentu, mempunyai kepentingan awam dan perlu disegerakan".

Akhbar *Utusan Malaysia* pada 27 Oktober 2000 telah melaporkan di muka depan bahawa terdapat satu usaha yang dijalankan oleh penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan menggunakan sebuah firma perunding antarabangsa di Washington, Janus Meritt Strategy (JMS) untuk memburuk-burukkan Malaysia dengan melobi Kongres Amerika Syarikat agar negara berkenaan mengenakan sekatan ekonomi dan politik terhadap negara ini. Untuk tujuan ini JMS telah dibayar sebanyak USD50,000 dan ada juga laporan lain sehingga USD200,000 ataupun RM190,000 untuk mengendalikan perkhidmatan selama lebih kurang empat bulan.

Sehubungan dengan itu Ketua Pemuda Keadilan, saudara Ezam Mohd. Nor secara terbuka telah mengakui bahawa beliau terlibat secara langsung di dalam usaha memburuk-burukkan negara tersebut. Antara lain, beliau telah menemui pembantu senator, Jasse Halm daripada Republikan bagi mencapai tujuan tersebut. Turut difahamkan seorang aktivis Keadilan, Raja Petra Kamaruddin turut bekerja dengan JMS. Oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, tindakan keji dan khianat tersebut amat

serius dan boleh mengancam kestabilan ekonomi negara. Saya ingin mengemukakan usul agar Dewan ditangguh untuk membentang dan membincangkan usul ini kerana:

- (i) Tindakan memburuk-burukkan negara tersebut adalah pengkhianatan besar dan penderhaka kepada rakyat negara. Ini bersifat menghina negara, rakyat dan institusi yang ada serta pemimpinnya. *[Tepuk]*
- (ii) Tindakan ini juga adalah satu perbuatan yang keji dan keterlaluan kerana ia boleh menjejaskan hubungan rakyat terbanyak, oleh itu ia perlu dihentikan dengan segera *[Tepuk]*
- (iii) Perbuatan tersebut merupakan satu penderhakaan kepada negara *[Tepuk]* dengan mensabotaj ekonomi negara. Ketidakstabilan ekonomi negara nantinya akan mengakibatkan banyak kesengsaraan dan pengangguran kepada rakyat.
- (iv) Penderhakaan dengan menjadi dalang serta tali barut terbuka kepada pengkhianat asing ataupun pihak asing adalah pengkhianatan kepada kedaulatan undang-undang negara dan bertentangan dengan ajaran agama Islam yang suci.

Berdasarkan penjelasan di atas, saya dengan ini memohon kelulusan Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat untuk menangguhkan sidang bagi membolehkan Dewan membincangkan satu perkara tertentu, berkepentingan ramai dan perlu disegerakan.

Dengan ini saya mohon mengusulkan, Tuan Yang di-Pertua. *[Tepuk]*
[Disampuk]

Beberapa Ahli: Bahas, bahas!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Diam ya, saya hendak jawab ni. Terpulang pada saya membuat keputusan. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat kawasan Kinabatangan pada 3 November 2000. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Yang Berhormat sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbangkan oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) ia adalah bagi kepentingan orang ramai dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara yang tertentu, ia adalah bagi kepentingan orang ramai, berkehendak disegerakan. Tetapi pada fikiran saya perkara ini tidak perlu disegerakan. *[Disampuk]* Kita sekarang sedang membahas Belanjawan Tahunan, dengarlah saya hendak jawab ini, jangan buat macam itu, nanti saya cakap tidak faham pula. Tetapi pada fikiran saya, perkara ini tidak perlu disegerakan. Kita sekarang sedang membahas Belanjawan Tahunan. Di bawah Peraturan Mesyuarat, pada masa perbincangan Belanjawan, apa-apa sahaja di atas muka bumi ini boleh dibahaskan. *[Ketawa]*

Selain dari itu, saya difahamkan pihak polis sedang membuat siasatan di dalam perkara ini. Biarlah polis menjalankan tugas mereka dengan tidak diganggu-gugat oleh mana-mana pihak. Percayalah kepada polis, rumah Yang Berhormat dicuri orang pun report polis juga. Tetapi semasa itu kita sungguh berdukacita di atas perbuatan tujuh orang ahli Kongres Amerika yang bercadang hendak mengemukakan sebuah usul dalam kongres mereka untuk mengenakan sekatan ekonomi ke atas negara kita dan mendesak mahkamah kita membicarakan semula satu kes yang telah dijatuhkan hukuman oleh sebuah mahkamah di negara kita. Ini kerana mengikut dasar perhubungan di antara negara-negara di dunia yang berdaulat dan merdeka, sebuah negara tidak boleh campur tangan perkara dalaman negara lain. *[Tepuk]*

Konvensyen Antarabangsa ini dianggap sungguh mustahak dan amat dihormati untuk mengekalkan perasaan berbaik-baik dan hormat menghormati antara satu negara dengan negara lain, lebih-lebih lagi jika campur tangan itu dibuat tanpa pertimbangan yang mendalam atau dengan mendengar sebelah pihak sahaja. Entah apa pula perasaan orang Amerika jika kita pula membuat satu keputusan dalam *[Disampuk]* Dewan Rakyat ini mengkritik hukuman-hukuman mereka yang mahkamah telah jatuhkan. Umpamanya, apa kata jika kita mengkritik hukuman mahkamah mereka dengan menuduh bahawa hukuman mahkamah mereka yang dibuat dalam kes Microsoft itu adalah tidak adil dan menindas.

Dari segi warganegara Malaysia pula, sayugialah, diingati bahawa negara Malaysia ini adalah negara kita, baik buruknya dari segi kaca mata masing-masing adalah hak kita dan ibu pertiwi kita. *[Tepuk]* Kita tidak boleh lari dari hakikat ini walaupun kita masuk ke dalam lubang cacing sekalipun. Oleh itu, jika sesiapa jua yang melakukan sesuatu yang boleh merosakkannya dan jika negara kita menjadi rosak hasil dari perbuatan ini maka bukan sahaja orang-orang lain yang tidak berdosa akan menderita tetapi sesiapa jua yang membuat kerehah ini termasuk juga kaum keluarga mereka dan orang-orang yang mereka sayangi akan turut menderita. Orang-orang ini bagaikan marahkan pijat, tilam dibakar.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sungguhpun usul ini adalah bagi kepentingan ramai dan tertentu, ia tidak perlu disegerakan. Ini kerana ia boleh dibincangkan di dalam perbincangan Belanjawan yang sedang berjalan sekarang. Oleh yang demikian, saya menolak usul ini. Terima kasih.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu sudah keputusan. Tidak payah ungkitlah.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Sebab Tuan Yang di-Pertua, mengaitkan usul yang berkaitan dengan GMS dengan isu yang berkaitan dengan Ahli-ahli Kongres Amerika dan usul mereka. Saya fikir pandangan Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: Peraturan apa itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini sudah keputusan, beginilah Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tumpat duduk. Hanya kita berbincang satu jam, setengah jam bagi membentang dan setengah jam bagi menyokong atau tidak menyokong. Kita tidak membuat apa-apa keputusan. Kalau kita bercakap dalam perbincangan sekali pun kita boleh memberi berbagai pandangan. Jadi lebih masa itu daripada perbincangan belanjawan lebih panjang kita boleh bercakap. Tetapi kalau yang ini kita hanya sejam selepas itu kita tidak boleh membangkitkan lagi dalam perbincangan. Sebab itulah saya fikir lebih elok kita bincangkan perkara ini dalam perbincangan belanjawan kita. Boleh bercakap ramai dan apa sahaja hendak disentuh. Itu keputusan saya.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Saya setuju dengan keputusan Tuan Yang di-Pertua...

Seorang Ahli: Peraturan apa itu, peraturan apa itu. Peraturan mesyuarat mana ini. Duduklah Yang Berhormat bagi Tumpat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah itu.

Tuan Mohamad bin Sabu: Peraturan mesyuarat, peraturan mesyuarat. Saya hendak sokong usul Barisan Nasional ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ialah tidak kiralah. Ini keputusan Pengerusi. Apabila saya membenarkan. . .

Tuan Mohamad bin Sabu: Saya hendak sokong, minta dibahaskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini keputusan pengerusi, tidak ada desakan daripada sesiapa.

Tuan Mohamad bin Sabu: Fahamlah Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya tolong duduklah. Hendak bercakap dalam perbahasan macam-macam boleh cakap.

Tuan Mohamad bin Sabu: Kami sudah bercakap dalam perbahasan tetapi boleh beri peluang bercakap pada hari ini. Kami hendak sokong usul ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah cukuplah, duduklah. Dalam Jawatankuasa hendak bercakap boleh.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Saya boleh bersetuju dengan keputusan Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya hendak supaya dirakamkan juga bahawa pandangan Tuan Yang di-Pertua berkaitan dengan masalah resolusi tujuh kongres Amerika itu adalah bukan pandangan Parlimen sebab belum dibahaskan, belum dibuat dan diluluskan apa-apa usul berkaitan dengannya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya memang betul.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Tetapi sekadar pandangan oleh Tuan Yang di-Pertua..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya memang betul, biasalah.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Jangan dilaporkan bahawa ada kaitan dengan usul yang dipohon tadi dengan isu berkaitan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya hanya menjawab apa di sini. Makna ini memang hak-hak Pengerusilah. [*keadaan dewan riuh rendah*]

Seorang Ahli: Tidak fahamkah

Seorang Ahli: Ha bangun.

Seorang Ahli: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Urusetia teruskan.

Puan Fong Po Kuan: Peraturan mesyuarat.

Seorang Ahli: Sokong kongreskah.

Seorang Ahli: Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak ada kena mengena dengan peraturan mesyuarat Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan: Peraturan Mesyuarat 18(2)

Seorang Ahli: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya tidak ada kena mengena dengan peraturan mesyuarat Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan: Ini sekarang saya kemukakan peraturan mesyuarat

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini Pengerusi sudah putuskan.

Puan Fong Po Kuan: Saya sekarang hendak kemukakan peraturan mesyuarat. Tuan Yang di-Pertua, jika kita rujuk kepada 18(2) Tuan Yang di-Pertua hendaklah menolak permintaan itu kecuali jika dia berpuas hati kerana itu adalah perkara tertentu, berkehendak disegerakan tanpa berkenaan.. [*Keadaan Dewan riuh rendah*]
Seorang Ahli: Nanti [*Sorak*]

Seorang Ahli: Oi, Oi duduklah.

Puan Fong Po Kuan: Jika Tuan Yang di-Pertua tidak berpuas hati di sini tidak diperuntukkan untuk Tuan Yang di-Pertua boleh memberi pandangan sendiri. Jika ia menyatakan di dalam siasatan Ahli Parlimen tidak boleh berbahas mengapa

boleh jadi Tuan Yang di-Pertua boleh memberi pandangan dan komen-komen, sedang dalam siasatan. Ya saya minta bantuan dijelaskan..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat duduk, duduk Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan: Menjelaskan di mana peraturan menyatakan boleh memberi pandangan...komen-komen sendiri....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduklah Yang Berhormat. Saya kata kalau kita membukakan peraturan mesyuarat, setelah saya dengar lepas itu itu duduklah, bukan saya membenarkan membuat syarahan, sampai bila pun tidak selesai. Ini kita sudah putuskan. Macam hari bila kita sudah putuskan macam ini juga. Apabila Speaker berpendapat macam ini, ini muktamadlah. Mana kita boleh bahaskan lagi. Tetapi walau bagaimanapun kita beri ruang dalam perbincangan perbahasan belanjawan semua boleh bercakap. Jadi itu sahaja.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Peraturan mesyuarat

Seorang Ahli: Amoi duduk.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduklah Yang Berhormat. Saya sudah beri keputusan, duduklah.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Batu Gajah duduklah.

Seorang Ahli: Peraturan mana ini.

Puan Fong Po Kuan: Sekarang saya kata ialah komennya, pandangannya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ialah, ini keputusan Pengerusi adalah muktamad.

Puan Fong Po Kuan: Ini bukan mengenai sama ada benar atau tidak benar. Di mana kah peraturan menyatakan..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Keputusan Pengerusi sudah muktamad, setakat ini kita ada juga yang membenarkan berbahas. Duduklah Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan: ..menyatakan boleh pandangan diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua orang tengah ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini sudah keputusan muktamad, keputusan Speaker, duduklah. Selama ini ada juga kita benarkan, kalau kita fikir tidak dibenarkan, kita tidak benarkan, biasalah itu. Duduklah Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduklah Yang Berhormat, jangan berdegil-degil Yang Berhormat. Saya ada kuasa Yang Berhormat. Ya, duduklah Yang Berhormat. Duduk, duduk. Urusetia.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Pembesar suara tidak dibuka]* Dato', saya minta maaf Dato', apa yang di bangkit oleh Yang Berhormat bagi batu Gajah bukan mempersoalkan keputusan itu tetapi ulasan yang dibuat oleh Dato'

[Dewan riuh rendah]

Seorang Ahli: Peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu biasalah Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Pembesar suara tidak dibuka]* Peraturan mesyuarat tidak mengizinkan Dato' untuk membuat sebarang ulasan....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduklah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Atas tiga perkara itu kita boleh terima tetapi Tuan Yang di-Pertua tidak ada hak untuk membuat sebarang ulasan...yang menjadikan keputusan Dewan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya Yang Berhormat, duduk, Yang Berhormat. Duduk Yang Berhormat bagi Pokok Sena. Duduk, duduk.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Dato' jangan hendak bermain politik....

Tuan Mohamad bin Sabu: *[Bangun]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Dato' Ir Mohd. Zin bin Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak, saya tidak hendak main politik. Saya orang politik tetapi saya Pengerusi, tetap Pengerusi. Duduk, duduk. *[Keadaan Dewan riuh rendah]* Duduklah saya berikan penjelasan. Yang Berhormat bagi Pokok Sena duduk. Duduk semua.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Peraturan Mesyuarat 42(2).

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Mohamad bin Sabu: *[Bangun]*

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Begini kalaulah saya, duduk, duduk, semua orang duduk. *[keadaan Dewan riuh rendah]* Semua orang duduk Yang Berhormat bagi Pokok Sena duduk. *[Disampuk]* Duduk, wayar putus belaka ini, sebab itulah saya katakan berkehendakkan disegerakan, saya tidak bersetuju sebab itulah terpaksa memberi penjelasan. Kalau saya kata tidak perlu disegerakan tanpa penjelasan lagi tidak betul. Saya beri penjelasan, mengapa tidak perlu disegerakan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Penjelasan mesti sepakat untuk tidak disegerakan itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yalah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Pembesar suara tidak dibuka]* Ini memperlihatkan Dewan ini merakamkan sesuatu atas apa yang telah diputuskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yalah, kita ada hak penjelasan daripada Pengerusi, dan kita beri penjelasan begitu, begitulah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Pembesar suara tidak dibuka]* Tidakkah penjelasan seperti itu, Tuan Yang di-Pertua telah menggunakan penjelasan seolah-olah merakamkan sesuatu. Saya juga katakan..

[Keadaan Dewan riuh rendah].

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk semualah.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

[Keadaan dewan riuh rendah]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk ini sudah keputusan. Ya *[Keadaan Dewan riuh rendah]* Beginilah, ini keputusan Speaker adalah muktamad. Itu sahajalah. Ya, duduk, duduk.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah, saya sudah mengatakan tidak perlu dibahaskan, tidak perlulah. Apa pula saya hendak rombak balik kata bahas.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini pendapat saya, ini pendapat Pengerusi.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Dewan telah merakamkan satu-satu persetujuan dengan apa yang telah dibangkitkan. *[Pembesar suara tidak dibuka]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini bukan, kita tidak catat untuk Dewan, ini Speaker.

Puan Fong Po Kuan: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya ini kita catat hanya komen Speaker bukan Dewan. Bukan untuk perbahasan orang ramai.

Puan Fong Po Kuan: *[Menyampuk]*

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

[Keadaan Dewan riuh rendah]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak ada, ini sudah keputusan. Ya, ya, keputusan.

Beberapa Ahli: *[Bangun]* *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jangan melawan Speakerlah. Tolong duduklah. *[Keadaan Dewan riuh rendah]* Duduk, duduklah. Ini sudah keputusan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Untuk menjaga kehormatan Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yalah ini sudah keputusan. Duduk,duduk. Ini sudah keputusan. Keputusan saya adalah muktamad. Urusetia.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

[Keadaan Dewan riuh rendah]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya Urusetia.

Setiausaha: Aturan urusan mesyuarat dan usul-usul. Rang undang-undang untuk bacaan kali yang pertama Yang Berhormat Menteri Kesihatan

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Kalau hendak beri, berilah janganlah main-main.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Perkara baru mengenai apa? *[Dewan riuh]* Ini kita sudah bawa Yang Berhormat habis sudah. Cukuplah Yang Berhormat. Ini khas untuk ini sahaja. Ya silakan duduklah.

Tuan Mohamad bin Sabu: Apa kacau ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apa, tidak apa duduklah.

Seorang Ahli: Apa duduk bangun ini. Ikut peraturan.

Seorang Ahli: Hoi...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Macam mana saya hendak membuat keputusan, kalau sudah bertengkar macam orang gila.

Tuan S.G. Sothinathan: Ini Dewan tidak boleh bangun, ini bukan pasar malam, ikut peraturanlah. . . .

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduklah, sudah bertengkar macam orang gila apa gunanya....

Seorang Ahli: Macam orang gila ini....

Seorang Ahli: *[Disampuk]* Saya beri dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, duduk, duduk.

Tuan S.G. Sothinathan: Tidak apa kita hormat Speaker.

Seorang Ahli: Peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Peraturan berapa Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan: *[Menyampuk]*

Tuan Tan Kok Wai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Peraturan 7 dan 18(2) sama sekali. Memandangkan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua telah pun melakukan sesuatu yang bercorak pilih kasih dan tidak adil sama sekali...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jangan buat tuduhan Yang Berhormat.

Tuan Tan Kok Wai: Saya mencadangkan satu penyelesaian,

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jangan buat tuduhan.

Tuan Tan Kok Wai: Penyelesaian yang saya cadangkan sekarang ialah supaya Tuan Yang di-Pertua memohon maaf kepada Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak boleh, tidak boleh, Urusetia teruskan. Keputusan muktamad, kalau memohon maaf memanjang, tidak boleh jadi apalah Pengerusi, Teruskan. Ya, sila, sila.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG MAKANAN (PINDAAN) 2000

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda Akta Makanan 1983; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG DAN USUL

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2001

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2001

Aturan Urusan mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2001 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis;

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dua puluh lapan bilion lapan ratus tiga puluh enam juta tiga ratus empat puluh lapan ribu empat ratus enam puluh ringgit (28,836,348,460) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2001, bagi tujuan-tujuan dan butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 2001 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 Tahun 2000 adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut, hendaklah disahkan.” *[6 November 2000]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Minta Yang Berhormat bagi Penampang menyambung semula perbahasan.

11.25 pagi

Tuan Philip Benedict Lasimbang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tidak sampai 13 minitlah saya ingat. Kelmarin saya merakamkan bahawa pengukur kejayaan pembangunan kita adalah tahap keharmonian dan perpaduan rakyat. Keharmonian dan perpaduan rakyat harus sentiasa menjadi agenda utama dalam strategi pembangunan kita. Saya menyokong penuh usul dari Yang Berhormat bagi Kinabatangan tadi mengenai pengkhianatan segelintir rakyat Malaysia yang boleh memecahbelahkan negara. Saya juga berharap kerajaan membantu memperkembangkan NGO yang menghasilkan masyarakat penyayang melalui

insentif seperti peruntukan kewangan yang lebih besar, insentif potongan cukai untuk penderma individu dan swasta dan kelonggaran-kelonggaran lain seperti ruang tanah dan bangunan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam K-ekonomi fokus ialah dalam menghasilkan usahawan yang betul-betul berilmu, kreatif dan inovatif dalam bidang yang diceburinya dan disokong oleh teknologi berkaitan seperti ICT. Ilmu pengetahuan amat penting dan saya tahu Kementerian Pembangunan Usahawan telah banyak membantu para peniaga dalam melatih para peniaga dalam bidang masing-masing. Namun demikian, adakah kita ini telah menghasilkan usahawan yang betul-betul berdikari yang mempunyai naluri perniagaan, berani mengambil risiko, tahan lasak, yakin diri dan sentiasa memikirkan usaha untuk jangka masa yang panjang. Kepercayaan saya adalah usahawan itu dilahirkan dalam sekitaran berlaku aktiviti keusahawanan dan bukannya dilatih. Latihan itu hanyalah ilmu ataupun kemahiran dalam perniagaan.

Oleh itu saya harap Kementerian Pembangunan Usahawan memberi penekanan, memberi suasana sekitar yang konkrit untuk pertumbuhan usahawan yang baru. Saya cadangkan supaya penekanan diberi kepada penggunaan usahawan kecil termasuklah para penjaja sebagai pemangkin kepada kelahiran usahawan muda pada jangka masa yang panjang. Berilah usahawan kecil ini peluang menjadi tenaga pendidik semula jadi untuk melahirkan usahawan baru. Saya juga memohon supaya pegawai-pegawai kerajaan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan urusan niaga kewangan ataupun tuntutan pembayaran supaya lebih memahami pergerakan urusan niaga dalam perniagaan. Sebagai misalan, mungkin seseorang pegawai itu mendapat gaji penghujung bulan tetapi bagi seseorang peniaga hujung bulan amat penting kerana beliau membayar gaji kepada pekerja. Bayangkanlah betapa susahnyanya kalau tuntutan yang sudah terancang itu dilengahkan. Memang para peniaga sudah ada juga pengurusan kewangan dan *contingency* nya tetapi langit tidak selalu cerah.

Saya cadangkan satu piagam dalam Kementerian Kewangan yang menyeluruh supaya pertumbuhan ekonomi akan berjalan dengan lebih lancar dan pesat selaras dengan strategi untuk rakyat berbelanja lebih ataupun *domestic spending* dengan izin,

yang lebih pesat *We have to circulate our money* dengan izin, dan saya lihat pihak kakitangan kerajaan haruslah lebih faham dengan keperluan-keperluan ini.

Sedikit mengenai Bahasa Inggeris. Dalam kesempatan ini saya mengemukakan langkah Kementerian Pendidikan untuk memperkenalkan bahasa teknikal di sekolah. Kita semua sedar bahawa *lingua franca* bahasa IT dengan izin, adalah Bahasa Inggeris dan ini akan menjadi penghalang bagi kita dalam mengejar pembangunan dalam bidang IT. Sudah ramai Ahli Yang Berhormat yang mengetengahkan perkara ini namun demikian saya ingin perhatian mengenai masalah guru-guru itu sendiri yang tidak tahu menggunakan Internet dan kemudahan IT yang lain kerana kurang pemahaman Bahasa Inggeris. Saya cadangkan masalah pokok ini ditangani segera oleh Kementerian Pendidikan. Selain daripada kelab-kelab dan persatuan-persatuan Bahasa Inggeris di sekolah, masalah ini harus disusuli dengan usaha-usaha Kementerian Pendidikan untuk mewajibkan pembelajaran Bahasa Inggeris di maktab-maktab perguruan ataupun di IPTA, di IPTS untuk mereka yang lemah dalam bahasa ini. Maksudnya dalam k-ekonomi, Kementerian Pembangunan Usahawan bersama dengan Kementerian Pendidikan mempunyai tanggungjawab yang besar ke arah kita merealisasikan ekonomi berasaskan ilmu ataupun k-ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, penambahan elaun kritikal doktor dinaikkan ke kadar tetap kepada RM500 daripada RM116 minimum amatlah penting dalam kita menarik ramai doktor berkhidmat dan bertahan di hospital-hospital kerajaan. Walau bagaimanapun saya berpendapat ini belum mencukupi untuk doktor-doktor bertahan terutama sekali doktor pakar yang sentiasa diburu oleh pihak swasta ataupun pendapatan yang lebih lumayan sebagai profesional.

Saya fikir tidaklah salah menambah gaji ataupun kemudahan lain untuk doktor-doktor kerana mereka bekerja lebih masa. Mungkin dua kali lebih masa daripada pegawai kerajaan yang lain dan mereka juga sentiasa *on call* sentiasa terpaksa bersedia. Mereka juga tidak boleh ada kesilapan atau lalai dalam tugas mereka atau dengan izin, *margin of error* itu sangat kecil. Maksudnya gaji mereka haruslah setimpal dengan jumlah masa mereka belajar, jangka masa bertugas dan tekanan akibat tanggungjawab yang dipikul oleh mereka.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Di Sabah kekurangan doktor amat ketara sekali terutama sekali doktor pakar. Saya telah melihat doktor pakar datang dan pergi dalam masa satu tahun. Ini disebabkan oleh bebanan pesakit yang terlalu ramai maka sepatutnya mereka mengubati pesakit, mereka sendiri pula yang jatuh sakit.

Saya sekali lagi membawa kes untuk mempertimbangkan pembinaan hospital komuniti di daerah Penampang. Walaupun daerah Penampang berdekatan dengan Hospital Queen Elizabeth - hospital ini adalah hospital *referral* maka ianya untuk seluruh negeri Sabah. Penampang mempunyai penduduk lebih 200,000 orang dan sesetengahnya penduduk luar bandar yang mengambil masa berjam-jam untuk sampai ke Bandaraya Kota Kinabalu. Di Sabah, Penampang satu-satunya daerah yang tidak mempunyai hospital.

Saya juga mencadangkan pembinaan hospital komuniti (hospital masyarakat) kerana saya percaya bahawa bebanan mengubati penyakit terutama yang ada hubungan dengan tekanan mental harus melibatkan masyarakat melalui kasih sayang dan doa mereka. Masyarakat penyayang membantu meringankan tekanan ini dan seterusnya mengurangkan penyakit yang ada hubungan dengannya. Saya harap Kementerian Kesihatan terus mempertimbangkan konsep hospital komuniti kerana ini di antara pemangkin kepada pengwujudan masyarakat penyayang dan bersatu padu.

Saya ingin sedikit juga di kawasan saya mengenai dengan ekonomi. Saya telah membaca laporan tahunan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia. Laporan 1998 dan mendapati lembaga ini belum memperluaskan aktivitinya ke Sabah. Industri nanas di Sabah memang belum mendapat perhatian yang sewajarnya di mana usaha mengkomersialkan produk ini hanya untuk keperluan domestik sahaja di Sabah. Kawasan Penampang mengeluarkan nanas yang manis dan boleh dikomersialkan sebagai manas segar. Pendapat ini sendiri diakui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak FAMA dan MARDI kerana telah mengambil tindakan untuk membantu pekebun kecil di Kampung Bebagon di mana manas ini dikeluarkan. Nanas ini dikeluarkan dengan pentadbiran Gerakan Desa Wawasan (GDW) di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Saya merayu kepada Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar membantu pekebun kecil di kawasan Penampang mengembangkan industri ini terutama sekali dalam pemasaran supaya pekebun kecil dapat memperluaskan kebun mereka dan seterusnya meningkatkan tahap ekonomi pekebun ini.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, kita semua dikejutkan dengan pembunuhan Ahli Dewan Undangan Negeri Lunas. Perbuatan yang paling terkutuk ini membunuh manusia amat memeranjatkan di negara kita yang harmoni dan damai. Saya ingin merekod simpati kepada isteri dan keluarga mending Ahli Dewan Undangan Negeri Lunas. Saya doakan supaya mereka mempunyai kekuatan untuk menghadapi keadaan yang paling sedih bagi mereka. Saya harap pihak polis akan bertindak dengan cepat dan membawa semua yang terlibat dibawa ke muka pengadilan. Saya turut mencadangkan supaya pihak polis memperketat kawalan ataupun keselamatan sekuriti terhadap pemimpin-pemimpin politik negara ini.

Sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Wangsa Maju.

11.35 pagi.

Dato' Zulhasnan bin Rafique [Wangsa Maju]: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kerana diberi peluang untuk turut membahaskan ucapan Belanjawan 2001 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tempoh hari di Dewan yang mulia ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah di atas ucapan dan pembentangan ucapan tersebut yang pastinya dirangka dengan penuh cermat untuk membawa negara ke mercu yang lebih berdaya saing dan berdaya maju. Belanjawan 2001 telah memperlihatkan pandangan jauh kerajaan terhadap jangkaan persaingan arus globalisasi dunia yang tidak lagi bergantung kepada teori ekonomi lama yang tidak lagi relevan di alaf baru ini. Suasana ekonomi dunia hari ini yang ternyata sekali mengalami arus perubahan drastik bukan sekadar mengharungi arus globalisasi dan liberalisasi tetapi juga sedang menghadapi gelombang ekonomi digital memberi kesan terhadap daya saingan ekonomi negara. Pandangan jauh kerajaan yang melangkau matlamat 2020 telah

dapat diterjemahkan dalam pembentangan belanjawan kali ini di mana kepentingan melahirkan masyarakat k-ekonomi atau ekonomi berteraskan pengetahuan telah dijadikan agenda pembangunan sosioekonomi.

Walaupun penumpuan kepada k-ekonomi adalah baru di negara ini tetapi ianya tidak boleh ditolak lagi oleh rakyat negara ini kerana negara-negara maju telah pun mengorak langkah lebih awal untuk mencipta kejayaan dan kemajuan. Malaysia tidak mampu untuk ketinggalan dalam era ekonomi baru ini. Malaysia Baru yang diidamkan adalah wawasan strategik yang memerlukan segala perancangan dan juga pelaksanaan yang strategik. Demikianlah tema ucapan Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tempoh hari.

Tuan Yang di-Pertua, sudah sewajarnya semua pihak di kalangan rakyat jelata tanpa mengira anutan politik kepartian negara ini supaya lebih bersiap sedia melengkapkan diri dalam bidang teknologi untuk berhadapan dengan cabaran K-ekonomi ini. Segala insentif yang diberikan dalam belanjawan seperti kebenaran menggunakan simpanan KWSP untuk membeli komputer peribadi begitu juga usaha bersungguh-sungguh kerajaan untuk melaksanakan program makmal komputer setiap sekolah dilengkapi dengan prasarana multimedia dan internet merupakan iltizam kerajaan untuk bersama rakyat merentasi cabaran teknologi telekomunikasi dan maklumat iaitu ICT sebagai satu tatacara hidup baru. Saya ingin mengesyorkan agar pelaksanaan rangkaian makmal komputer di sekolah-sekolah ini dapat dijadikan keutamaan agenda dalam mencelikkan dunia IT di kalangan generasi pelajar hari ini bukan sekadar peruntukan diberikan kepada sekolah-sekolah malah saya cadangkan pusat multimedia juga harus diwujudkan di setiap pusat komuniti akar umbi dengan segala kelengkapan dan perkakasan komputer yang boleh sediakan oleh penaja daripada sektor swasta yang akan mendapat insentif percukaian.

Tuan Yang di-Pertua, saya cukup berbangga juga dengan langkah kerajaan yang telah menggariskan lima strategi utama dalam Belanjawan 2001 yang secara umumnya memperkenalkan dasar rangsangan fiskal dan kewangan yang mendorong kepada pertumbuhan ekonomi yang berdaya saing di samping tidak melupakan strategi untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat jelata terutama kepada golongan yang berpendapatan rendah dan miskin. Ini membuktikan bahawa agenda

pembangunan negara tidak pernah meminggirkan rakyat bawahan malah setiap program ke arah meningkatkan kualiti hidup dan penempatan kumpulan ini sentiasa diberikan perhatian dalam setiap belanjawan yang dibentangkan. Bukan itu sahaja malah saya turut merasakan kelegaan kerana pihak kerajaan juga tidak lupa untuk memberikan insentif kepada anggota polis dan pasukan keselamatan, yang lainnya seperti Angkatan Tentera, Pasukan Bomba dan juga termasuk anggota Kastam dan Eksais di-Raja Malaysia dan Unit Pencegahan Penyeludupan. Kesemua sektor pasukan keselamatan ini telah menerima kadar elaun insentif dan juga beberapa kenaikan elaun yang tentunya merupakan satu penghargaan dan keprihatinan pihak kerajaan kepada mereka.

Dengan adanya kadar elaun insentif seperti yang diumumkan itu, barangkali ini merupakan satu galakan kepada semua anggota pasukan keselamatan memberi khidmat lebih cemerlang kerana mereka selama ini telah berkhidmat dengan penuh dedikasi. Selama ini orang ramai tidak terfikir bahawa polis juga layak menerima *overtime* kerana mungkin terlalu kuat andaian bahawa polis ataupun anggota tentera berkhidmat 24 jam.

Itulah yang saya maksudkan dengan *special service*, dengan izin, atau perkhidmatan istimewa. Jikalau pasukan polis dan tentera diwajibkan bekerja 24 jam, segala ganjaran dan insentif pun patut disalurkan. Ini merangkumi syarat-syarat dan juga skim-skim perkhidmatan tidak boleh dibandingkan berlainan dengan perkhidmatan kerajaan yang lain, sampaikan sudah menjadi satu kepercayaan sama ada gaji banyak atau tidak, kerja mereka memang 24 jam.

Sejak rekrut lagi, anggota polis dan tentera sudah tertanam dalam diri mereka, mesti sanggup bekerja sepanjang masa demi menjaga keselamatan negara dan ketenteraman awam. Kini, segala-galanya telah berubah. Maka, sebab itulah Belanjawan 2001 yang dibentang telah memperlihatkan betapa kesemua mereka ini dihargai, iklim ekonomi yang semakin pulih dan segar telah merubah segala-galanya.

Begitu juga nasib dan kebajikan anggota polis dan tentera tetap dapat perhatian di mana kerajaan bercadang akan membina sebanyak 4,000 unit lagi rumah untuk anggota tentera dan polis, khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kepesatan pembangunan di kota raya Kuala Lumpur harus juga difikirkan betapa

perlunya anggota pasukan keselamatan kita menikmati kemudahan rumah yang lebih selesa untuk mengelakkan sebahagian besar daripada mereka membanjiri penempatan setinggian yang berada di sekitar Kuala Lumpur. Bilangan anggota polis....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Rompin bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Syabas kepada Wangsa Maju bahawa pandangan Wangsa Maju bahawa perlu kita berikan dari segi penekanan kebajikan kepada anggota keselamatan kita sama ada pihak polis atau angkatan tentera dengan kemudahan-kemudahan baru yang ada seperti yang diumumkan dalam Belanjawan baru ini – perumahan, elaun tambahan, alhamdulillah. Tetapi dalam ucapan Yang Berhormat tadi ada keluhan mengatakan mereka ini bekerja 24 jam. Antara ada mereka selain daripada apa yang dimohon kebajikan, tetapi dia memerlukan juga satu taraf hidup serupa juga yang lain. Bermakna *the quality of life*, dengan izin.

Adakah Yang Berhormat juga akan mengambil kesempatan ini untuk merayu kepada pihak kerajaan untuk tambah anggota keselamatan supaya mencukupi dari jumlahnya. Walaupun mereka ini tetap khidmat mereka sepanjang 24 jam tetapi namun demikian, mereka juga ada masa untuk keluarga mereka. Jadi, saya minta sedikit pandangan Yang Berhormat Wangsa Maju.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih Yang Berhormat bagi Rompin. Pertanyaan Yang Berhormat tadi ada dalam jawapan saya ini. [*Ketawa*] Tetapi saya setuju dengan Yang Berhormat tadi yang polis dan anggota tentera, mereka perlu bekerja 24 jam. Oleh sebab itulah dalam ucapan saya yang pertama di Parlimen ini, saya telah merayu kepada kerajaan supaya pihak polis dan juga anggota tentera diberikan perkhidmatan istimewa (*special service*). Kalau boleh tidak usahlah dibandingkan syarat-syarat dan skim perkhidmatan mereka dengan skim-skim perkhidmatan yang lain di kementerian-kementerian yang lain. Terima kasih Yang Berhormat.

Bilangan anggota polis di ibu negara ini memang perlu ditambah kerana terlalu banyak kejadian jenayah yang perlu dipantau untuk mengekalkan keselamatan bagi ketenteraman awam Kuala Lumpur. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, di

daerah Sentul yang meliputi Wangsa Maju, Setapak, Sentul, Kepong, Jinjang dan sebahagian pinggir bandar Kuala Lumpur mempunyai kepadatan penduduk lebih kurang 2.2 juta orang tetapi bilangan anggota polis hanya sekitar 650 hingga 700 orang sahaja. Oleh itu saya mencadangkan supaya bilangan anggota polis hendaklah ditambah, selaras dengan bertambahnya kepadatan penduduk di dalam daerah itu.

Sementara itu, dari segi keselamatan dan pertahanan negara, saya amat gembira sekali kerana kerajaan akan memperuntukkan sebanyak RM7.3 bilion kepada Kementerian Pertahanan bagi menyediakan peralatan senjata yang lebih moden dan canggih untuk meningkatkan tahap keselamatan negara yang lebih terjamin.

Tuan Chow Kon Yeow: Peraturan 13(1).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tiga?

Tuan Chow Kon Yeow: Peraturan 13(1).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Setiausaha Dewan, cuba kira.

[Ahli-ahli dikira: 25 Ahli hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kira sekali lagi. 26?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

[Ahli-ahli dikira: 27 Ahli hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada cukup Yang Berhormat.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat....

Tuan Kerk Kim Hock: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan 13(1). Boleh saya tanya satu panduan sahaja. Apabila kita kira kuorum, adakah ini termasuk Senator? Oleh kerana mereka dilantik tetapi mereka bukan anggota automatik. Saya cuma hendak tahu sahaja, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak termasuk. Tetapi sekarang memang cukup. Mungkin tadi Yang Berhormat lupa kira diri sendirilah. Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dari segi keselamatan dan pertahanan negara, saya amat gembira sekali kerana kerajaan akan memperuntukkan sebanyak RM7.3 bilion kepada Kementerian Pertahanan bagi menyediakan peralatan senjata lebih moden dan canggih untuk meningkatkan tahap keselamatan negara yang lebih terjamin. Masalah pencerobohan oleh pihak luar terhadap perairan negara hendaklah juga dipantau dan disekat daripada berlaku berulang lagi seolah-olah kawasan keselamatan perairan negara kita begitu longgar dan mudah ditembusi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal itu juga, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan dapat menubuhkan pasukan *coast guard*, dengan izin, sebagai sebuah pasukan khas untuk membantu angkatan tentera dan polis mengawal semua perairan negara.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Bangun untuk keluar Dewan*]

Tuan Chow Kon Yeow: You ask them to come inside lah.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Dengan segala kekuatan....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Heh, can we have coffee outside? Come.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Dengan segala kekuatan dan juga kemahiran tenaga serta membekalkan peralatan senjata terkini, termasuk menyediakan kombinasi kapal terbang berteknologi tinggi dan juga kelengkapan kapal atau bot-bot yang canggih. Saingan persenjataan di rantau ASEAN membabitkan negara jiran terdekat, kita wajar menuntut supaya sistem pertahanan negara kita juga dipertingkatkan.

Melengkapkan persenjataan dalam angkatan tentera negara tidak bermakna negara kita akan terjebak dengan ancaman peperangan oleh mana-mana negara jiran. Semangat ASEAN yang dicetuskan oleh pemimpin-pemimpin negara serantau begitu kuat semangat “Asianisme” untuk menjadikan ASEAN sebagai rantau aman, bebas dan berkecuali.

Tidak ada satu negara pun di kalangan negara ASEAN yang inginkan rantau ini menjadi medan pertempuran akibat adu domba kuasa asing yang kelihatan begitu

cemburu dengan nikmat keamanan, kemakmuran, kestabilan dan kemajuan yang dibinakan oleh ASEAN. Setiap negara ASEAN bebas untuk menentukan hala tuju negaranya tanpa dikongkong oleh mana-mana kuasa asing yang cuba menanggung di air yang keruh. Penjajahan ekonomi yang cuba dicetuskan oleh gerombolan penyangak mata wang antarabangsa yang berselindung di sebalik gagasan IMF, tidak akan mudah untuk menggugat kekuatan semangat rakyat negara ini. Begitu juga dengan rakyat negara-negara ASEAN yang lain.

Pulau Temasik yang kini menjadi Kota Singa bukanlah mudah untuk dimainkan emosi rakyatnya supaya memusuhi negara jirannya yang terdekat. Hubungan kekeluargaan di mana ramai sanak-saudara yang masih mengekalkan tradisi ziarah-menziarahi, merentasi Selat Tebrau tidak berkemungkinan Tambak Johor akan ditenggelamkan oleh mana-mana kuasa asing. Namun demikian, kita merasa perlu ada motivasi yang tinggi di kalangan rakyat jelata ke arah membina ikatan muhibah yang berteraskan semangat ASEAN supaya hubungan ini mengekalkan semangat kerjasama antara satu sama lain.

[Yang Berhormat bagi Rompin masuk bersama beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain]

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik dengan strategi kerajaan untuk meningkatkan keselesaan dalam aspek perumahan rakyat. Rumah, sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, merupakan kemudahan asas yang perlu disediakan kepada semua sama ada oleh pihak kerajaan ataupun swasta pada harga yang mampu dibeli oleh sebilangan besar rakyat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Berhormat DAP, kita panggil MCA. *[Merujuk kepada Yang Berhormat bagi Tanjong]*

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Memang benar salah satu sebab wujudnya kawasan setinggan di bandar mahu pun di pinggir-pinggir bandar terutamanya yang terdapat di Kuala Lumpur ini adalah kerana kekurangan rumah yang mampu dibeli oleh masyarakat, terutamanya bagi mereka yang berhijrah untuk merebut peluang pekerjaan. Limpahan pekerjaan oleh mereka yang memerlukan pekerjaan dan mencari rezeki di kota raya Kuala Lumpur ini untuk semua pihak sama ada oleh pihak

kerajaan mahupun pemaju perumahan swasta supaya membina lebih banyak rumah berasaskan permintaan pasaran, khususnya rumah kos rendah dan juga sederhana.

Dasar kerajaan untuk mensifarkan setinggan sebagai satu matlamat haruslah bermula dengan perancangan yang saksama. Di samping merancang untuk menempatkan penduduk-penduduk setinggan di kawasan perumahan baru, ianya juga harus mengambil kira untuk memastikan kadar harga rumah yang ditawarkan itu mampu dimiliki oleh mereka.

Begitu juga disarankan supaya DBKL agar dapat mengkaji semula suatu sistem yang lebih meyakinkan di mana semua penyewa rumah pangsa yang sudah menetap di satu kawasan rumah pangsa melebihi tempoh 10 tahun dan mereka yang berkenaan pula tidak mempunyai rumah yang lain daripada menyewa rumah tersebut, supaya mereka yang berkenaan diberi tawaran untuk memiliki rumah tersebut. Dengan cara yang demikian, saya lebih yakin akan dapat membantu mereka yang kurang berkemampuan supaya mereka dapat memiliki rumah sendiri untuk mengharungi kehidupan keluarga di Kuala Lumpur ini.

Tuan Yang di-Pertua, langkah kerajaan yang sedang rancang membina sebanyak 37,000 unit rumah untuk menempatkan kesemua penghuni setinggan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur diharapkan dapat mensifarkan masalah setinggan sebagaimana yang diharapkan.

Dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan taraf ekonomi rakyat, berbagai langkah telah diambil, ini termasuk untuk meninggikan lagi taraf peniaga kecil dan juga penjaja di Kuala Lumpur. Sumbangan masyarakat penjaja dan peniaga kecil tidak boleh diketepikan kerana mereka turut memberikan sumbangan yang besar kepada pembangunan ekonomi.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Memandangkan kos sara hidup di Kuala Lumpur kian meningkat, aktiviti perniagaan kecil seperti penjajaan warung-warung makanan dan minuman, penjual buah-buahan dan sebagainya yang terdapat berselerak di sana sini di sekitar Kuala Lumpur hendaklah disusun semula. Satu dasar.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, mengapa berdiri?

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tidak ada apa-apa.

Seorang Ahli: Dia mahu keluar.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dia ada mesyuarat Lembaga Pengarah syarikat dia. Itu dia hendak keluar. *[Ketawa]*

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Sempat minum air lagi tak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Wangsa Maju teruskan.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Satu dasar penjaja yang *constructive* hendaklah disediakan untuk menentukan permasalahan penjaja di Kuala Lumpur ini khususnya dapat diatasi segera. Dasar DBKL yang membekukan pengeluaran lesen penjaja statik hendaklah dikajikan semula memandangkan bertambahnya penjaja-penjaja yang berniaga tanpa lesen. Kebanyakan mereka yang menceburi diri dalam lapangan penjajaan seperti ini merungut kerana permohonan mereka untuk mendapat lesen ataupun permit telah ditolak oleh DBKL dengan alasan bahawa lesen aktiviti penjajaan ini telah dibekukan sejak tahun 1996 lagi. Oleh sebab itu, kemudahan-kemudahan institusi kewangan pun tidak dapat diperolehi oleh mereka.

Akibat daripada dasar pembekuan yang tidak dikaji semula itu telah menyebabkan bertambahnya aktiviti penjajaan secara haram berlaku. Tindakan penguatkuasaan meroboh dan meruntuh warung-warung penjaja yang tidak berlesen itu juga semakin kerap dijalankan oleh DBKL. Kadang-kadang tindakan keras yang diambil oleh pihak DBKL itu dilihat sebagai tindakan untuk menyekat pintu rezeki mereka yang sedang berniaga untuk menyara kehidupan yang *struggle*, dengan izin, di Kuala Lumpur ini.

Sepatutnya langkah tindakan penguatkuasaan DBKL sama ada mengusir, meroboh atau meruntuhkan binaan warung-warung ataupun kedai-kedai dan juga bengkel-bengkel yang tidak berlesen ini hendaklah dirancang terlebih dahulu supaya mereka yang naif dapat dipindahkan di satu kawasan yang lebih sesuai dan kemudiannya dilesenkan. Bukannya dengan cara meruntuhkan semua binaan yang terdapat di situ dan kemudian dibiarkan begitu sahaja sehingga berlaku kerugian yang besar kerana saat itu mereka telah kehilangan segala-galanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mencadangkan supaya DBKL menyediakan tapak yang sesuai, memberi lesen atau lesen sementara atau lesen berkelompok

sebelum meroboh warung-warung penjaja, bengkel, pejabat yang telah lama berniaga di sesuatu tempat sebab hal-hal keperimusiaan perlu diambil kira. Mungkin bangunan konsep 'Bintang Walk' yang kita nampak di Jalan Bukit Bintang dapat diubahsuai dan dimajukan di kawasan-kawasan perniagaan yang sesuai khusus untuk peniaga-peniaga bumiputera.

Dalam konteks masalah disiplin, pengurusan DBKL sebagai sebuah penguasa tempatan di Kuala Lumpur ini, saya dapati pegawai-pegawai tertentu dalam DBKL yang terlibat dalam pertukaran jawatan dan jabatan oleh kerana masalah disiplin sukar diterima oleh pegawai-pegawai dan kakitangan DBKL yang lain. Sepatutnya, skim perkhidmatan dan perjawatan DBKL boleh menerima pegawai-pegawai dari luar DBKL untuk menjawat jawatan-jawatan tertentu kerana sudah tentu mereka mempunyai pengalaman dan idea-idea baru untuk menjana satu perkhidmatan yang lebih efisien. Oleh sebab itu, saya bercadang jawatan-jawatan tertentu termasuklah jawatan *middle management* dengan izin, dijadikan jawatan terbuka untuk memberi suasana perkhidmatan yang mesra.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya juga ingin menyatakan.....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Rompin bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, saya hendak tanya kepada Wangsa Maju sebab Wangsa Maju sebagai bekas anggota tentera (Air Force), bekas *pilot*, Menteri Pertahanan pun baru masuk dalam Dewan. Pakaian pun kita seronok dan bangga tengok agak. Saya hendak bertanya kepada pemimpin kita, Barisan Nasional, saya hendak tanya kepada Wangsa Maju, adakah elok kesempatan ini diambil, minta kerajaan tambah lagi peruntukan Kementerian Pertahanan menghadapi cabaran di Singapura ini.

Adakah kita perlu minta supaya Tun Daim, Yang Berhormat Menteri Kewangan tambah lagi, mungkin dalam belanjawan tambahan nanti supaya dikukuhkan sistem pertahanan negara kita dan memberi lagi kemudahan yang lebih

kepada anggota keselamatan kita. Saya minta sedikit pandangan dan saranan Wangsa Maju.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih Yang Berhormat Rompin. Yang telah dikatakan tadi pun peruntukan pertahanan ialah semakin banyak RM7.3 bilion yang telah diperuntukkan kepada Kementerian Pertahanan tetapi dalam masa sekarang ini ada banyak cabaran yang sedang disaksikan oleh rakyat di negara kita ini dan mungkin kalau ada peluang-peluang yang tertentu kita bercadang untuk menguatkan pertahanan kita di perairan di negara kita, kita bercadang supaya kita boleh tambah sedikit lagilah peruntukan pertahanan yang telah pun diberikan.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang lampau, PDRM, pasukan polis dia dibekalkan dua set uniform setahun tetapi semasa kami menghadapi kegawatan ekonomi, uniform PDRM telah dikurangkan kepada satu set sahaja, pada masa sekarang pun satu set sahaja. Jadi uniform-uniform PDRM ini ada yang sudah jadi lusuh, ada yang jadi tampung di sana, tampung di sini.

Soarang Ahli: Lusuh!

Tuan Lim Hock Seng: Lusuh sudah faded. Jadi, adakah Yang Berhormat Wangsa Maju juga akan meminta supaya PDRM ini dibekalkan dengan peruntukan yang lebih supaya anggota-anggota polis boleh mendapat dua set uniform setiap tahun?

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih Yang Berhormat Bagan. Itu satu soalan yang spesifik dan di dalam ucapan saya tadi pun saya telah mencadangkan supaya perkhidmatan angkatan tentera dan juga polis diperkenalkan sebagai suatu perkhidmatan istimewa atau *special service*, ini menentukan supaya taraf- taraf perkhidmatan dan juga kemasukan-kemasukan kepada perkhidmatan ini dapat kalau boleh tidak dibandingkan dengan perkhidmatan yang lain dan apa sekali yang dicadangkan supaya untuk memberi suatu taraf penghidupan kepada angkatan tentera atau polis, Insya-Allah, kalau boleh kita sokongkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Hendak tanya sedikitlah sebab sementara DAP tadi bangun tanya, Bagan. Ancaman kalau kita lihat daripada Singapura, jiran kita, dengan peluru berpandunya yang baru, adakah

pandangan Yang Berhormat supaya kita lengkapkan juga dengan kelengkapan yang canggih. DAP tidak akan persoalkan perkara ini sebab sebelah sana mungkin kawan dia dulu. Dia adik-beradik dulu, sekarang saya malas tuduhlah soal adik-beradik ini. Johor Bahru kata sepupu dia tetapi Wangsa Maju adakah elok juga sanggup terbuka mengatakan, dengan izin, “*well, I have now guided missile*”, sila dia kata macam menjemput supaya kita membuat sesuatu atau mengambil tindakan sesuatu macam mengancam kita membeli sesuatu yang canggih. Mengapa tidak pandangan Yang Berhormat pada hari ini Menteri Pertahanan yang ada. Mengapa tidak negara kita juga mengukuhkan kedaulatan kita, ketahanan negara kita. Harapan saya DAP setuju, takut DAP tidak setuju, tetapi PAS setuju, DAP mungkin tidak. Ini saya hendak tanya kepada Wangsa Maju.

Dato’ Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih Yang Berhormat Rompin. Segala kelengkapan untuk angkatan tentera dan juga polis ialah sesuatu yang baik bukan sahaja untuk melengkapkan ketenteraan, tidak bermakna negara kita akan terjebak dengan ancaman peperangan daripada mana-mana negara dan tadi pun setelah diberitahu semangat ASEAN yang telah dicetuskan oleh pemimpin-pemimpin negara begitu kuat semangatnya dan ini akan menjadikan ASEAN sebagai suatu rantau yang aman, bebas dan terkecuali.

Dan yang telah disentuh tadi tentang *missile* yang telah dibeli oleh negara jiran, apa sahaja yang kita dapat diperolehi dan diberi kepada angkatan tentera patutlah kita berbuat sedemikian bukan sahaja dari segi *sophistication*, dengan izin, tetapi juga untuk menaikkan semangat, menaikkan *morale* mereka, dengan izin, supaya mereka dapat berkhidmat dalam suatu suasana yang baik dan mereka dapatlah memberi perkhidmatan yang sedang sekarang ini pun diwujudkan dan sedang sekarang ini pun diberikan oleh angkatan tentera dan polis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung kerana masa sudah cukup.

Dato’ Zulhasnan bin Rafique: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya juga ingin menyatakan rasa kesal kerana sejak akhir-akhir ini wujudnya sindrom membenci negara bukan setakat dicanangkan di dalam negeri malah kini gendangnya telah dipalu di merata ceruk dunia oleh golongan

tertentu yang tidak berjiwa patriotik. Sepatutnya setiap warganegara hendaklah menumpukan taat setia tanpa berbelah bahagi kepada negara tanah tumpah darahnya. Tetapi malang sekali dalam arus cabaran globalisasi yang memerlukan komitmen rakyatnya, memartabatkan maruah agama, bangsa dan negara telah dicemarkan oleh satu gerakan desperado yang menghasutkan kumpulan tertentu di peringkat antarabangsa supaya sistem demokrasi ala Malaysia ini dihancurkan di mana kepimpinan negara ini menjadi sasaran mereka. Apakah rakyat Malaysia yang cintakan keamanan, kestabilan, luhur dalam kefahaman demokrasinya sanggup melihat negara ini dipercaturkan oleh penyangak politik antarabangsa. Mengapakah *crook* ini, dengan izin, yang terlibat tidak memikirkan bahawa tindakan khianat mereka itu sebenarnya hanyalah bertujuan untuk membalas dendam. Kenapakah marahkan nyamuk kelambu hendak dibakar?

Saya berharap suasana penyatuan di antara masyarakat di negara ini hendaklah dijadikan agenda utama ke arah merealisasikan sebuah negara yang bermaruah tinggi dan cemerlang wawasannya. Saya berdoa supaya negara ini akan terus dipelihara oleh Allah S.W.T., berkat muafakat rakyat Malaysia yang sentiasa cintakan agama, bangsa dan juga negara.

Dengan kata-kata itu saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan sebagaimana yang terdapat dalam Belanjawan Negara 2001. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kota Melaka.

12.05 tgh.

Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin menjelaskan satu sangkaan jahat yang telah dikeluarkan oleh Rompin – jangan keluar dulu ya – saya ingin menegaskan di sini bahawa pemimpin-pemimpin dan anggota-anggota DAP sanggup berkorban dan menumpah darah untuk mempertahankan Malaysia oleh kerana kita semua rakyat Malaysia.

[Tepuk]

Jadi, jangan keluarkan sangkaan jahat tetapi kita mempertikaikan cara Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional hendak berperang dengan Singapura. Mereka cakap Lee Kuan Yew itu adalah orang yang tidak siuman dan adakah kita sedia berperang

dengan Singapura, oleh kerana sekiranya betul keangkuhan seorang pemimpin Singapura. Jadi, jangan main isu ini oleh kerana ini bukan satu joke

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Rompin bangun.

Tuan Kerk Kim Hock: Hari ini saya tidak ada peluang hendak beri jalan. Saya no prepared tax – tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading bangun. Yang Berhormat,

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Menyampuk]*

Tuan Kerk Kim Hock: Bukan hari ini, kelmarin Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, cukuplah, hari ini jangan main isu ini lagi. Cukup, cukup!

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan seperti polisi-polisi kerajaan merupakan alat yang boleh memupuk perpaduan di antara kaum atau memecahkan rakyat. Jadi, walaupun kerajaan telah banyak kali menyalahkan pembangkang yang memecahbelahkan rakyat, tetapi saya rasa pemimpin-pemimpin kerajaan haruslah bikin serupa cakap dan memimpin melalui teladan.

Jadi, satu contoh ialah wang ihsan. Kalau isu wang ihsan ini mempelawa kebencian rakyat terhadap kerajaan, maka ini adalah kesalahan kerajaan sendiri. Dan walaupun kerajaan selalu kata, ia adalah adil, tetapi saya beri satu contoh di sini, di mana walaupun UMNO telah berkata bahawa ia akan berubah, di Melaka. Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka telah melancarkan politik dendam terhadap rakyat. Contohnya di sini, beliau telah menyenaraihitamkan kontraktor-kontraktor yang bersimpati dengan parti pembangkang dan beliau juga telah memberhentikan panel lawyer atau panel doktor dengan kerajaan atau agensi kerajaan atas tuduhan mereka menyokong atau bersimpati dengan pihak pembangkang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tampin.

Tuan Shahziman bin Abu Mansor: Boleh minta pandangan sedikit?

Tuan Kerk Kim Hock: Tidak ada masa. Yang ketiga, beliau telah mengarahkan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak berikan laluan?

Tuan Kerk Kim Hock: Hari ini tidak ada masa. Yang ketiga, beliau telah mengarahkan supaya wang simpanan tetap di bank-bank dikeluarkan oleh kerana pekerja-pekerja di bank-bank ini memakai batch yang menyokong pembangkang, tidak suka dengan pembangkang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Mohon laluan.

Tuan Kerk Kim Hock: Yang ketiga, beliau juga telah memindahkan atau transfer 18 orang pegawai-pegawai kerajaan yang dituduh menyokong pihak pembangkang.

Jadi, ini bukanlah cara yang baik UMNO hendak membuat perubahan dan jangan kata UMNO hendak beradil kepada rakyat sekiranya inilah tindakan-tindakan dan bukti-bukti yang kita boleh sampaikan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya baca dalam surat khabar ini bahawa Perdana Menteri telah berkata persatuan Cina bantah sekolah wawasan diberi ingatan, didik cara Malaysia. Memang kita semua rakyat Malaysia, kita hendaklah pendidikan yang bercorak Malaysia tetapi cara itu mestilah cara adil dan saya bagi pihak DAP hendak menegaskan di sini bahawa DAP juga membantah dengan kerasnya pelaksanaan sekolah wawasan. Dan saya tahu juga di *Sin Chew Jit Poh* hari ini, cantik muka Menteri Pendidikan, besar sekali gambarnya dalam bahasa Cina ia berkata komuniti Cina jangan begitu susah dengan beban sejarah.

Maksud dia ialah bahawa oleh kerana Dong Jiao Zhong telah membuat bantahan dari sudut sejarah, di mana Dong Jiao Zhong telah mengatakan bahawa perkembangan politik dan sejarah di Malaysia ini tidak memberikan keyakinan kepada mereka terhadap kualiti-kualiti atau langkah-langkah kerajaan yang boleh menjejaskan

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Pohon laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sri Gading, Kota Melaka tidak beri jalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sedikit pun tidak boleh laluan.

Tuan Kerk Kim Hock:yang boleh menjejaskan identiti sekolah Cina atau Tamil dan

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sahabat saya baik ini,

Tuan Kerk Kim Hock: Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah membuat laporan di sini atau peringatan di akhbar di sini dan saya rasa Yang Berhormat Menteri Pendidikan adalah seorang akademik yang mungkin berniat baik tetapi beliau belum cukup faham sejarah politik dan perasaan orang Cina, oleh kerana kalau kita lihat kepada isu Suqiu yang berlaku baru-baru ini, tuntutan itu telah disampaikan kepada Kabinet dan pemimpin-pemimpin parti Cina dalam Barisan Nasional telah mengumumkan bahawa Kabinet telah menerima tuntutan itu kemudian satu tahun kemudian pula, dipertingkatkan seolah-olah orang-orang ini semua yang bersalah sehingga Pemuda UMNO mengancam hendak bakar Selangor Chinese Assembly Hall.

Inilah sejarah, inilah keadaan yang membimbangkan komuniti Cina, jadi jangan kata bahawa kita semua takut dengan sejarah. Kalau kita betul-betul lihat sejarah, itulah membuktikan kebimbangan Dong Jiao Zhong dan juga komuniti Cina adalah berasas dan logik yang digunakan oleh kerajaan untuk melaksanakan sekolah wawasan ialah bahawa supaya semua murid dapat bersama-sama bersekolah di satu bangunan dan ia adalah cara untuk memupuk perpaduan.

Kita tidak bersetuju oleh kerana kalau betul-betul ini semua baik, kita adakan parti wawasan, tidak payah ada UMNO, tidak payah ada MIC atau MCA, bolehkah kita betul-betul mencapai perpaduan.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Pendidikan harus memandang reaksi Dong Jiao Zhong dari sudut sejarah di mana Kementerian Pendidikan telah banyak kali menunjukkan rancangan-rancangan yang telah membimbangkan mereka misalnya pada tahun 1961 Dong Jiao Zhong membantah sekeras-kerasnya atas Akta Pendidikan yang baru digubalkan kerana hak kewujudan dan perkembangan pada sekolah rendah Tionghua digugat oleh peruntukan 21(2).

Pada tahun 1979 Dong Jiao Zhong menentang laporan Pendidikan Mahathir demi mempertahankan hak untuk menjalankan pemeriksaan yang diselenggarakan

oleh Dong Jiao Zhong yang digelar *unified examination*. Pada tahun 1983 Dong Jiao Zhong membantah pelaksanaan rancangan 3M dan pada tahun 1985 rancangan kompleks sekolah juga telah diadakan dan ini juga telah dibantah dengan kuatnya dan pada tahun 1987 Kementerian Pendidikan telah menghantar guru-guru yang tidak mengetahui bahasa Tionghua ke sekolah Cina untuk memegang jawatan eksekutif kanan.

Jadi, ini adalah satu perkembangan politik dan sejarah yang memang membimbangkan, bukan sahaja Dong Jiao Zhong dan juga komuniti Cina dan saya juga ingin mengingatkan kerajaan bahawa kewibawaan Dong Jiao Zhong di masyarakat Tionghua dibina melalui perjuangan jangka masa yang berpuluhan, prinsip mereka tegas, keazaman mereka tabah, semangat pengorbanan mereka diuji bertubi-tubi.

Maka kepercayaan dan keyakinan masyarakat Tionghua terhadap Dong Jiao Zhong tidak dapat dipecahbelahkan oleh mana-mana pihak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Menteri Pertahanan.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat dari Kota Melaka, adakah dia sedar bahawa Akta Pendidikan 1996 yang telah digubal oleh Kerajaan Barisan Nasional menjamin kewujudan sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina. *[Tepuk]*

Tuan Kerk Kim Hock: Kemungkinan Menteri Pertahanan harus mengadakan perundingan lagi dengan Dong Jiao Zhong dan memahami apakah sebabnya mereka masih tidak dapat menghilangkan kebimbangan mereka dan juga saya tahu bahawa Ahli-ahli Parlimen DAP pernah berdebat di sini dan bacalah perbincangan itu, jangan kata satu sahaja Yang Berhormat, kalau ini macam kita tidak dapat jawapan yang sepenuhnya.

Kementerian Pendidikan sepatutnya memberi penghormatan kepada Dong Jiao Zhong oleh kerana mereka telah banyak memberi sumbangan kepada perkembangan dalam bidang pendidikan dan berjaya melahirkan sumber manusia yang terlatih, mahir, berdisiplin kepada negara kita sehingga ibu bapa dan keturunan

bukan kaum Tionghua juga sudi menghantarkan anak-anak mereka ke sekolah rendah Cina untuk belajar.

Dan Dong Jiao Zhong boleh dikatakan sebagai sebuah badan bukan kerajaan dalam bidang pendidikan Tionghua yang paling berwibawa, paling profesional, paling bermartabat untuk mewakili hasrat dan pandangan masyarakat dan janganlah kerajaan memperkecil-kecilkan perwakilan mereka atau pandangan mereka.

DAP telah berkata dengan secara terbuka bahawa kita juga membantah konsep ini. Ada cara lain untuk memupuk perpaduan dan ini adalah satu rancangan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan sendiri dalam tahun 1986 dan apakah sebabnya kalau ini adalah satu rancangan yang telah dipersetujui oleh Kementerian Pendidikan, MCA. Gerakan atau parti lain dan juga Dong Jiao Zhong, apakah sebabnya kita tidak boleh gunakan rancangan ini di mana Dong Jiao Zhong telah bersetuju atas semua perkara yang telah dipersetujui untuk memperkongsi – saya baca di sini – kegiatan-kegiatan khas yang disenaraikan di bawah ini adalah dicadangkan untuk dipertingkatkan pelaksanaannya sebagai rancangan integrasi murid-murid untuk perpaduan iaitu merentas desa, lumba jalan kaki, bola sepak, bola jaring, bola keranjang, bola baling, sukaneka, kegiatan khas dan lain-lain.

Ini semuanya telah dipersetujui, mengapa kita semua tidak boleh melaksanakannya, mengapa kita hendak menjalankan sekolah wawasan yang tetap dibantah oleh Dong Jiao Zhong dan juga komuniti Cina. Mungkin MCA kata dia mewakili komuniti Cina tetapi kita boleh adakan satu referendum.

Menteri Pendidikan dalam surat khabar Cina telah mengatakan, kita ambil satu contoh, dia kata kompleks sekolah di Teluk Sengat, Kota Tinggi dan beliau kata bahawa ini menunjukkan bahawa identiti sekolah Cina tidak akan terjejas.

Saya mempunyai satu laporan di sini yang saya tidak akan baca dengan detailnya. Ada satu laporan di sini yang mengatakan Teluk Sengat, keadaan Sekolah Teluk Sengat, kompleks Sekolah Teluk Sengat [*Bercakap dalam bahasa Cina*] dalam bahasa Cina. Tahun 1997

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sri Gading bangun.

Tuan Kerk Kim Hock: Tak payahlah hari ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Hai ya. Sedikit sahaja.

Tuan Kerk Kim Hock: Di mana ada laporan di sini, di sekolah-sekolah itu, murid-murid sekolah Cina yang akan diajar mempelajari muzik oleh seorang guru Melayu, bolehkah dia menyanyi lagu Cinakah? Dia cuma tahu burung kakak tua sahaja, yang lain lagu Cina dia tidak tahu. Ada lagi banyak di sini, inilah benda-benda yang tidak boleh meyakinkan Dong Jiao Zhong.

Jadi, saya harap kerajaan janganlah tuduh bahawa Dong Jiao Zhong inginkan cara

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini bukan Dong Jiao Zhong ini, saya hendak pohon sedikitlah.

Tuan Kerk Kim Hock: ...cara Cina, ini bukan betul. Apa yang mereka hendak ialah satu cara yang adil di mana budaya majmuk boleh diperkembangkan di Malaysia dan identiti sekolah-sekolah itu boleh dipertahankan. Itu sahaja, itulah satu perkara yang senang dan simple. Jadi, saya harap terutama sekali pemimpin-pemimpin UMNO, jangan putar belitkan fakta ini oleh kerana saya tahu

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat, Yang Berhormat!

Tuan Kerk Kim Hock:akhbar bukan bahasa Cina tidak akan memberikan gambaran yang betul seperti dalam kes *Suqiu Utusan Malaysia* ada special right, special privilege untuk mempamerkan isu, tidak ada siapa yang boleh melakukan apa-apa kepada *Utusan Malaysia*.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat, minta sedikit laluan.

Tuan Kerk Kim Hock: Jadi, dalam kes ini jangan lagi saya kata

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading, masa cukup.

Tuan Kerk Kim Hock: ..akta perpaduan negara, jangan kita biarkan surat khabar yang tidak bertanggungjawab memutarbelitkan, api-apikan isu ini.

Saya rasa gembira kalau seperti apa yang telah dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa ia tidak akan paksa Dong Jiao Zhong untuk mengambil bahagian dalam konteks ini. Dan saya juga berharap bahawa kerajaan juga jangan paksa dengan cara apa sahaja, sekolah-sekolah Cina untuk mengambil

bahagian dalam sekolah ini. Oleh kerana kita memang tahu ada caranya kerajaan untuk menggugat sekolah-sekolah untuk mengambil bahagian ini....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]* Okay .

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Sri Gading, sila duduk, dia tidak beri jalan. Yang Berhormat nanti boleh berucap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya mohon sedikit penjelasan.

Tuan Kerk Kim Hock:dan saya di sini hendak mengatakan bahawa sekiranya kerajaan hendak mendapatkan pendapat atau pendirian yang benar-benar sila mengadakan perundingan dengan Dong Jiao Zhong, jangan harap wakil-wakil lain boleh memberikan pandangan yang tepat. Saya tidak akan mengeluarkan apa yang saya telah berbincang dengan Menteri Pendidikan semalam, tetapi saya tahu dalam apa-apa perjuangan sahaja, ada pengkhianat bangsa akan memberikan maklumat yang salah kepada pihak kerajaan.

Jadi, saya harap sesiapa wakil sahaja walaupun mereka kata mereka mewakili komuniti Cina, jangan memberikan mesej yang salah kepada pihak kerajaan dan ini adalah satu perkara yang serius, saya lagi sekali menyeru supaya akhbar terutama sekali akhbar yang telah mengapi-apikan isu Suqiu itu, jangan ulang lagi, oleh kerana Malaysia memang kita sekarang kita mempunyai banyak masalah yang membimbangkan kita.

Kalau kita hendak semua sama-sama menuju ke Wawasan 2020 tanpa satu fokus yang baik, macam mana kita boleh berganding bahu untuk mewujudkan impian kita itu.

Tuan Yang di-Pertua, itu adalah satu seruan ikhlas daripa da saya dan saya harap akhbar-akhbar yang ada juga boleh laporkan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya begitu gembira bahawa Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ada di sini. Oleh kerana saya semalam sudah edarkan bukti-bukti di mana saya telah berkata bahawa MCA-JE Fund telah disalahgunakan dan saya tahu beliau telah mengeluarkan satu kenyataan akhbar mengatakan bahawa DAP adalah parti 'dua muka'...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Kerk Kim Hock: Nantilah. Dengar dahulu. Dia telah menuduh bahawa DAP berani bercakap dalam akhbar Cina berkenaan dengan orang-orang Melayu yang telah menjadi penerima JE Humanitary Fund, tetapi tidak berani membongkarkannya di depan akhbar Bahasa Malaysia. Ini adalah tidak benar, selalunya kita mengadakan press conference kita mempelawa mereka tidak datang. Kita keluarkan statement, tak keluar. Tetapi saya telah buktikan....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Boleh beri saya laluan?

Tuan Kerk Kim Hock: Hari ini saya telah keluarkan. Jangan kacau saya hari ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Boleh beri saya laluan?

Tuan Kerk Kim Hock: Tuan Yang di-Pertua....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tak mahu bagi UMNOkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Menteri.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Oh Menteri.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kerana nama saya telah disebut, apa yang telah saya nyatakan terhadap DAP berdasarkan apa yang saya baca dalam surat khabar bahasa Cina. Gambaran yang saya dapat ialah DAP seolah-olah menyalahkan MCA kerana telah memberikan bantuan ataupun sumbangan derma JE kepada orang Melayu. Itu yang saya baca. Tetapi saya tak nampak apa berita seumpama itu dilaporkan dalam Bahasa Malaysia. Jadi, saya dapat satu gambaran bahawa kalau DAP berpendapat macam itu adalah satu pendirian yang begitu bercanggah dengan pendiriannya. Dia kata dia multi-racial, tetapi dia seolah-olah menyalahkan MCA kerana bantu orang Melayu. Saya telah jelaskan di mana telah dilaporkan bahawa penderma untuk JE Fund ini ada juga orang Melayu, ada ahli-ahli korporat Melayu juga. Jadi, kalau ada orang Melayu terlibat mengapa kita tak boleh bantu. Jadi, itu gambaran yang saya dapat daripada akhbar bahasa China.

Tuan Kerk Kim Hock: Okaylah, itu gambaran yang salah. Jangan buang masa saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau terpaksa, Yang Berhormat pun begitu juga.

Tuan Kerk Kim Hock: Berapa masa saya ada, berapa minit lagi?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Boleh beri laluan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Lagi 10 minit.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Boleh beri laluan?

Tuan Kerk Kim Hock: Nanti. Saya telah edarkan, semua Ahli Parlimen ada press statement saya, dan saya telah katakan bahawa DAP tidak mempertikaikan orang Melayu diberikan bantuan. Tetapi saya hendak menjelaskan di sini, sebanyak 706 nama Melayu tercatat dalam senarai ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini tak boleh beri Melayu laluan.

Tuan Kerk Kim Hock: Nanti, JE Humanitary Fund. Tetapi MCA telah kata...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: UMNO.

Tuan Kerk Kim Hock:bahawa orang Melayu diberikan bantuan oleh kerana mereka terpaksa pindah oleh kerana Nipah virus dan juga mereka yang hilang kerja. Saya telah dapat laporan bahawa kalau kita beri maksimum pun angkanya 200, bukan 706. Jadi, saya minta penjelasan, sampai hari ini MCA tidak beri jawapan yang baik. Cuma Presidennya hentam saya.

Saya hendak kata di sini, saya dapat satu surat akuan...

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Tuan Kerk Kim Hock: Nanti sekejap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Boleh beri laluan sikit?

Tuan Kerk Kim Hock: Surat akuan daripada seorang Melayu.

“Saya, Abdul Aziz bin Haji Hassan, nombor kad pengenalan 380302-05-5195 adalah seorang warganegara Malaysia yang beralamat di No. 158, Kampung Baru Sungai Nipah, 71960 Chua, Negeri Sembilan, dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa saya tidak pernah menerima wang bantuan sebanyak RM2,000 seperti yang tercatat dalam senarai penerima bantuan JE-MCA. Saya dengan ini membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalam adalah benar serta menurut Akta Surat Akuan 1960.” [Disampuk]

Saya hendak katakan di sini jangan jatuhkan air muka.

Dato' Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Berapa orang yang buat ini?
How many? Ini mungkin ahli DAP.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya tahu, saya tak bagi jalan.

Dato' Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini saya rasa mungkin ahli DAP.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya tahu ada ramai.....

Dato' Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dia arah ahli DAP dia buat.

Tuan Kerk Kim Hock: Ada ramai orang Melayu....

Dato' Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Berapa orang buat kenyataan ini? Berapa orang?

Tuan Kerk Kim Hock: ...telah mengadu kepada saya bahawa mereka tidak tahu apakah sebabnya bantuan diberikan. Mereka ada ramai yang telah menerima bantuan itu....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Beri peluanglah.

Tuan Kerk Kim Hock:pada pilihan raya tahun lalu oleh kerana mereka anggap itu adalah bantuan daripada kerajaan. Itu pun dikeluarkan pada pilihan raya. Jadi, ini pada saya adalah satu taktik yang telah mengabui mata orang-orang Melayu dan menjatuhkan air muka mereka dan juga adalah satu penghinaan kepada mereka.

Dato' Ong Ka Ting: Berilah peluang saya jelaskan.

Tuan Kerk Kim Hock: Cuma ada dua orang berkuasa untuk mengeluarkan ini, semua yang lain tak ada.

Dato' Ong Ka Ting: Tuduhan sudah dibuat.

Tuan Kerk Kim Hock: Iaitu Presiden MCA dan juga Dato' Yow Chai Thiam.

Dato' Ong Ka Ting: Tuduhan sudah dibuat, boleh jelaskan.

Tuan Kerk Kim Hock: Ini cuma dikendalikan oleh Presiden sahaja. Saya tak mahu cakap, dia baik.

Dato' Ong Ka Ting: Bukan pasal power. Tuduhan sudah dibuat, saya boleh jelaskan.

Tuan Kerk Kim Hock : Don't tell me you have no power in deciding...

Dato' Ong Ka Ting: Apa itu power. Kita sama-sama tak ada power.

Tuan Kerk Kim Hock: Apa tak ada power. Tuan Yang di-Pertua, ada banyak lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kota Melaka...

Tuan Kerk Kim Hock: Nanti, ada banyak lagi, tak apa, kita akan buat laporan kepada authority apabila masa sampai. Tetapi pada masa sekarang orang yang tak ada I.C. pun ada 140 lebih nama boleh ambil wang. Ada orang yang bukan berkaitan, bukan penternak babi, tidak berkaitan dengan penyakit.....

Dato' Ong Ka Ting: Itu satu tuduhan. Dia tidak bagi penjelasan.

Tuan Kerk Kim Hock:dapat wang yang banyak oleh kerana mereka ada kroni-kroni Dato' Yow Chai Teow.

Dato' Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini demokrasi ala-DAP oleh Setiausaha Agungnya, tuduh tidak membenarkan orang menjawab. Inilah demokrasi DAP.

Tuan Kerk Kim Hock: Semalam saya sudah bagi press conference statement, semua diam sahaja, tak ada seorang pun berani datang berjumpa saya. Jangan cakap banyak lagi.

Dato' Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kalaulah Setiausaha Agung DAP benar-benar menghormati.....

Puan Chong Eng: Duduklah!

Tuan Kerk Kim Hock: Saya bertanggungjawab atas apa yang saya cakap.

Dato' Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kalau menghormati demokrasi, bagi peluang! Apa ini demokrasi DAP. PAS, ADIL campur juga?

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Dato' Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: PAS, sudah baik sakit.

Tuan Kerk Kim Hock: Yang lain duduk, saya bagi Yang Berhormat.

Dato' Ong Ka Ting: Okay, dia bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila duduk.

Dato' Ong K a Ting: Okay, Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Mohamad bin Sabu: Diam, diam!

Dato' Ong Ka Ting: Saya hendak minta penjelasan sama ada...

Tuan Mohamad bin Sabu: Camera action!

Dato' Ong Ka Ting: Sama ada Yang Berhormat bagi Kota Melaka sedar atau tidak begitu banyak tuduhan telah dibuat oleh beliau dan juga partinya terhadap tabung ini, terhadap beberapa ribu orang yang telah terima derma ini, sampai hari ini baru dia dapat cakap pasal 20 orang dan antara 20 orang yang dia cakap itu ramai daripada mereka itu sudah merasa sedih dan keluar membuktikan bahawa tuduhan itu tidak benar. Jadi, sekarang dia pegang kepada satu nama daripada 4,000, 5,000 orang. Maknanya, 99.9% itu semua okay.

Tuan Kerk Kim Hock: Cukup.

Dato' Ong Ka Ting: Kalau sekiranya ada apa-apa yang dikatakan tak puas hati, Dato' Yow Chai Thiam telah jemput Yang Berhormat pergi jumpa dia untuk sama-sama tengok apa yang tak betul, tetapi mengapa Yang Berhormat tak pergi? Yang Berhormat sebut di sini Dato' Yow Chai Thiam tak boleh datang ke sini jawab buat apa. adakah itu keikhlasan.

Tuan Kerk Kim Hock: Cukup. Okay, baiklah.

Dato' Ong Ka Ting: Elok jangan tuduh di sini. Tuduh di depan Dato' Yow Chai Thiam.

Tuan Kerk Kim Hock: Okay, yang pertama bukan saya buat tuduhan. Kebanyakan orang-orang yang membuat kompelin adalah ahli-ahli MCA. Mereka mempelawa supaya Dato' Yow Chai Teow pergi ke tempat mereka, dia tak hendak. Dia cuma mahu jumpa saya di pejabatnya. Pergi ke tempat sama, itu semua mangsa yang merupakan ahli-ahli MCA dan juga pengundi-pengundi Lukut. Itu yang pertama.

Yang kedua, walaupun MCA buat kerja kebaikan, 2% yang salah katakanlah, oleh kerana ada DAP, kalau tak ada semua dia kebas. *[Menyampuk]* Kalau ada DAP walaupun 2% tetapi itu memang tetap salah, jangan kata tak salah. Dua peratus pun salah, tetapi saya kata kalau mahu - *enough, your time have gone out, you time have run out.* You pergi jaga Dato' Chan Kong Choy lagi baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Keluang bangun.

Tuan Kerk Kim Hock: So don't tell me satu sen makan pun salah. Bukan setakat 2% orang sahaja. Tak boleh cakap macam itu *perverse the logic*. Ini semua apa logik ada. Orang ketawa di luar tahukah? Pergi baca surat khabar kata Dato' Yow Chai Teow bagi baik. Orang ketawa, pergi sekarang saya jemput. Kalau Yang Berhormat sudi pergi, kita pergi esok sama-sama. [*Menyampuk*] Sama-sama kita pergi. Jangan lari di sini. Ini semua orang sudah buat aduan selama satu tahun, tiada siapa pun boleh buat apa-apa oleh kerana Dato' Yow Chai Teow ada anak emas Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik. Itu sahaja, semua orang tahu. Tanyalah semua MP di sini, don't try to be - I know you told me a lot the day before. Jangan cakap di sini untuk bersandiwara. I don't want to shame you, but don't try to be funny here because I know what you told me. Ramai pemimpin MCA telefon saya, saya tahu. Jangan buat sandiwara di sini because it is not a simple issue. Ini melibatkan ahli-ahli MCA, mengapa bersandiwara di sini, jangan, jangan. Your time is out.

Walau bagaimanapun, oleh kerana - berapa minit lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tiga minit lagi.

Tuan Kerk Kim Hock: Tiga minit lagi, saya rasa sudah cukup. Kita sama-sama pergi sana, okay, tak apa. Esok pergi, bila-bila sahaja. Saya ada lagi banyak bukti, saya cuma ambil satu dua di sini sudah cukup, ada banyak lagi. Kalau mahu tengok banyak lagi, saya tak mahu pakailah. [*Sambil menunjukkan surat-surat*] Orang India pun ada, orang Melayu pun ada di sini, cheque pun ada, cheque keluar apa, ini cheque keluar atas nama orang Cina. Macam-macam lagi ada, APU pun ada, tetapi tak boleh salahkan APU. Siapa yang memberikan keberanian kepada beliau untuk melakukan ini. Boss dialah, siapa lagi, senang sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya begitu marah oleh kerana orang-orang yang mengadu bukan ahli-ahli saya. Mereka adalah ahli-ahli MCA dan mereka telah mengadu selama satu tahun kalau saya tidak silap, berjumpa dengan orang-orang termasuk Tuan Yang di-Pertua. Tetapi pihak MCA tidak berani membetulkan situasi ini. Oleh kerana orang yang mengendalikannya itu adalah anak emas Presiden MCA, apakah kita boleh buat. Orang yang bukan pesakit Nipah virus, orang yang bukan pigs farmer dapat wang, orang yang betul-betul genuine tak dapat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Menteri minta lagi.

Tuan Kerk Kim Hock: Cukup. Minta Presiden datang, saya beri peluang banyak kali. *[Disampuk]* Jadi, oleh kerana kesuntukan masa, Tuan Yang di-Pertua, saya suka ingin mencadangkan supaya kerajaan memberi penekanan kepada projek Sun Flower yang telah disampaikan kepada kerajaan termasuk Perdana Menteri sendiri supaya kita boleh memulihkan industri menternak babi. Nipah virus adalah satu tragedi di mana industri itu telah terjejas dan sampai hari ini walaupun janji telah dibuat dalam pilihan raya kecil Teluk Kemang bahawa integrated pig farming area di Jima akan dibuka, tetapi sampai hari ini kajian demi kajian dibuat, janji tidak dikotakan. Jadi, saya rasa bahawa untuk BN ada peluang untuk menang di Lunas....

Seorang Ahli: Pindah ke Terengganu.

Tuan Kerk Kim Hock: Dia akan membuat lagi banyak janji, tetapi saya hendak mengingatkan - nanti saya bagi satu peluang. Saya ingatkan kerajaan kalau janji-janji yang telah dibuat....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Kerk Kim Hock:janji-janji yang dibuat di pilihan raya Teluk Kemang tidak dikotakan, apa-apa sahaja yang akan dikeluarkan di Lunas by-election tidak ada orang akan percaya lagi. Saya beri peluang ke pada Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Setiausaha Agung DAP yang baik hati, tetapi belum sampai tahap Tanjong dahulu sampai. Tetapi cuba insya-Allah, tetapi di sebelah kanan itu jangan fikir dia tidak berjiwa untuk menjadi Setiausaha Agung.

Saya hendak bertanya tentang industri babi. Baru-baru ini PAS ada buat kenyataan, dia kata boleh pindah dan laksanakan di Terengganu. Setakat ini bagaimana tentang kemajuan usaha cadangan PAS untuk membawa mereka supaya membela babi, pelihara babi, industri babi di Kuala Terengganu. Sebab Exco kanan itu bukan kanan, dia sebenarnya bukan Menteri Besar, dia Dungun. Dia berkuasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat mengambil masa Kota Melaka, sudah cukup.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya habiskan ayat. Saya cuma hendak kata, kalau kita baca *Star*, saya dihentam oleh Presiden MCA atas JE account dan sekarang kita

cuba boleh nampak cara mereka hendak mengelakkan isu ini. Itulah taktik kotor Barisan Nasional. Saya kata kalau berani, pergi ke Bukit Pelandok, pemimpin-pemimpin MCA jumpa orang-orang yang mengadu yang merupakan ahli-ahli MCA. Itu sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Labuan.

12.20 tgh.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Belanjawan 2001 yang dibentangkan pada 27 Oktober 2000 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Sesungguhnya belanjawan tersebut banyak memihak kepada kepentingan rakyat dan bolehlah dianggap sebagai belanjawan mesra rakyat dan berstrategik. Toleransi serta keprihatinan yang begitu tinggi yang diperlihatkan oleh kerajaan dalam Belanjawan 2001 itu telah membuat saya berasa amat bersyukur dilahirkan sebagai warganegara Malaysia yang kerajaannya ditadbir oleh Kerajaan Barisan Nasional. Sekali lagi syabas dan tahniah Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, sikap pemimpin pembangkang di dalam Dewan, gangguan yang dibuat semasa pembentangan Belanjawan 2001 oleh Yang Berhormat Kuala Terengganu dan diikuti oleh beberapa orang pemimpin-pemimpin pembangkang adalah sangat memalukan dan tidak beretika langsung.

Selaku Ahli Yang Berhormat yang berpendidikan tinggi, tindakan beliau mengganggu sidang belanjawan dengan jeritan kata-kata liar dan kesat seperti bohong dan sebagainya bukan sahaja memerlukan Dewan yang mulia ini malah memerlukan beliau sendiri yang kononnya bergelar doktor.

Tuan Yang di-Pertua, pemimpin pembangkang harus belajar membezakan erti pembentangan belanjawan dan perbincangan belanjawan. Kalau itu pun tidak faham, tidak usahlah jadi wakil rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, secelupar-celupar Karpal Singh dan Lim Kit Siang pun mereka tidak pernah berkelakuan demikian. Apatah lagi Tuan Yang di-Pertua sendiri melahirkan rasa sedih di atas kejadian buruk itu di mana sepanjang tempoh 18 tahun

beliau menjadi Speaker baru tahun inilah terdapat gangguan dalam pembentangan belanjawan. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menasihatkan para sahabat saya dari pihak pembangkang bahawa di masa akan datang jika tidak bersetuju dengan sesuatu perkara buatlah bantahan secara terhormat dan beretika kerana anda sekalian adalah Ahli Yang Berhormat. Jika masih juga tidak puas hati anda bolehlah keluar Dewan atau tidak langsung hadir sebagai *manifesty protest*, saya ingat dengan cara tersebut lebih profesional dan berwibawa lagi terhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya kesal dengan sikap pembangkang yang masih mengklasifikasikan Belanjawan Negara sejak empat tahun lalu sebagai Belanjawan Defisit. Mereka seolah-olah menyalahkan pemimpin dan kerajaan sebagai punca krisis ekonomi yang berlaku. Adakah mereka kurang faham dengan situasi ekonomi negara dan dunia atau sengaja mempolitikkan krisis yang berlaku untuk kepentingan peribadi mereka? Kita harus peka sejak dari dahulu lagi yakni di dalam setiap Belanjawan Negara, kerajaan tidak pernah mengurangkan peruntukan untuk pembangunan rakyatnya walaupun ketika menghadapi kegawatan ekonomi. Usaha kerajaan untuk memulihkan kegawatan ekonomi seperti menerusi pelan tindakan, antara lain, untuk menstabilkan ringgit, mengekalkan keyakinan pasaran, mengekalkan kestabilan pasaran kewangan, mengukuhkan asas ekonomi serta meneruskan agenda sosioekonomi dan ekuiti langsung tidak dihargai. Ekonomi negara semakin pulih dapat dilihat dari pencapaian KDNK negara yang mana sebelum ini menguncup.

Pada tahun 2001, pertumbuhan ekonomi negara meningkat kepada 7% dan ini sebagai petanda bahawa ekonomi negara Malaysia pulih dengan pantas dan cepat. Negara tidak mengambil masa yang panjang untuk memulihkan krisis ekonomi. Kita lihat bermula dari tahun 1997 di mana ekonomi negara dilanda krisis

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen bangun.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat bagi Labuan. Sepertimana kata Yang Berhormat tadi, pihak pembangkang bergelagat ataupun berperangai yang kurang sopan pada hari pembentangan belanjawan. Boleh

tidak kalau saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat pada tahun 2004 ini patut atau tidak rakyat tolak sama sekali parti pembangkang seperti PAS.

Tuan Mohamad bin Sabu: Kami pun tak datang. *[Ketawa]*

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Yang Berhormat bagi Sungai Petani, saya rasa rakyat Malaysia bijak pandai. Kelakuan di dalam Dewan yang ditontonkan oleh para pemimpin pembangkang boleh dinilai sendiri sama ada mereka ini boleh atau tidak boleh

Tuan Mohamad bin Sabu: Minta penjelasan sedikit Yang Berhormat bagi Labuan. Kita jangan dinilai pada hari itu, setuju atau tidak supaya sidang Dewan disiarkan terus-menerus. Biar rakyat dapat menilai sepanjang masa. Kalau nilai satu insiden tidak boleh. Dahulu semasa zaman sebelum Yang Berhormat masuk lagi teruk. Ahli Parlimen yang biasa buka baju hendak bertumbuk, tunjuk tanda lucah kepada Timbalan Menteri, macam-macam lagi. Jangan satu insiden kita nilai dan kita mahu cadangkan kepada BN, buka siaran terus-menerus, rakyat boleh menilai sepanjang masa, sepanjang zaman, setuju atau tidak? Mesti Yang Berhormat akan kata tidak bersetuju.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Kepada saya setuju *[Sorak] [Tepuk]* tetapi kerajaan juga punya dasar dan polisi yang akan mempertimbangkan.

Saya ingin juga menjawab sedikit soalan Yang Berhormat bagi Kuala Kedah. Rakyat memilih pemimpin-pemimpin hari ini terdiri daripada pemimpin-pemimpin muda yang berpendidikan. Maka saya ingat hari ini angka pembangkang meningkat kerana ada orang seperti Yang Berhormat Husam, Yang Berhormat Mohd. Apandi, yang berpendidikan tinggi juga Yang Berhormat Dr. Syed Azman. Tetapi jika tingkah laku yang ditunjukkan di dalam Dewan seperti sebentar tadi, sepatutnya saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Speaker, gunakan kuasa 44(2) keluarkan sahaja orang-orang yang tidak faham kuasa-kuasa mutlak Pengerusi ataupun Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah bangun.

Puan Fong Po Kuan: Minta penjelasan Yang Berhormat bagi Labuan. Yang Berhormat telah berkata bahawa semasa ucapan Belanjawan, Yang Berhormat bagi

Kuala Terengganu telah bersikap tidak sopan. Tetapi mengikut peraturan mesyuarat tidak mengatakan apa-apa bahawa tidak ada sesiapa boleh bangun untuk minta penjelasan, satu.

Yang kedua, apakah yang lebih tidak bersopan apabila Kerajaan Barisan Nasional sendiri melanggar Perlembagaan Persekutuan ketika persidangan Parlimen yang pertama dipanggil. Kabinet belum dibentuk telah dipanggil mesyuarat. Pelanggaran Perlembagaan Persekutuan, mana yang lebih teruk, saya minta penjelasan.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Yang Berhormat bagi Batu Gajah, khabarnya Yang Berhormat ini lulus jurusan undang-undang. Dalam Dewan, Peraturan Mesyuarat telah jelas mengatakan keputusan yang telah dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua dan Pengerusi Mesyuarat adalah muktamad dan tidak harus dipertikaikan oleh para ahli bila mana *ruling* telah dibuat, itu sahaja jawapan saya. Kalau tidak faham lagi, suruh *translate* sepenuh bahasa supaya maksudnya dapat dikelirukan.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1998 kita mula menyusun strategi, tahun 2000 ekonomi kita pulih tanpa bantuan IMF mahupun bank dunia. Manakala pada tahun 2001, ekonomi negara menjangkau pertumbuhan yang pesat. Pertumbuhan sebenar KDNK sekitar 9% pada tahun 1988 hingga ke kemuncaknya pada tahun 1996 iaitu, 10.1%. Bagaimanapun pertumbuhan ini menguncup kepada 7.5% dalam tahun 1997 kesan dari krisis mata wang serantau yang dimulakan dengan kejatuhan nilai Baht pada Julai 1997. Kejatuhan bernilai ringgit berbanding dolar Amerika juga memberi impak kepada KDNK per kapita yang jatuh sebanyak 3% pada tahun tersebut. Impak kejatuhan ekonomi dirasai menjelang tahun 1998 dengan pertumbuhan KDNK sebanyak 7.5%. Kejatuhan nilai ringgit berbanding dolar Amerika mengheret kepada inflasi sebanyak 5.3% pada tahun yang sama. Kejatuhan nilai ringgit bermakna harga barangan dan perkhidmatan yang diimport naik mendadak, justeru mencipta inflasi. Pengangguran mencecah 3%, pertama kali sejak tahun 1992. Kerajaan kemudiannya melaksanakan *capital control* pada Oktober 1998 yang mengekalkan ringgit di tahap RM3.80 untuk setiap satu US dolar. Bagaimanapun hari ini, pertumbuhan KDNK telah pulih sebanyak 5.8% pada tahun

1999 dan dijangkakan 7.5% pada tahun 2000. Inflasi dan pengangguran juga berkurangan berbanding tahun 1998 masing-masing di paras 1.8% dan 2.9%.

Tuan Yang di-Pertua, petunjuk-petunjuk ekonomi yang meyakinkan dapat dilihat menerusi pertama, penjualan kereta penumpang meningkat dengan drastik iaitu, daripada serendah 20,000 unit pada April 1998 kepada lebih 70,000 unit pada September 2000. Kedua, kemasukan pelancong asing juga meningkat iaitu, sebanyak 7.9 juta orang pada tahun 1999, peningkatan sebanyak 42% berbanding tahun 1998.

Kehebatan mengatasi krisis ekonomi dikagumi oleh negara luar dan dua badan besar dunia iaitu, IMF yang sebelum ini ingin menghulur tangan dan juga bank dunia. Apa lagi yang pembangkang hendak pertikaikan. Mengapa tidak mengakui sahaja keunggulan dan kecekapan pemimpin negara menangani kemelut ekonomi tersebut. Lanskap ekonomi negara sebenarnya amat berprestasi dan sering mengutamakan kebajikan rakyat. Cuma pihak pembangkang sahaja tidak membuat kajian secara terperinci dan sering membuat tuduhan melulu dan hentam kromo. Ekonomi Malaysia sejak lima tahun kebelakangan menunjukkan perbelanjaan yang tidak pernah menurun. Trend ini meningkat pada tahun 2001 di mana kerajaan membelanjakan RM25 bilion untuk pembangunan negara. Ini jelas sekali menunjukkan ekonomi negara masih kukuh.

Ketika negara dilanda krisis pada Julai 1997, kerajaan membuktikan kesungguhannya untuk melihat warga Malaysia menjadi rakyat berilmu apabila pada tahun yang sama kerajaan memperuntukkan RM2.8 bilion untuk pendidikan. Tahun 1998 - RM2.9 bilion; tahun 1999 - RM3.9 bilion; tahun 2000 sebanyak RM3.6 bilion manakala pada tahun 2001 diperuntukkan sejumlah RM5.9 bilion. Ini membuktikan kerajaan amat prihatin dan bertanggungjawab terhadap rakyat dan pendidikan walaupun dalam ekonomi yang kurang menggalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan kali ini membayangkan tolak ansur kerajaan terhadap rakyatnya. Kali ini pengecualian cukai banyak dilaksanakan dan ini sebenarnya mengurangkan pendapatan kerajaan ataupun negara. Saya mengalu-alukan pengecualian cukai untuk pembayar lelaki dan perempuan. Isteri yang mahukan taksiran cukai pendapatan atas namanya diberi pelepasan suami jika tidak berpendapatan sebanyak RM3,000. Begitu juga dengan rebat pembayar cukai

dinaikkan daripada RM110 kepada RM350. Ini semua menunjukkan kerajaan amat prihatin dan memahami masalah rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, masalah sosial dan kadar jenayah di negara ini begitu membimbangkan. Saban hari kita akan terbaca kes jenayah seperti rogol, rompakan, pembunuhan dan sebagainya. Selepas negara dikejutkan dengan kematian seorang jurutera yang dibunuh setelah dirogol, sekali lagi kita diresahkan dengan kematian Nursuhadah, anak kecil berusia enam tahun dirogol dan dibenamkan ke dalam tangki air. Kemudian kejadian merogol oleh pemandu bas berulang di Keningau di mana seorang gadis berusia 20 tahun mati setelah dirogol. Kemudian seorang pelajar mendakwa beliau pernah dirogol oleh pemandu bas ekspres tetapi perogolnya masih bebas memandu bas walaupun laporan polis telah dibuat. Laporan-laporan sebegini mencemaskan kita dan persoalan wujud apa sudah jadi dengan keselamatan negara?

Saya amat runsing dengan statistik juvana bersalah yang meningkat iaitu, seramai 4,012 orang pada tahun 1995 kepada 5,700 orang pada tahun 1999. Tahun ini sehingga Jun 2000, angka yang ditunjukkan adalah seramai 2,238 orang. Ini merupakan jenayah juvana sahaja. Bagaimana dengan lain-lain peringkat jenayah? Ini menunjukkan bahawa kerajaan perlu menumpukan lebih perhatian terhadap keselamatan dalam negara. Tidak dinafikan peruntukan untuk keselamatan dalam negara agak konsisten sejak enam tahun terkebelakang iaitu, dari 3.2% pada tahun 1997 dan serendah 1% pada tahun 1999. Kesan dari krisis kewangan yang mana peruntukan lebih tertumpu kepada lain-lain sektor.

Saya juga amat mengalu-alukan pemberian elaun kepada para tentera, bomba, kastam dan juga pegawai polis dalam Belanjawan 2001. Ini kerana selama ini merekalah yang berkorban dan berusaha menjaga keamanan negara. Selain itu kerajaan wajar juga memantau kekurangan kakitangan polis. Elaun dan insentif wajar diberikan kepada mereka apabila bertugas lebih masa menyelesaikan kes-kes yang rumit. Kenaikan gaji, pemberian bonus dan elaun kepada anggota keselamatan ini wajar selain menambah pendapatan mereka sebagai pengawal keselamatan negara, kerajaan dapat menarik lebih ramai warga Malaysia menyertai pasukan keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, memantapkan kemahiran teknologi di era maklumat adalah penentu kejayaan untuk bersaing di peringkat antarabangsa. Suka atau tidak,

Malaysia perlu mempersiapkan diri untuk menghadapi cabaran globalisasi dan liberalisasi. Justeru itu teknologi maklumat dan komunikasi perlu dikuasai untuk memastikan kelayakan kita bersaing di pasaran dunia. Saya amat berbangga kerana kerajaan di bawah pimpinan Barisan Nasional begitu prihatin terhadap kepentingan ICT ini. Pemikiran yang menjangkai masa ini jelas membuahkan hasil kerana dalam tempoh 10 tahun penggunaan ICT di kalangan rakyat bertambah dengan pesat. Kerajaan juga menerusi Rancangan Malaysia Keenam memperuntukkan sejumlah pelaburan yang besar ke arah menubuhkan rangkaian kemudahan dan perkhidmatan yang canggih. Sepanjang tempoh lima tahun iaitu dari tahun 1995...

Tuan Chow Kon Yeow: Peraturan Tuan Yang di-Pertua, 13 (1).....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Setiausaha, kira.

[Ahli-ahli dikira: Kurang 26 ahli hadir]

[Loceng dibunyikan]

[Ahli-ahli dikira: Lebih 26 ahli hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Okay, cukup. Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Sepanjang tempoh lima tahun iaitu dari tahun 1995 hingga 2000, pemasangan talian telefon meningkat sebanyak 35% iaitu daripada 3.3 juta kepada 4.5 juta. Talian telefon selular pula menampakkan lonjakan sebanyak 20% iaitu dari 0.7 juta kepada 2.7 juta. Talian Internet menerusi Jaring juga menunjukkan peningkatan yang menggalakkan iaitu daripada 14,360 kepada 669,079 iaitu peningkatan sebanyak 46 kali ganda. Dalam tempoh tahun yang sama, bilangan unit komputer yang dipasang meningkat dari 0.61 juta kepada 1.8 juta yakni peningkatan sebanyak 300%. Bilangan komputer bagi setiap 1000 penduduk pula adalah dari 40 kepada 79 menunjukkan pertambahan dua kali ganda.

Bagaimanapun, daripada 23 juta penduduk, hanya 1.8 juta yang memiliki komputer. Ini bermakna setiap orang penduduk mempunyai *access* terhadap komputer sebanyak 0.08%. Unjuran dari itu kerajaan memberi lebih penekanan terhadap perbelanjaan ICT, pemilikan komputer peribadi dan pengetahuan tentang ICT itu sendiri. Pelaburan ICT berkembang dari tahun 1990 sebanyak RM1.3 bilion

kepada RM3.8 bilion pada tahun 1995. Menerusi Perancangan Malaysia Ketujuh, peruntukan sebanyak RM2.3 bilion disediakan untuk melabur dalam pelbagai program dan projek menerusi

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Labuan, Yang Berhormat bagi Rompin.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Saya ada masa?

Beberapa orang Ahli: Ada, ada, boleh sambung.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya kagum dengan Labuan tentang menyokong kerajaan, dasar ICT Alhamdulillah baik. Itulah cara kita memberi ilmu, memberi maklumat tetapi pembangkang menggunakan ini untuk menyebarkan fitnah. Taktik-taktik kotor disebarikan melalui fitnah macam hari ini Tanjong tidak ada cerita lain, dipanggil kuorum saja. Tidak ada standard.

Tuan Chow Kon Yeow: Nampaknya dengan *spy camera* pun, kuorum pun tidak cukup.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Eh, eh, apa ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Tanjong.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini *floor* saya, undang-undang pun tidak tahu.

Tuan Chow Kon Yeow: Ini hak saya untuk membangkit di bawah Peraturan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ...Yang Berhormat

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tanjong, apa peraturan ini? Tidak tahu peraturan kah? Ada makan lada itu rasa pedas kah? Ini demokrasi kah? Ini peluang saya bercakap, hak sayalah [*Disampuk*]

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *Camera, action.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan Rompin, teruskan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini Mahfuz, Yang Berhormat, kalau kata Mahfuz kan marah pula sebab sudah jadi Wakil Rakyat, lain pula sekarang ini. Dahulu jubah semua, sekarang semua sudah terbang jubah, pakai kot sudah *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Habis sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada soalan minta laluan

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak bertanya, bagi laluan pada saya. Ini floor saya, terima kasih Tuan Speaker sebab di sana tidak tahu undang-undang. Bermakna Labuan bagus ICT kita menggunakan untuk ilmu, menyebarkan maklumat untuk pembangunan negara, manusia, Alhamdulillah untuk menjaga masa depan kita *[Disampuk]* tetapi belah sana menggunakan untuk menyebarkan fitnah *[Disampuk]* Hendak kata ada tanggungjawab, berapa orang tinggal sebelah sana? Kita ramai, mana dia? *[Disampuk]* Tiada yang macam tadi yang korporat pun hendak pergi Mesyuarat Lembaga Pengarah dialah

Puan Fong Po Kuan: *[Bangun]*

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Batu Gajah pun sibuk tentang 'gajah' dia *[Ketawa]*

Puan Fong Po Kuan: Apa ini sikap kurang sopan, kata gajah semua ini *[Sorak]* Ini wakil rakyat menuduh kawasan saya, gajah, gajah semua ini ...*[Ketawa][Sorak]*

Tuan Mohamad bin Sabu: Hentam dia, hentam dia!

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Yang Berhormat bagi Batu Gajah, ini floor saya, bawa bertenang, jangan marah-marah, puasa mahu dekat sudah *[Ketawa]*

Menerusi Rancangan Malaysia Ketujuh, peruntukan untuk ICT berjumlah RM2.13 bilion dan ini jumlah ini ditambah menjadi RM4.1 bilion. Selain itu kerajaan juga mewujudkan Tabung Pembangunan Sumber Manusia yang mana 14.6% tabungannya atau RM64.8 juta diuntukkan kepada pelbagai kursus berasaskan ICT.

Kepentingan ICT dalam agenda pembangunan negara begitu membanggakan. Saya mengalu-alukan cadangan untuk memperluaskan pengetahuan berkenaan ICT

yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan iaitu antaranya pemberian komputer baru oleh syarikat kepada pekerjaanya tidak dikenakan cukai. Kakitangan kerajaan dibenarkan membuat pinjaman komputer setiap lima tahun sekali dan segala bentuk sumbangan kepada program membudayakan ICT dibenarkan sebagai potongan cukai.

Saya juga menyokong usaha mewujudkan masyarakat yang berpengetahuan yang bermula di bangku sekolah. Program celik komputer menerusi makmal komputer dan pemberian 12 hingga 43 buah komputer ke setiap sekolah juga harus dialu-alukan. Untuk merealisasikan K-ekonomi, komputer menjadi penting dan wajar dimiliki dan difahami oleh setiap rakyat. Saya bersetuju dengan pendapat rakan saya, Ahli Parlimen bagi Parit Sulong tentang jurang digital yang wujud dan ini bukanlah masalah Malaysia sahaja malah masalah sejagat.

Sememangnya usaha untuk menyediakan satu komputer untuk setiap rumah mungkin memakan masa terutama yang membabitkan masyarakat desa dan pedalaman. Hal ini dimaklumi berdasarkan kekurangan infrastruktur di beberapa kawasan. Di sini saya ingin mencadangkan, pertama, penumpuan khas dalam memajukan ICT diberikan kepada anak sekolah yang merupakan generasi pelapis yang akan berhadapan dengan ruang lingkup K-ekonomi dan globalisasi. Mereka inilah yang harus disiapkan justeru menjadi penggerak di masa yang akan datang. Sehubungan dengan itu di peringkat sekolah, mata pelajaran komputer wajar dijadikan mata pelajaran asas dan wajib lulus supaya tidak ada anak-anak Malaysia yang terlepas dari pembelajaran ICT. Ini sekurang-kurangnya membekalkan asas pengetahuan komputer kepada setiap anak Malaysia. ini akan merapatkan jurang celik komputer di semua lapisan masyarakat di masa akan datang.

Kedua, pengeluaran KWSP dan pinjaman untuk membeli komputer adalah tindakan yang wajar namun pihak kerajaan harus memantau penyalahgunaan kemudahan tersebut dan mengambil tindakan segera membanteras aktiviti mengeluarkan caruman tetapi tidak membeli komputer.

Ketiga, cadangan membekalkan sejumlah 12 hingga 43 buah komputer di setiap sekolah adalah cadangan yang baik tetapi projek pembekalan tidak harus dibuat secara *central contract*. Ini kerana sistem komputer amat mudah menghadapi

masalah. Oleh itu bekalan komputer ini haruslah dibuat mengikut kawasan Parlimen dengan melantik pembekal tempatan. Ini kerana hanya pembekal tempatan yang mampu memberikan khidmat selepas jualan atau *after sales service*, dengan izin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup, Yang Berhormat boleh sambung petang inilah.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.00 tengah hari

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Labuan sila sambung. Yang Berhormat ada 5 minit lagi.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Eh! 15 minit Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: 5 minit sahaja.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung, memenuhi permintaan pengguna bekalan komputer boleh dibuat oleh syarikat-syarikat yang berbeza dengan syarat semuanya mempunyai spesifikasi dan *configuration* yang sama. Keempat kerajaan harus menggalakkan usahawan tempatan khususnya bumiputera untuk membuka original equipment manufacturer dengan izin atau OEM terutama dalam menghasilkan komponen ICT dan pengeluaran komputer-komputer tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong pendapat sahabat saya Yang Berhormat bagi Tambun yang meminta kerajaan memberi bonus kepada kakitangan awam seperti tahun-tahun sebelumnya. Kakitangan kerajaan atau sektor awam adalah golongan yang wajar diberi perhatian kerana segala tenaga dikerahkan untuk melancarkan segala urusan kerajaan. Sehingga kini kakitangan sektor awam cuma menikmati kenaikan atau rombakan dalam skim gaji pada Januari 1995, menerusi skim saraan baru ataupun SSB.

Kenaikan gaji sebanyak 10% dibuat pada tahun 2000 ini dan jutaan terima kasih kepada kerajaan atas keprihatinan tersebut. Bagaimanapun compounded inflation sepanjang tahun 1995 hingga 2000 dianggarkan 21.1% adalah jelas kenaikan gaji sebanyak 10% ini tidak mencukupi untuk menghadapi kesan inflasi dari tahun 1995 hingga tahun 2000 tersebut. Ini bermakna pemberian bonus masih perlu diteruskan.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, hendak beri jalan atau tidak. Ya, Yang Berhormat ada lima minit lagi.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Okay saya pun ambil masa sedikit sahaja. Adakah Yang Berhormat bagi Labuan setuju apabila pemberian bonus dan apabila elaun tanggungan kerja lebih masa diberikan kepada pegawai-pegawai tertentu dalam sektor keselamatan. Ianya harus juga meliputi pegawai-pegawai polis yang bertugas dalam general duty atau GD dengan izin, kerana mereka juga telah memberikan masa mereka dengan banyak untuk memberikan protection ataupun perlindungan kepada rakyat Malaysia keseluruhannya.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya teramat bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat bagi Bagan Datoh kerana kakitangan sektor awam ataupun kakitangan kerajaan sebenarnya adalah sebahagian daripada aset negara. Jika mereka ini merajuk atau misal kata mengambil keputusan untuk tidak memberikan perkhidmatan dengan sepenuh hati maka, kerajaan akan mengalami masalah. Alasan tiada bonus kerana kenaikan gaji 10% ini memang ada kebenarannya, namun saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Permatang Pauh bahawa 10% bagi kakitangan bawahan tidak langsung mendatangkan kesan. Kenaikan ini masih memihak kepada kakitangan yang bergred dan bergaji tinggi.

Sehubungan dengan itu saya memohon pihak kerajaan mengekalkan pemberian bonus kepada kakitangan kerajaan kerana wang bonus ini begitu bermakna kepada mereka terutama pada tahun ini dengan kedatangan Syawal di penghujung bulan Disember, ditambah dengan yuran dan perbelanjaan anak-anak untuk memulakan sesi persekolahan baru. Dengan wang bonus inilah mereka dapat

meringankan beban kewangan untuk menyelesaikan masalah yang datang secara serentak. Sekali lagi mohon kerajaan memberikan bonus kepada kakitangan awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh gelisah dengan kenyataan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam yang mengutuk dasar kerajaan sebagai tidak adil dan saksama. Berikan saya contoh sebuah negara yang adil dan saksama. Adakah beliau akan mencadangkan negara idamannya seperti Amerika Syarikat, Australia, United Kingdom ataupun Israel. Semua negara ini menghadapi masalah perpecahan kaum yang serius. Mungkin Bukit Mertajam tidak tahu tentang perkara ini kerana sumber rujukan utama beliau ialah seperti CNN, *Asiaweek* dan lain-lain media barat yang memang kerjanya memburuk-burukkan apa juga yang dibuat oleh kerajaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia sehingga ke hari ini masih bertahan dan berjaya mewujudkan bangsa Malaysia yang bersatu padu, yang berusaha untuk memecahbelahkan rakyat adalah tohmahan-tohmahan dan desakan jahat dari orang-orang yang seperti Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Jika beliau mencadangkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai orang pertama meninggalkan negara ini, sepatutnya beliaulah yang seharusnya disuruh meninggalkan negara ini terlebih dahulu. *[Tepuk]*

Kerajaan sedaya upaya melaksanakan dasar dan program yang menjamin keharmonian rakyat

Tuan Yang di-Pertua: Sila gulung Yang Berhormat.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Kita telah berjaya mewujudkan integrasi... *[Yang Berhormat bagi Labuan mengangkat tangan sambil menggelengkan kepala]*

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat jangan buat macam itu ya.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya ingat pembangkang minta laluan. Saya ada lima minit Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Minta gulung ya.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Okay *[Ketawa]*

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Kerajaan sedaya upaya melaksanakan pelbagai dasar dan program yang menjamin keharmonian rakyat. Kita telah berjaya mewujudkan integrasi nasional di kalangan generasi muda khususnya kanak-kanak, gadis Tionghua dan India. Ianya ke sekolah memakai baju kurung, biar pun bukan hari Jumaat. Pada hari Jumaat pula para pekerja bukan Melayu ramai yang mengenakan pakaian Melayu, baju kurung dan kebaya. Begitu juga orang Melayu sudah tidak ada pantang untuk ke rumah rakan-rakan bukan Melayu kerana sudah tahu sensitiviti orang Melayu. Orang Melayu dan Tionghua tidak akan menghidangkan daging apabila mempunyai tetamu beragama Hindu.

Keunikan ini yang tidak pernah dianggap oleh pembangkang sebagai kejayaan kerana ia berlaku seperti perkara biasa setiap hari di hadapan mata mereka. Kerajaan tidak pernah untuk mengajar rakyatnya untuk bersikap kurang ajar tetapi pihak pembangkang sering bersembahyang hajat dan mendoakan kematian seorang pemimpin.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri ucapan saya meminta di Dewan yang mulia ini berhubung kait dengan pengambilan Putrajaya.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat. Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Marang.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sri Gading bangun apa dia.

2.39 ptg.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang untuk saya menyertai perbincangan belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Kita perlu menyedari bahawa apa yang penting ialah merealisasikan ucapan belanjawan yang dikemukakan dan melaksanakan apa yang dirancang yang sangat bergantung kepada

prinsip dasar dan matlamat yang menjadi acuan kepada sesebuah kerajaan. Saya ingin memberi peringatan kerana akhir-akhir ini terdapat perkara-perkara yang menunjukkan kerapuhan di dalam amalan demokrasi berparlimen yang dilaksanakan di dalam negara kita.

Sepatutnya di zaman yang serba moden dan canggih terdapat kemajuan dalam teknologi maklumat. Di antara kemajuan yang perlu dicapai ialah dalam proses amalan demokrasi tetapi di sana termasuk perkara-perkara yang menunjukkan seolah-olah kita masih ditahap demokrasi purba di zaman kerajaan Athens dan kadang-kadang bercampur baur dengan mengambil iktibar daripada pergolakan politik yang berlaku di antara Brotuse dan Julius Caesar. Di sana terdapat mereka menjadi korban politik, bukan sahaja di kalangan pembangkang bahkan di kalangan anggota kerajaan sendiri sehingga amalan demokrasi yang berlaku dalam negara kita, menghairankan negara lain yang mengamalkan demokrasi.

Saya mempunyai semangat cinta kepada negara dan tanah air dan tidak senang dengan cemuhan dan teguran yang dilakukan oleh negara luar terhadap negara kita. Tetapi dalam menghadapi cemuhan itu kita tidak boleh bersikap asabiah, bersikap fanatik dan taksub. Kita perlu menilai diri kita sendiri, adakah cemuhan yang ditimbulkan oleh negara asing itu benar-benar berlaku yang memerlukan kita membuat pembedaan. Kalau sekiranya kita menghentam kritikan secara semberono, saya bimbang kalau-kalau kita terjerumus ke dalam fahaman asabiah yang disebut oleh Rasulullah s.a.w dalam satu hadis [*Membacakan sepotong hadis*] yang maksudnya, “Bukan dari kalangan kita orang yang menyeru ke jalan asabiah. Bukan dari kalangan kita orang yang berjuang atas dasar asabiah, dan bukan dari kalangan kita orang yang mati di atas dasar asabiah”. Lalu ditanya makna asabiah itu, ya Rasulullah. Apakah dia asabiah itu wahai Rasulullah. Jawab Rasulullah s.a.w. [*Membaca sepotong ayat Al Quran*] “Kamu menolong kaummu sendiri atas dasar kezaliman. Itulah yang dinamakan Assabiah.” Negara masih belum lupa peristiwa kehakiman yang tidak boleh disentuh bukan kerana kelemahan kehakiman tetapi kehakiman menjadi mangsa acuan demokrasi yang rapuh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: A da yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Saya belum habis lagi, tunggu sehingga saya selesai daripada mengulas perkara ini baharu saya boleh beri. *[Disampuk]* Saya boleh beri tetapi nanti sekejap. Kita melihat bagaimana proses keterangan-keterangan di mahkamah yang bercanggah....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan lagi Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:yang menyulitkan proses kehakiman dan ini adalah perkara yang menjadi hujah untuk dikritik oleh negara asing. Kita semua tahu di dalam negara kita terdapat dua pilihan raya. Pilihan raya di peringkat parlimen dan pilihan raya di peringkat negeri. Kerajaan hendaklah menyedari keputusan kedua-dua pilihan raya ini dan seluruh rakyat hendaklah menerima hakikat ini. Apa yang berlaku parti Barisan Nasional yang memimpin Kerajaan Pusat tidak senang kepada negeri yang diperintah oleh Barisan Alternatif iaitu negeri Kelantan dan Terengganu. Di antaranya ialah sebagai contoh di sana ada bayaran capitation grant yang diwajibkan oleh Perlembagaan kepada Kerajaan Persekutuan. Kepada Kerajaan Negeri Kelantan dan negeri Terengganu atas dasar seluruh rakyat di negeri yang berkenaan mengikut membayar cukai. Cukai barang-barang yang digunakan oleh mereka, pakaian, makanan termasuk kenderaan, cukai jalan dan seumpamanya.

Dan negeri-negeri yang berkenaan menjadi sebahagian daripada Persekutuan Malaysia yang berdasarkan kepada federalisme di mana di antara prinsip merealisasikan federalisme ialah Kerajaan Pusat memberi peruntukan berdasarkan kepada jumlah penduduk negeri yang berkenaan yang kebiasaannya dibayar dua kali setahun bulan Februari dan bulan Ogos, sehingga hari ini belum dibayar kepada Kelantan dan Terengganu kerana negeri ini diperintah oleh parti yang dikira pembangkang padahal kita mesti menghormati keputusan pilihan raya yang dilaksanakan.

Kerajaan negeri menunjukkan sikap yang terbuka menyertai program yang dianjurkan oleh Kerajaan Pusat. Saya sendiri telah menghadiri beberapa perjumpaan yang dianjurkan oleh Kerajaan Pusat tetapi akhir-akhir ini terdapat diskriminasi. Saya

bimbang selepas diskriminasi menuju kepada dasar *apartheid* yang pernah diamalkan di Afrika Selatan. Mandela yang telah menghapuskan *apartheid* telah meletakkan jawatan. Saya bimbang menuju ke arah itu. Saya mengatakan belum lagi, saya bimbang ianya menuju ke arah itu. Saya pernah dijemput oleh.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Belum lagi. Belum selesai lagi. Kami pernah dijemput oleh Kementerian Perumahan sebagai contoh.....

Tuan Yang di-Pertua: Ha, Rompin...

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Bangun*]

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Nanti sekejap, nanti sekejap, saya bagi. Pernah diberi jemputan oleh Kementerian Perumahan beberapa bulan yang lalu dan kerajaan negeri telah menghantar wakil dalam perjumpaan yang dianjurkan oleh kerajaan pusat. Kemudian kami dapat jemputan kali yang kedua. Sebaik sahaja kami menamakan Exco yang berkenaan dengan perumahan untuk hadir perjumpaan itu, tiba-tiba mendapat surat yang kedua dari Kementerian Perumahan menyatakan bahawa jemputan itu dibatalkan, tidak termasuk Kerajaan Terengganu dan Kelantan dalam jemputan itu. Ini menunjukkan kerapuhan demokrasi berparlimen, kerapuhan federalisme yang diamalkan di dalam negara kita dan kita melihat sendiri dan seluruh rakyat mengetahui memang kami mendapat simpati daripada rakyat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Peristiwa yang berkait dengan petroleum.... Ya, sila.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya minta penjelasan. Sebagai Menteri Besar penghormatan kita berbeza. Saya hendak supaya janganlah standard Yang Berhormat sama macam Yang Berhormat Kuala Kedahkah. Itu lain. Sebab menuduh kita *apartheid*, menuduh kerakusan kita buang semua. Di Terengganu sendiri dibuang semua JKKR, dibuatkan yang baru. Semua orang UMNO, masjid orang yang penghulu, imam-imam UMNO dibuangkan semua. Ini

dilaksanakan. Yang sana menuduh saya patut jawablah. Ini tuduh kita *apartheid* pula.

Saya menghormati Yang Berhormat sebagai Menteri Besar. Janganlah terbawa politik-politik jalanan ini di dalam Dewan yang mulia Yang Berhormat. Menghormati Yang Berhormat sebagai Menteri Besarlah tetapi tolonglah jangan terbawa sentimen yang berhujah seperti yang belakang-belakang itu lainlah, standard mereka berbeza dengan Yang Berhormat Menteri Besar.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Cukup, dia sudah berucap. Masalahnya tidak ada, saya tidak menuduh *apartheid* telah dilakukan. Saya merasa bimbang kalau-kalau menuju ke arah *apartheid*. [*Tepuk*] Ini adalah suatu amaran. Saya bimbang takut menuju ke arah itu. Saya memberi nasihat dan memberi peringatan.

Berhubung JKK. Apa yang berlaku ialah tempoh JKK ini tamat pada 31 Disember 1999 – tempoh dia tamat. Bila tempoh dia tamat, itu terpulang kepada kerajaan negeri sama ada hendak menyambung ataupun tidak. Apa yang kita lakukan ialah menubuhkan JSR (Jawatankuasa Syura Rakyat) kemudian Jawatankuasa Syura Rakyat ini diambil di kalangan JKK juga, diambil di kalangan Ketua Kampung orang UMNO dan ada orang UMNO yang jadi Ketua Kampung, orang PAS jadi naibnya. Ini berlaku, ini yang kami buat, yang kami laksanakan.

Apa yang berlaku hari ini ialah selepas peristiwa royalti yang dinasahkan. Biasanya ‘nasah’ ini dalam hukum fiqah ada wahyu dari langit. Bila ada undang-undang yang kemudian menasahkan undang-undang yang dulu. Apabila perkataan ‘royalti’ dinasah menjadi ‘ihsan’ berlaku perlantikan JKK. Apabila kami memberi imbuhan yang mengatasi imbuhan yang pernah diberi kepada JKK.....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: [*Bangun*]

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Nanti sekejap. Imbuhan yang pernah diberi kepada JKK berdasarkan kepada bayaran royalti pada bulan Februari yang diberi oleh kerajaan oleh Petronas. Bulan Februari masih lagi royalti yang diberi RM400 juta lebih, hampir sama dengan setahun kenaikan harga petroleum di mana kami memanfaatkan daripada duit royalti ini menaikkan imbuhan yang diberi kepada Ketua Kampung, kepada Jawatankuasa Syura Rakyat – Mesyuarat Rakyat termasuk di

kalangan orang-orang UMNO yang dilantik dan mereka mendapat pendapatan yang lebih daripada masa yang lalu.

Apa yang berlaku akhirnya ialah Kerajaan Pusat di bawah JPP menubuh JKK. Pada hal ini adalah bidang kuasa kerajaan negeri. Barisan Nasional sudah tidak memerintah di negeri. Mengapa perlunya dilantik JKK. Ini tugas kerajaan negeri. Barangkali dia tidak sedar bahawa dia sudah tidak jadi kerajaan, macam ayam mengeram tidak sedar telur sudah menetas. *[Ketawa] [Tepuk]*

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Perompaklah, jadi perompak.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ini yang berlaku. Ini adalah bercanggah dengan amalan demokrasi berparlimen. Tidak menghormati keputusan pilihan raya di peringkat negeri. Perkara royalti adalah berkait dengan Akta Petroleum yang digubal pada tahun 1974. Bagi mengatasi...

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Nanti, saya terang Akta Petroleum dulu. Bagi mengatasi krisis yang berlaku dengan kerajaan di Malaysia Timur, Sabah dan Sarawak berhubung dengan petroleum maka digubal Akta Petroleum pada tahun 1974. Bagi menyelesaikan masalah ini, Kerajaan Pusat hendaklah menubuh sebuah syarikat. Maka ditubuh sebuah syarikat yang dinamakan Petronas. Maka kerajaan negeri hendaklah menggugurkan haknya di tanah daratan daripada hasil petroleum yang dahulunya seratus peratus, kalau di darat adalah milik kerajaan negeri, kalau di laut mengikut perbatasan yang tertentu adalah milik Kerajaan Pusat.

Bagi mengatasi masalah itu maka kerajaan negeri diminta supaya menyerahkan daratan ini kalau ada hasil petroleum kepada Petronas. Maka semua Menteri Besar menandatangani bukan sahaja Terengganu termasuk Perlis, termasuk Pahang, termasuk Kedah, termasuk Menteri Besar yang lain menandatangani bagi menyerahkan tanah mereka dan sebagai balasnya maka pihak Petronas memberi bayaran cash kepada kerajaan negeri yang ada petroleum sebanyak lima peratus sama ada di darat atau pun di laut. Lalu dimeteraikan perjanjian tahun 1975..

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Hendak bagi jalan atau tidak, Yang Berhormat?

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Kemudian perjanjian tahun 1987...Nanti saya habis dahulu. Tahun 1987 sehingga surat-surat rasmi kerajaan menggunakan perkataan 'royalti'. Belanjawan yang dibentangkan sejak tahun 1970-an, 1980-an menggunakan perkataan 'royalti'. Laporan Ketua Audit Negara sehingga yang terakhir pun masih menggunakan perkataan 'royalti' dan Pengerusi Petronas sendiri dalam kenyataan akhbar bila timbulnya kekeliruan masalah ini menyatakan 'royalti'. Itu adalah suatu perjanjian yang dimeteraikan, tiba-tiba berubah jadi 'ihsan' dan minta buka Kamus Dewan. Kamus Dewan sudahlah, tidak perlu ensiklopedia yang tinggi-tinggi.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Buka kamus Dewan, dalam Kamus Dewan ini menjelaskan perbezaan di antara 'ihsan' dengan 'royalti'. 'Royalti' adalah bayaran yang wajib, 'ihsan' adalah termasuk di dalamnya bayaran yang tidak semesti dia beri. Kalau bayaran untuk syarikat perkapalan daripada Petronas - itu ihsan. Kalau KWSP dibayar untuk menghidupkan anak-anak syarikat yang tertentu - itu ihsan. Itu munasabah dinamakan 'ihsan'. [*Tepuk*]Sila.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Amat Berhormat. Saya cuma hendak minta penjelasan, di dalam Akta Pembangunan Petroleum 1974, adakah disebut perkataan yang Yang Amat Berhormat sebut iaitu 'royalti' - tidak ada. Cuma dia kata: "sejumlah wang perlu dibayar." Jadi kita hendak namakan apa pun, itu bukan mengikut undang-undang - satu perkara.

Yang keduanya, saya hendak bertanya dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, berapa banyak telaga minyak yang dioperasikan oleh Petronas kini berada di luar daripada tiga batu nautika negeri Terengganu - yang kedua.

Yang ketiga, soalan saya adakah tidak sekarang ini yang dulunya diterminologikan sebagai 'royalti' tidakkah sekarang ini tumpah ke Terengganu dalam bentuk wang 'ihsan'. Bermakna wang itu tetap datang, cuma menerusi saluran yang lain. Adakah itu mahu dipertikaikan? Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Yang Berhormat, Akta Petroleum telah menetapkan bayaran itu diberi kepada kerajaan negeri dan disalurkan kepada kerajaan negeri yang merupakan bayaran cash 5% , tidak disebut perkataan 'royalti'. Tetapi perjanjian tahun 1987 menegaskan 'royalti', kemudian selepas itu buku-buku rasmi kerajaan menggunakan perkataan 'royalti'.

Apa yang menyedihkan ialah kenyataan yang dibuat oleh seorang menteri yang menyatakan bahawa ini adalah di antara kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Almarhum Tun Abdul Razak. Ini sangat malang kerana Tun Abdul Razak meninggal dunia pada awal tahun 1976. Petroleum dijumpai di perairan Terengganu pada tahun 1979. Ini satu kenyataan yang sangat tidak munasabah. Kita tidak tahulah Tun Razak boleh dia telefon daripada kubur ataupun dia hantar faks daripada kubur padahal benda yang tidak munasabah sangat mendukacitakan.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, suka lagi saya hendak menjelaskan, saya minta supaya pihak Kerajaan Pusat menganjurkan satu perbincangan secara akademik dengan membuka fail-fail, surat-surat yang berkait dengan perjanjian dan berkait dengan Akta Petroleum , dibincang oleh ahli undang-undang, yang adil, yang dapat mele takkan sama ada ia adalah 'ihsan' ataupun 'royalti' dibincang secara akademik ...

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:bukan berdasarkan kepada satu keputusan yang diambil kerana membalas dendam terhadap rakyat Terengganu yang telah menghukum Barisan Nasional dalam pilihan raya yang baru diadakan.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Penjelasan, penjelasan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Bangun*]

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya hendak beralih kepada satu tajuk

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan Yang Berhormat?

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Belum putus, Tuan Yang di-Pertua, soalan saya.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [*Bangun*]

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Saya hendak alih tajuk lain.

Tuan Yang di-Pertua: Ada seorang lagi di belakang, Yang Berhormat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Dalam tangan saya ada perjanjian itu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Yang ini boleh, boleh, yang ini boleh.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Seorang sekali baru adil. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Amat Berhormat Tuan Guru Marang [*Sorak*] Sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, teman-teman Yang Berhormat UMNO yang budiman, di dalam Dewan ini pada Februari tahun 2000 Yang Berhormat Dungun telah menanyakan satu soalan yang penting ekoran daripada pertanyaan saya tentang JPP, apakah Kerajaan Pusat akan menubuhkan JPP di Terengganu? Menteri menjawab “tidak mungkin”, pada bulan Februari. Sila rujuk pada *Hansard*. Kenapa JPP ditubuhkan? Apakah Tuan Guru bersetuju JPP ditubuhkan walhal mereka sendiri mengatakan JPP tidak akan ditubuhkan di Terengganu. Sila jawab Tuan Guru.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, mesti tidak bersetuju kerana ini bercanggah dengan amalan demokrasi, amalan bidang kuasa kerajaan negeri yang sudah dibahagi mengikut Perlembagaan, undang-undang dan peraturan. Apa yang mendukacitakan ialah JPP pergi ke Terengganu jemput pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Terengganu melalui UMNO dan menggunakan surat latter head UMNO untuk jemput pegawai-pegawai kerajaan. [*Disampuk*] Apa hubungan UMNO dengan pegawai-pegawai kerajaan, mengapa tidak melalui saluran pentadbiran. Ini menyalahi cara pentadbiran, bercanggah dengan etika yang berkait dengan pentadbiran Tuan Yang di-Pertua dan sangat mendukacitakan pegawai kerajaan dipaksa mengikut program, di ambil contoh yang amat mendukacitakan ialah apabila menyambut Hari Kemerdekaan, kami menyambut Hari Kemerdekaan serentak dengan Kerajaan Pusat, di bawah kerajaan negeri dijemput bukan sahaja- jabatan-jabatan negeri berhimpun di stadium mengadakan perarakan bahkan menjemput juga

pejabat jabatan Persekutuan. Mereka hadir. Yang malangnya pada malam yang sama UMNO menganjurkan satu majlis kemerdekaan yang asing yang serentak dan dijemput pegawai kerajaan daripada Persekutuan. Adakah ini menandakan bibit-bibit perpecahan yang digalakkan oleh UMNO sendiri. *[Sorak]*

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ini adalah satu cara yang sangat memalukan *[Sorak]* Memalukan. *[Tepuk]* Apabila orang Amerika tegur dan kritik, kita marah. Sebelum kita marah, kita kena suluh diri kita dulu. *[Sorak]* *[Tepuk]* Hitung diri kita sendiri dahulu, adakah apa yang dilakukan menepati amalan demokrasi berparlimen.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Saya sudah bagi tadi. Nanti masa saya dipotong. Kalau Tuan Yang di-Pertua sanggup tambah masa, saya bersedia.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila teruskan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Kalau Tuan Yang di-Pertua hendak tambah masa, saya boleh bagi.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Menyampuk]* Adakah Yang Berhormat ini ahli yang demokrasi?

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Soalan saya tidak berjawab lagi.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang sangat mendukacitakan

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: ...ialah penyerahan Putrajaya ataupun Putrajaya hendak dijadikan sebahagian daripada Wilayah Persekutuan. Tiba-tiba perkara ini ditimbulkan kepada umum. Belum lagi dibahas dalam Dewan Undangan Negeri Selangor. Belum lagi dibincang di peringkat Dewan Undangan Negeri. Apa guna Dewan Undangan Negeri. Apa guna pilihan raya negeri diadakan di Selangor? Adakah Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan Undangan Negeri Selangor, Exco dia macam tunggul kayu sahaja. *[Sorak]* Boleh dibuat begitu.

Diambil Putrajaya, hendak dimasukkan ke dalam Wilayah, kemudian buat macam *rubber stamp* sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, ini sangat mendukacitakan. Ini sebagai satu contoh yang tidak baik. Di antara perkara mutakhir yang diura-ura hendak dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional ialah untuk membuang perkataan “Islam” daripada parti politik dan daripada pertubuhan. Kita perlu menyedari bahawa negara-negara yang menganut agama yang tidak mengatakan politik sebahagian daripada Islam, membenarkan agama dimasukkan kepada nama parti politik. Di Jerman, ada parti Kristian demokrat. Di India, ada parti yang dikaitkan dengan Pertubuhan Hindu. Ini di India. Ini adalah amalan demokrasi dan amalan ini telah berlangsung dalam negara kita sejak tahun 50-an sehingga negara kita mencapai kemerdekaan.

Sehingga 40 tahun selepas mencapai kemerdekaan, tidak timbul perkara ini melainkan sekarang baru timbul. Apabila teruk dalam pilihan raya baru ini, baru timbul perkara hendak buang perkataan “Islam”. [*Tepuk*] Sepatutnya kita hadapi pilihan raya secara demokratik. Jangan kacau nama-nama pertubuhan politik. Jangan takut. Apa lagi Islam adalah satu agama yang menjadikan politik sebahagian daripadanya. Politik tidak boleh dipisahkan daripada urusan Islam kerana politik dengan makna mentadbir, dengan makna memerintah, dengan makna mengurus, dengan makna mengendalikan urusan negara, perkataan politik yang berasal dari bahasa Latin.

Dalam bahasa Arab, disebut *siasah* daripada perkataan yang diterbitkan *khilafah* yang menjadi sebahagian daripada peranan manusia yang diucapkan oleh Allah, yang difirmankan oleh Allah s.w.t ketika mencipta manusia. [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Yang bermaksud, “Dan ingatlah ketika Tuhan berfirman kepada malaikat, sesungguhnya Aku akan jadikan di atas muka bumi itu khalifah”. Perkataan *khalifah* dan *khilafah* ini dihuraikan oleh ahli-ahli hukum Islam dalam semua mazhab. Di antaranya Ibnu Khaldun dan Al-Mawardi, menyatakan bahawa ialah dengan makna *iqamatuddin wasiasatuddunyabih*. Menegakkan agama dan politik dunia dengan agama. Mengendalikan urusan dunia dengan agama. Bila disebut dengan agama, di sana ada nas-nas yang khusus dan di sana ada perkara yang

tidak ada nas agama membenarkan manusia mengendalikan urusan mengikut kebijaksanaan yang ada pada mereka.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bangun]*

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Perkara ini hendak dikaitkan dengan perpecahan. Alhamdulillah, yang berpecahnya bukan rakyat, UMNO yang berpecah *[Sorak]* *[Tepuk]* Barisan Nasional yang berpecah. Kalau hendak dikatakan ini perpecahan, perselisihan di antara PAS dengan UMNO, mengapa tidak diadakan muzakarah? Perbincangan secara ilmu. Biar diadakan perbincangan secara ilmu di antara PAS dengan UMNO, di sana ada biro agama UMNO dan di sana ada ulama PAS. Biar diadakan perbincangan secara ilmu, bukannya perdebatan. Bukannya hendak cari menang. Tujuannya ialah untuk mencari kebenaran berdasarkan kepada hakikat yang ada dalam ajaran Islam itu sendiri. Oleh kerana itu saya menghidupkan isu muzakarah ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Biar Pemuda mengadakan debat.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Biar Pemuda mengadakan debat dan isu yang berkait dengan nama Islam ini biar dimuzakarahkan secara ilmu adakah ianya wujud dalam Islam ataupun tidak boleh diwujudkan? Silakan.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya yang menjadi masalah ini ialah nama PAS hendak dikaitkan dengan yang lain-lain yang demikian tetapi parti PAS ini banyak menyalahgunakan dari segi hukum. Sebab itu dulu Yang Berhormat pernah juga mengkafirkan orang Islam tetapi lepas itu berbalahlah. Selepas itu, di dalam majlis-majlis ceramah, Yang Berhormat kena terima hakikat. Saya hadir dan saya lihat, tidak pernah PAS ini cakap baik. Cakap terus-teranglah.

Dia bila berucap maulud itu 5 minit, 10 minit, selepas itu fitnah orang, mengata dan mengumpat. Kalau ikut hukum, berdosa. Tetapi Yang Berhormat tidak terima perkara macam ini. Sebab itulah kita kekadang parti PAS itu, kita fikir okay tetapi rupanya menggunakan dari segi agama, selepas itu bermacam-macam perkara

menfitnah orang, mengumpat orang dilakukan dalam ceramah-ceramah yang tersebut. Habis, macam mana pendapat Yang Berhormat dari segi hukum ini?

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya Yang Berhormat berkenaan dapat kursus di IKIM. *[Ketawa] [Tepuk]* Dapat kursus di IKIM oleh kerana di IKIM lebih panjang masa tetapi masa-masa di sini terhad. Biar saya jelaskan di sini, saya mencabar supaya disenaraikan.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat. Minta gulung Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Siapa di kalangan orang PAS yang mengkafirkan si anu bin si anu? *[Sorak] [Tepuk]* Kita tidak mengka firkan si anu bin si anu. Apa yang berlaku ialah menyebut batas-batas iman dan kufur yang dikeluarkan sendiri oleh Jabatan Perdana Menteri di mana Jabatan Perdana Menteri telah menerbitkan sebuah buku yang dinamakan *Mustika Hadis*, yang diberi kata penghantar oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, cetakan yang terbaru di mana di dalam buku ini ada dinyatakan bahawa boleh batal syahadah, boleh batal iman, boleh batal Islam.

Sesiapa yang menghina hukum Islam walaupun hukum itu adalah hukum yang sunat. Hukum itu adalah hukum yang harus apabila sudah menjadi hukum. Apa lagi hukum yang wajib. Umpamanya mempertikaikan hukum hudud. Yang dibincang dalam hudud, bimbang takut dipotong tangan, nanti ramai orang yang kudung dengan tidak membincang apakah syaratnya? Syarat untuk memotong tangan itu apa dia?. Syarat untuk menghukum orang yang berzina itu apa dia? Syaratnya terlalu ketat. Saksinya terlalu payah. Orang yang kes khalwat tidak boleh jadi saksi. Mesti orang yang adil, orang yang tidak fasik. Empat orang yang menjadi saksi dalam kes zina. Dalam kes mencuri, mesti ada dua orang yang akhlaknya terlalu baik.

Di mana hendak mencari saksi ini, payah. Apa yang penting hendak menjatuhkan hukum, payah. Tuan Yang di-Pertua, yang penting ialah undang-undang ini menakutkan penjenayah. Penjenayah takut. Penjenayah gerun.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa.....

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Orang yang tidak buat jenayah, tidak takutnya apa pasal? Yang rasa takut, apa pasal?

Tuan Yang di-Pertua: Masa Yang Berhormat sudah cukup ya.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Lagi saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan saya menghormati keputusan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua yang telah menghadkan masa. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Arau.

3.10 ptg.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana saya diberi peluang untuk turut sama membahaskan Belanjawan 2001 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 27 Oktober yang lalu.

Sebentar tadi kita mendengar Yang Berhormat bagi Marang bercakap soal demokrasi. Memperlihatkan Kerajaan Persekutuan tidak demokrasi *[Disampuk]* Saya pagi tadi mendapat panggilan telefon daripada seorang kawan, menanyakan apa yang sebenarnya berlaku di Terengganu. Adakah pilihan raya akan terus berlaku di Terengganu? Kerana Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini, jabatan-jabatan kerajaan, tiang-tiang telefon, TNB dan semua bangunan yang ada di Terengganu dinaikkan bendera PAS. *[Disampuk]* Adakah ini menunjukkan bahawa Kerajaan PAS di Terengganu memegang kepada prinsip demokrasi?

Bagi kita dalam negara Malaysia di Persekutuan, kita telah menang secara majoritinya di semua negeri, kecuali di Pahang dan Terengganu. *[Disampuk]* Eh, kecuali di Kelantan dan Terengganu. *[Sorak] [Tepuk]* Ini tidak pernah berlaku di negara kita. Ini adalah merupakan sesuatu yang tidak sihat kepada masa depan negara yang mana kita tidak faham pemilihan, pilihan raya diadakan lima tahun sekali tetapi rakyat diajak untuk berbalah di antara satu sama lain sepanjang masa sehinggakan orang-orang Melayu tidak menumpukan kepada soal pembangunan tetapi masih lagi dibuai mimpi, masih lagi kita dalam perpecahan yang mungkin akan membawa kemusnahan kepada masa depan kita sendiri. Ya.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Tentang mimpi itu, sebelah sana hendak datang ke Pahang, *[Merujuk kepada barisan Parti Pembangkang]* dia boleh mimpilah. *[Ketawa]*

[Disampuk] Sebab apa sekarang itu dia hendakkan wang daripada Petronas. Itulah agenda politik dia. Bila tidak ada wang Petronas, itu yang melompat beria ini. Saya hendak tanya tentang hudud ini.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: *[Bangun]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ha, saya kalau Ketua Pembangkang hendak tanya, saya boleh berikan tetapi tidak payah sebab Yang Berhormat di belakang menjerit. Yang Berhormat Arau, tentang hudud. Hari ini Yang Berhormat bagi Marang, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu sudah lain lagu hudud pula dah. Kena ada syaratlah, apalah. Kalau dulu, hudud mesti dibuat. Ini salah Kerajaan Persekutuan tetapi bila dia sendiri Menteri Besar Terengganu, hai, hendak hukum hudud kena ada syarat pula dah. Lagu lain pula dah.

[Tepuk] [Ketawa] Ha, ini saya hendak minta, macam sanalah. Masa pembangkang, ya, ya, ya. Bila jadi kerajaan, tukar lagulah. Tumpat begitu juga. Sebelah sini dulu lain, sampai sana pun sudah lain juga dah. *[Ketawa]* Saya minta Arau.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat. Ya, ya. Arau, silakan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Rompin.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sekarang ini, cara-cara begini kita berbahas, tidak elok ya. Biarlah seseorang itu mengeluarkan fikirannya, yang lain mendengar. Siapa yang hendak berucap, berucaplah tetapi janganlah membuat kacau-bilau, membuat hingar-bingar dalam Dewan ini. Itu perbuatan yang tidak elok. Ya, sila. Jika sekiranya Arau hendak berucap, berucaplah. Orang lain boleh berucap juga.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas nasihat-nasihat yang diberikan. Tetapi yang sebelah sana ini selalu tidak dengar nasihat Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua cakap apa pun, tengok mereka masih terjerit-jerit di situ. Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Rompin tadi, kita memang melihat bahawa PAS ini tidak konsisten. Daripada dulu sampai sekarang. Dulu, kita belum pun masuk politik, kita mendengar bahawa PAS mengatakan berkawan dengan orang kafir, jadi kafir. Tetapi hari ini nampaknya lain sangat lagu yang dibawa. Begitu juga dalam soal hudud. Dulu kononnya kita

tidak melaksanakan hudud tetapi sekarang ini kita dengar, sudah lain pula lagu yang dibawa. Ini biasa. Itulah cara mereka daripada dulu sehingga sekarang.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Dia hendak cakap perkara lain.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, pembentangan belanjawan oleh Menteri Kewangan adalah merupakan saat yang ditunggu oleh semua rakyat. Fokus seluruh negara, malah sesetengah pihak yang berkepentingan di dunia ini, terjurus kepada Parlimen ini yang merupakan struktur tertinggi pemerintahan negara. Jika diteliti pada pembentangan Belanjawan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, kita patut bersyukur kepada Allah dan berterima kasih kepada kerajaan yang telah berjaya menyelamatkan negara dan berupaya merangka satu perancangan masa depan yang meyakinkan.

Ikatan kukuh, keikhlasan, kepintaran, kebijaksanaan, kesederhanaan yang diamalkan oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional selama ini telah ternyata menja di ramuan ajaib melahirkan satu rupa bangsa Malaysia yang bersatu padu, gigih, berkeupayaan dan jika diizinkan Allah, akan menempa sejarah gemilang sebagaimana yang dihasratkan oleh Perdana Menteri di dalam Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai pemimpin yang diberi amanah oleh rakyat dan memikul tanggungjawab dengan izin Allah S.W.T., kita semua harus bersyukur kerana mewarisi sebuah negara yang aman makmur, berjaya hasil daripada kejayaan sistem demokrasi dan keupayaan kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Kerajaan Perikatan yang menerajui negara sejak mula merdeka beralih kepada Kerajaan Barisan Nasional yang menggabungkan 14 buah parti di Malaysia, ternyata telah melaksanakan tanggungjawab dengan sungguh cemerlang dan berkesan.

Dalam usia 43 tahun kita merdeka, Barisan Nasional telah mencipta ribuan kejayaan. Sebut sahaja apa juga bentuk pencapaian daripada infrastruktur api, air, jalan kampung, bandar, bangunan dari sekecil-kecilnya sampai ke pada *Twin Tower*, Menara Berkembar, KLIA, Putrajaya, semuanya hasil pemikiran Kerajaan Barisan Nasional [*Disampuk*] Kalau dilihat daripada pencapaian kita sendiri, sistem persekolahan yang kita nikmati hasil daripada dasar Kerajaan Barisan Nasional Kebanyakan kita memakai kereta buatan Malaysia ilham Perdana Menteri. Pendek

kata, sama ada kita suka atau tidak kepada Barisan Nasional, kita tidak boleh menafikan hakikat, kita banyak menerima budi dan jasa Kerajaan Barisan Nasional
[Disampuk]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, tolong ya, tolong.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan kita telah menempa sejarah gemilang di bawah pemerintahan kerajaan yang ada. Kita juga tahu melalui kajian sejarah, 450 tahun sebelum merdeka, Melayu di tanah bertuah ini pernah mencipta sejarah yang serupa. Namun kejayaan Kerajaan Melayu Melaka di zaman itu hancur lebur oleh tindak-tanduk mereka yang gilakan kuasa. Apakah sejarah akan berulang? Mereka yang tidak mahu belajar daripada sejarah akan terus dihukum oleh sejarah.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kepada pihak kerajaan agar pengajian sejarah diberi penekanan yang kukuh di sekolah dan di universiti. Mengadakan kurikulum sejarah sahaja tidak mencukupi. Mata pelajaran sejarah perlu mempunyai *content* yang menarik dan dapat membina semangat patriotik kepada perkembangan minda dan sahsiah diri. Kerajaan perlu memberikan inisiatif dan dorongan kepada penulis-penulis sejarah agar perkembangan negara sejak daripada Kerajaan Melayu Melaka hingga ke Malaysia baru di bawah pimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dapat dijiwai oleh semua anak-anak Malaysia. Rakyat perlu diberikan maklumat yang tepat untuk membina jati diri. Pensyarah-pensyarah universiti yang banyak mengkaji sejarah seperti Profesor Ramlah Adam dan rakan-rakan se angkatan dan juga sebagai contoh Tuan Haji Nasaruddin, Timbalan Pengarah Jabatan Penerangan yang pernah memfilemkan dan juga cuba memaparkan sejarah dengan cara yang lebih menarik, diharap akan dapat ditampilkan ke hadapan untuk menjayakan usaha-usaha mencanai anak bangsa agar sikap ketahanan diri untuk menghadapi cabaran globalisasi ini dapat dipertahankan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya mendirikan muzium sebagaimana yang pernah saya lihat dan Tuan Yang di-Pertua sendiri bersama-sama pergi ke Singapore dalam mesyuarat AIPO. Kita melihat walaupun Singapore sebuah negara yang merdeka kemudian daripada Malaysia, tetapi telah pun dapat memaparkan sejarah Singapore di Pulau Sentosa dengan begitu hebat.

Saya tidak mahu menyatakan sama ada sejarah itu sejarah yang benar-benar ataupun sejarah yang memenuhi susunan perjalanan sejarah itu sendiri tetapi apa yang dipaparkan oleh Kerajaan Singapura dapat menjadi contoh kepada Kerajaan Malaysia kerana hari ini anak-anak watan kita tidak dapat melihat, tidak dapat mengkaji, tidak dapat dipaparkan dengan pembangunan dan kejayaan yang telah dilaksanakan oleh anak watan sehingga ada di antara kita rakyat Malaysia yang tidak bangga dengan negara sendiri sehingga...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Larut bangun di belakang, Yang Berhormat

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya,...sekejap lagi saya bagi. Sehingga ada di antara kita rakyat Malaysia yang tidak berbangga dengan pembangunan negara kita sendiri, sehingga kita tidak berbangga dengan keupayaan dan kebolehan rakyat Malaysia membangunkan negara kita sendiri. Oleh yang demikian, saya mencadangkan kepada kerajaan supaya dalam kita mengejar ICT, dalam kita melihat pembangunan teknologi maklumat, kita menggunakan teknologi maklumat itu sendiri untuk membangunkan sistem sejarah negara kita supaya dapat dihayati oleh seluruh anak bangsa kita. Ya, sila Larut.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih. Saya amat tertarik dengan saranan Yang Berhormat berhubung dengan jati diri, rancangan-rancangan sejarah yang semakin hilang dalam ingatan kita. Mungkin Yang Berhormat setuju kalau bukan setakat pelajar-pelajar sekolah, pelajar-pelajar universiti bahkan di kalangan belia-belia dan kalau boleh kita sarankan kepada media elektronik ini, televisyen terutamanya dalam rancangan-rancangan supaya diperbanyakkan lagi rancangan-rancangan yang bercorak sejarah dan juga mungkin media-media cetak supaya dapat membangkitkan balik sejarah kebangkitan kita dahulu kala dan kita berharap supaya ini akan menjadi pegangan terus kita. Terima kasih.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Yang Berhormat Larut. Itulah hasrat saya kalau boleh kita tidak mahu rakyat di negara kita hari ini dipaparkan dengan cerita-cerita sejarah kadang-kadang direka cipta oleh individu-individu tertentu kerana kepentingan-kepentingan tertentu. Kita minta pengkaji-pengkaji sejarah daripada universiti..., saya sering mendengar sejarah yang

disampaikan oleh salah seorang profesor Ramlah Adam mengkaji sebagaimana pembangunan perjuangan pejuang-pejuang terdahulu di negara kita yang harus dihayati dan harus dicontohi oleh pejuang-pejuang yang ada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun Yang Berhormat. Ada yang bangun ini.

Datuk Kamaruddin bin Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Berka itan dengan apa yang terhormat sebut tadi dan juga sahabat saya Yang Berhormat Larut, bagaimana kita hendak mendidik anak-anak kita supaya bangga tentang kejayaan sejarah kita dan juga bagaimana Yang Berhormat bagi Arau sebut tadi bahawa kita kadang-kala kita tidak faham dan mereka-rekakan sejarah dan kejayaan kita. Yang saya hendak tanya, misalnya kejayaan kita yang dianggap terbesar sekarang ini, salah satunya ialah menara tertinggi, bangunan tertinggi di dunia. Arkiteknya orang Amerika, kontraktornya satu menara syarikat Korea Selatan, satu menara lagi syarikat Jepun, pekerjaanya orang Bangladesh, orang Indonesia. Bagaimana kita hendak galakan orang Malaysia supaya bangga tentang kejayaan bangunan tertinggi di dunia ini untuk Malaysia? [*Tepuk*]

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tetap berbangga dengan kejayaan kita untuk membangunkan *Twin Tower* kerana pembangunan *Twin Tower* itu berada di Kuala Lumpur. Ia diilhamkan oleh kerajaan kita. Sama ada arkiteknya, pembinaannya dijalankan oleh orang lain, saya rasa itu tidak patut dipertikaikan. Dari kita tidak dapat membuat sesuatu yang dapat kita lihat, tetapi ini telah dapat kita melihat di hadapan mata kita satu bangunan yang tertinggi di dunia, walaupun sekarang ini ada satu bangunan lagi yang cuba menyaingi kita, tetapi sekurang-kurangnya Malaysia sebagai sebuah negara yang membangun, mempunyai 22 juta penduduk, merdeka cuma dalam masa 43 tahun kita telah mencapai satu kejayaan yang harus kita banggakan kerana yang jadi tuan kepada bangunan itu adalah kita, Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Larut bangun, ya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih. Mungkin Yang Berhormat bersetuju kalau dalam belanjawan ini kita cadangkan supaya insentif juga diberi kepada produser, penerbit menerbitkan filem-filem drama-

drama yang bermutu berhubung dengan sejarah kerana baru-baru saya dapat menonton sebuah drama, kalau tidak silap saya yang berjudul 'Mustika Delima Melayu Dahulu dan Melayu Sekarang.' Terima kasih.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, sikap rakyat Malaysia yang sanggup berdiri di negara lain untuk memburuk-burukkan negara sendiri amat menjijik dan memalukan. Ini yang saya sebut tadi tidak menghayati sejarah, tidak patriotik, tidak cintakan negara, meletakkan kepentingan yang lain mengatasi kepentingan negara, bahtera yang kita ada bersama, kalau tenggelam negara ini, tenggelamlah kita bersama.

Mereka ini adalah pengkhianat negara, apakah mereka fikir rakyat akan menyokong usaha mereka untuk memencilkan Malaysia di peringkat antarabangsa, apakah mereka fikir rakyat akan sanggup menggadai masa depan mereka semata-mata untuk memenuhi tuntutan mereka yang tidak berasas. Kalau kita dengar Yang Berhormat daripada Kinabatangan membawakan usul tadi, memang tidak dapat dinafikan bahawa apa yang dilakukan oleh ahli-ahli Kongres di Amerika adalah berkaitan dengan lobi yang dibuat oleh pihak daripada Malaysia, rakyat kita sendiri yang melobi supaya negara kita dikutuk di sana.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini bukan pertama kali berlaku. Pada tahun 1998

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun lagi, Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Minta maaf. Sekejap ya. Pada tahun 1998 ketujuh-tujuh ahli Kongres pernah membawakan dalam Kongres untuk mengemukakan resolusi iaitu menuntut Dr. Mahathir meletakkan jawatan. Pada tahun 1997 mereka juga pernah mendesak kerajaan kita dan pada hari ini disebabkan oleh peranan yang dibuat oleh kumpulan-kumpulan lobi yang telah pun bersekongkol ataupun dibayar oleh pihak ADIL iaitu Janus Meritt Strategy (JMS), mereka telah pun menuntut dan antara lain yang mereka tuntutan:-

- (i) Melaksanakan program untuk menggunakan tekanan politik dan ekonomi terhadap Kerajaan Malaysia yang bermatlamatkan untuk membebaskan Dato' Seri Anwar Ibrahim. Adakah

kepentingan seorang individu mengatasi kepentingan kita semua?

- (ii) Melaksanakan rentetan langkah meminggirkan Kerajaan Malaysia. Ini dituntut oleh Kongres Amerika yang dibawa usulnya oleh orang-orang yang diupah dan juga idea-idea yang diberikan oleh rakyat negara kita.
- (iii) Mengapi-apikan kemarahan antarabangsa terhadap Malaysia.
- (iv) Memperkenalkan undang-undang sekatan dalam Kongres Amerika.
- (v) Mengusahakan penggantungan bantuan ketenteraan kepada Malaysia.
- (vi) Mengusahakan pemulauan barang-barang Malaysia.
- (vii) Menggerakkan perubahan peringkat akar umbi dan lain-lain pertubuhan di Amerika untuk menerapkan kesedaran terhadap kes Anwar dengan menganjurkan perbincangan di pelbagai peringkat.
- (viii) Bekerjasama dengan pemimpin-pemimpin Islam di Amerika.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan memburuk-burukkan negara Malaysia di luar negara ini adalah tindakan yang sungguh melampau yang telah dilakukan oleh rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun di sini ya. Yang mana hendak beri jalan ini?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sudah beri, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, dia beri kepada Batang Lupar.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat. Saya berminat dengan persoalan lobi melobi ini. Kita melihat lobi yang dibuat oleh pihak parti KeADILan ini amat cepat sekali mendapat perhatian orang-orang kongres. Dalam pengetahuan saya, lobi yang terkuat sekali di Washington ialah lobi pihak kaum Zionis, adakah berkemungkinan pihak KeADILan ini telah membuat satu *link up* dengan lobi Zionis ini supaya memburuk-

burukkan negara kita. Memang sebenarnya sudah berlaku pun, pihak Zionis ini hendak membinasakan mana-mana negara terutama sekali negara Malaysia. Itu soalan yang pertama.

Yang kedua, kalau soalan *embargo*, Yang Berhormat, ataupun sekatan ekonomi kepada negara, ataupun serangan kepada Malaysia, soalan ekonomi ataupun benda-benda lain, kalau kita lihat di Iraq, sebenarnya mereka mengatakan hendak membinasakan Saddam Hussein oleh kerana kepimpinan Saddam Hussein tidak disenangi oleh pihak Amerika. Tetapi pada masa sekarang Saddam Hussein masih senang lenang, tetapi yang binasa ialah rakyat negara Iraq dan beribu-ribu yang mati oleh kerana tekanan ekonomi yang sengaja dibuat oleh pihak Amerika.

Tuan Yang di-Pertua: Ha, cukup penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, macam mana pula tekanan kepada Malaysia kalau ini benar-benar berlaku dan macam manakah tindakan pihak KeADILan ini, adakah mereka sudah tahu sejarah yang Yang Berhormat sebutkan tadi.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Batang Lumar. Memang kita sedar kalaulah tekanan ini dilakukan kepada negara kita, bukan sahaja pemimpin tetapi seluruh negara akan mengalami keadaan yang membimbangkan dan masa depan negara kita sebagaimana wawasan yang ingin kita capai pada tahun 2020 mungkin tidak tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak kaitkan Dato' Seri Anwar Ibrahim dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, setahu saya semasa beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri, beliau adalah orang yang paling disayangi oleh Perdana Menteri, sehingga banyak perkara-perkara yang melibatkan pentadbiran, banyak keputusan-keputusan yang dibuat dalam pentadbiran negara diserahkan kepada Timbalan Perdana Menteri pada waktu itu. Kita bercakap soal kroni ...

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Minta maaf, masa saya sudah banyak saya beri kepada soal jawab, biar saya habiskan. Kita selalu bercakap soal kroni, wakil daripada Permatang Pauh juga menuduh bahawa Kerajaan Barisan Nasional yang ada hari ini dengan kroni-kroni dan ahli-ahli keluarga yang mengaut

keuntungan, ini tuduhan yang dibuat, pada hal kalau kita singkap balik sejarah, pada tahun 1997 dalam Perhimpunan UMNO apabila soal kroni dibangkitkan, senarai orang-orang yang mendapat peluang daripada projek-projek kerajaan adalah senarai orang-orang yang rapat dengan Timbalan Perdana Menteri pada waktu itu. Ini tidak dapat dinafikan. Kerajaan telah mengeluarkan senarai yang panjang, yang kita dapat lihat satu persatu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi, saya hendak merujuk kepada laporan

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)
mempengerusikan Mesyuarat]

Datuk Kamaruddin bin Jaffar: Pohon penjelasan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya, Tuan Yang di-Pertua, boleh saya sambung ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, teruskan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Saya hendak rujuk kepada Laporan Belanjawan Persekutuan 2001,

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak beri jalan, ada empat yang berdiri.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Sekejap Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, teruskan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Sekejap. Saya lihat dalam ini IKD pun ada terlibat ini. IKD ada terlibat dengan kempen memburuk-burukkan Malaysia. Saya ada kenyataan di sini, kalau Yang Berhormat hendak saya baca, saya baca. Tetapi sebelum itu biar saya hendak sebutkan, apa yang saya sebutkan tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri amat sayang kepada Timbalan Perdana Menteri pada waktu itu.

Kita lihat laporan yang dikemukakan Belanjawan Persekutuan 2001.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kubang Kerian berdiri, hendak beri jalan?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Daripada Laporan Belanjawan Persekutuan 2001, graf dikeluarkan

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: graf ditunjukkan bagaimana pencapaian kementerian-kementerian daripada tahun 1991 ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat, Kota Bharu berdiri

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: hingga tahun 2001.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia tidak beri.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ini adalah peruntukan yang diberikan kepada kementerian-kementerian. Dan kita lihat alhamdulillah, semua kementerian telah pun mendapat peruntukan yang meningkat dan sehingga tahun 2001 ini boleh saya sebutkan semua kementerian mendapat pertambahan peruntukan berbanding pada masa-masa yang lalu. Ini oleh kerana kita telah pun dapat menyelamatkan ekonomi kita.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak sebutkan di sini, marilah kita lihat peruntukan Jabatan Perdana Menteri arah aliran peruntukan mengurus berbanding dengan Kementerian Kewangan arah aliran peruntukan mengurus. Kalau kita lihat di sini pada tahun 1993, saya tak payah bacalah daripada awal, kita lihat tahun 1993 sehingga tahun 1996. Peruntukan di Jabatan Perdana Menteri 1993 – RM542 juta; tahun 1994 – RM635 juta; tahun 1995 – RM774 juta; dan tahun 1996 – RM886 juta.

Ini peruntukan yang diberikan kepada Jabatan Perdana Menteri berbanding dengan peruntukan di Kementerian Kewangan daripada tahun 1993, peruntukannya adalah RM10,766 juta; untuk Jabatan Perdana Menteri tahun 1993 cuma RM542.2 juta berbanding dengan RM10,766 juta.

Pada tahun 1994 Jabatan Perdana Menteri mendapat peruntukan RM635.1 juta tetapi Kementerian Kewangan mendapat peruntukan RM16,025 juta. Tahun 1996 Jabatan Perdana Menteri mendapat RM886.3 juta tetapi Kementerian Kewangan peruntukannya RM18,168 juta.

Bagaimana kita tidak menyatakan bahawa Perdana Menteri cukup sayang Timbalannya kerana kementerian yang dipegang oleh Timbalan Perdana Menteri mempunyai peruntukan yang jauh lebih besar 100% lebih besar berbanding dengan peruntukan di Jabatan Perdana Menteri. Tetapi hari ini, kita dapati semasa Tun Daim mengambil alih Kementerian Kewangan, peruntukan mengurus pada tahun 1997 daripada RM18,168 menjunam kepada RM3,723. Inilah satu-satunya graf yang kita nampak ada penurunan yang begitu drastik.

Pada tahun 2001 peruntukan kewangan yang diperuntukkan oleh Kementerian Kewangan sendiri kepada Kementerian Kewangan, peruntukan mengurus cuma RM8,368 juta. Dan ini adalah kenyataan yang dikeluarkan oleh kerajaan.

Saya hendak bertanya kepada pihak kerajaan

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Pokok Sena berdiri Yang Berhormat, hendak beri?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia tidak beri.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Sekejap, biar saya habiskan dahulu.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Takkan tak bagi, puteri, mestilah bagi, puteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Kalau kita lihat daripada peruntukan di sini, adalah mustahil ataupun saya merasakan - Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan ada di sini - saya merasa ganjil bagaimana Jabatan Perdana Menteri diperuntukkan dengan peruntukan yang kurang berbanding dengan Kementerian Kewangan yang mendapat peruntukan yang begitu jauh berbeza. Itu satu.

Yang keduanya, saya juga ingin tahu sejak tahun 1997 kita menghadapi kegawatan sehingga kini 2001 kita lihat peruntukan itu telah jauh menurun daripada

masa-masa yang lepas. Saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian, kenapa perkara ini berlaku?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada dua orang yang berdiri Yang Berhormat, hendak beri?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Saya sendiri mengakui mungkin kelemahan kita pada waktu itu kerana pada waktu itu saya sendiri ada di Dewan sebagai Ahli Dewan Negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, ada dua orang yang berdiri, hendak beri atau tidak beri?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tidak!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau tidak beri, cakap tak bagilah. Ha, jangan sekejap, sekejap, saya pun susah. Dia tidak beri ha.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya, saya tidak beri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, senang.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Jadi,

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Puteri UMNO takkan tak bagi.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Jadi, ini menjadi satu persoalan kepada saya apabila banyak pihak mempersoalkan keikhlasan Perdana Menteri dengan Timbalan Perdana Menteri pada waktu itu. Kalau kita hendak bercakap soal-soal lain, saya rasa banyak perkara yang kita dapat perkatakan tetapi firman Allah ada menyebutkan bahawa "*Tutuplah aib sahabat kamu di dunia supaya Allah menutup keaiban kamu di akhirat.*"

Jadi, janganlah kita bercakap soal-soal yang tidak baik

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: [*Bangun*]

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, itu hadis Yang Berhormat. Hadis ya.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ha, ya, terima kasih, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya sudah perbetulkan.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Belajar dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yalah, saya sudah perbetulkan kesilapan, saya sudah nampak. Tak payah orang lain betulkan, saya sudah sedar.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ha, tetapi betullah itu, Dato' Ketua Pembangkang pun betullah, maknanya kita menutup aib sahabat kita di dunia supaya Allah menutup aib kita di akhirat. Jadi, jangan kita memperkatakan perkataan-perkataan ataupun perkara-perkara yang lain di luar daripada itu dan saya merasakan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini Pokok Sena berdiri, hendak beri jalan?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:adalah orang yang paling kecewa sekali dengan peristiwa yang berlaku

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat, dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: ... pemecatan Timbalan Perdana Menteri, tetapi yang menanggung di air keruh adalah pembangkang. Itu rezeki pembangkang untuk pilihan raya kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, sejak pilihan raya yang lalu, parti pembangkang begitu ghairah untuk berkuasa, pertambahan kerusi di kalangan PAS dan ADIL membuatkan mereka lupa diri dan merasakan rakyat memihak kepada mereka. Namun mereka mimpi di siang hari, parti pembangkang mendapat sedikit advantage, dengan izin, daripada kes Dato' Seri Anwar dan kegawatan ekonomi yang melanda negara.

Nampaknya pihak pembangkang sudah lupa pilihan raya telah berlalu, mereka terus berkempen seolah-olah pilihan raya akan diadakan esok hari. Sehingga hari ini, ada sebahagian orang-orang Melayu tidak memberi fokus kepada pembangunan, tetapi masih dibuai dengan mimpi-mimpi, cerita karut marut dan fitnah PAS. Mereka menuduh pemimpin kerajaan memberikan projek kepada kroni-kroni, tetapi

persoalannya apabila pembentangan dibuat, kita dapati ramai juga kroni-kroni Timbalan Perdana Menteri yang mendapat peluang dan juga mendapat habuan daripada pembangunan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada kegawatan masyarakat Melayu hari ini, kita telah pun beralih

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada dua orang yang berdiri Yang Berhormat.

Tuan Haji Husan bin Haji Musa: Minta penjelasan sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat hendak beri? Yang Berhormat, hendak beri ini?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat, dia tidak beri.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Kita telah pun beralih kepada dunia k-ekonomi.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, sila gulung, ada satu minit lagi Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Kita telah beralih kepada dunia k-ekonomi, tetapi kalau keadaan ini berterusan, kalau fokus orang-orang Melayu dan juga usaha-usaha membawa pembangunan pemikiran minda kepada orang-orang Melayu tidak dapat dilaksanakan, kita akan ketinggalan, bak kata pepatah, "Itik akan mati kehausan di air dan ayam akan mati kekeringan di kepuk."

Jadi, marilah kita sama-sama berfikir supaya jangan sahaja tindakan kita akan dapat merugikan bangsa kita sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, masa sudah habis Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya hendak menggulung ucapan saya, saya ingin menarik perhatian kepada apa yang telah pun disebutkan di Dewan ini oleh Ketua Pembangkang. Dalam perbahasan belanjawan yang lalu, saya baca *Hansard* di sini, Yang Berhormat Ketua

Pembanggang telah pun menyebutkan bahawa: *“DAP semuanya bercakap bahawa judi itu bukan budaya mana-mana kaum termasuk bukan oleh orang-orang Cina. Mereka tidak mempertahankan amalan judi, bahkan mereka menuntut supaya judi dihapuskan sama sekali, melainkan UMNO wakil rakyat daripada Arau”,* maksudnya saya, *“seorang wanita UMNO, rupanya UMNO ini wanita UMNO ini pun bermain judi juga.”*

Ini satu tuduhan yang melulu. Ketua Pembanggang berbohong di Dewan ini. Ketua Pembanggang berbohong di Dewan ini kerana saya menyemak apa yang saya sebutkan

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Tuan Yang di-Pertua, ‘bohong’ tarik balik.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: di dalam perbahasan yang terawal dan saya juga melihat di sini apabila Yang Berhormat dari Tebrau bangkitkan soal ini, Ketua Pembanggang cuba mengalih pandangan, bahawa dia tidak menyebut: *“saya bukan mengatakan dia main judi.”* Pada hal di perkataan yang awal ini, dia telah menyebutkan bahawa *“wanita juga main judi.”*

Saya menuntut Ketua Pembanggang menarik balik tuduhan yang menyatakan saya bermain judi. Apa yang saya sebutkan dalam ucapan saya, dalam soal perjudian, ini saya hendak baca, saya tak hendak bercakap macam pembanggang, mengarut, tak pernah tengok kepada facts and figures, dengan izin. Apa yang saya sebutkan di sini, *“Saya juga mengalu-alukan kalau benar dikatakan rakan-rakan kita daripada bukan bumiputera menganggap bahawa kita tidak perlu mengadakan atau tidak perlu membenarkan judi ada di negara kita, UMNO yang mendukung Islam dan memperjuangkan Islam memang kita sama juga dengan PAS bahawa kita tidak menganggap bahawa judi itulah perkara yang boleh dilakukan sebab ia haram dalam Islam.”*

Ini jelas menunjukkan pendirian saya mengenai judi. Takkan saya hendak bermain judi. Ini adalah satu pembohongan yang dilakukan dalam Dewan ini dan satu fitnah yang besar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, masa sudah habis.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi sebenarnya perkara yang ingin saya sebutkan....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dalam Jawatankuasa, Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:tetapi oleh kerana masa tidak mencukupi saya dengan ini sekali lagi mengucap tahniah kepada Menteri Kewangan kerana telah membentangkan belanjawan, saya yakin dan percaya belanjawan ini akan dapat membawa transformasi ketiga dan akan dapat membawa kejayaan kepada rakyat Malaysia dengan syarat tidak ada pihak-pihak yang sentiasa mengganggu-gugat dan menjadi rintangan dan halangan kepada pembangunan dalam negara kita. Dengan itu, saya turut menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sri Gading. *[Disampuk]*

Beberapa Ahli: Taruh habis.

3.41 ptg.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Beberapa Ahli: Waalaikumussalam.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bismillahir-rahmanir-rahim. *[Membaca Pujian bagi Allah dan Salawat]* Alhamdulillah, sesungguhnya Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dilahirkan, setinggi-tinggi kesyukuran dilafazkan kehadiran Allah S.W.T. di atas segala nikmat dan rahmat yang dianugerahkan kepada kita semua, rakyat dan negara Malaysia yang sentiasa diberi perlindungan dari mara bahaya dan mala petaka, dan rakyat dan negara ini sentiasa aman damai, mewah dan makmur.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kebahagiaan dan kedamaian yang kita nikmati ini, saya mengambil peluang untuk bersama-sama menyokong Belanjawan 2001 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan kita pada 27 Oktober 2000 yang lalu. Saya yakin dan percaya strategi Belanjawan 2001 yang menggariskan lima langkah utama, iaitu:

- (i) mempergiatkan pertumbuhan ekonomi negara;

- (ii) mengenal pasti sektor pertumbuhan baru;
- (iii) meneruskan dasar rangsangan fizikal dan kewangan untuk mendukung pertumbuhan;
- (iv) memperkukuhkan lagi daya saing negara; dan
- (v) meningkatkan kualiti hidup rakyat akan benar-benar memperlihatkan kegigihan Kerajaan Barisan Nasional membolehkan negara melonjak bagi mencapai taraf negara maju dan menjamin kehidupan rakyat yang lebih terjamin dan melihat masa depan yang lebih cerah dan meyakinkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah, syabas dan berterima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional atas kesungguhan dan sifat tanggungjawab yang dicerminkan melalui belanjawan ini yang akan memberi sebesar-besar peluang dan ruang kepada rakyat dan negara untuk menikmati pertumbuhan yang lebih mapan pada tahun 2001 dan tahun-tahun seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, dari Dewan yang mulia ini saya menyeru semua rakyat negara ini, marilah kita syukuri nikmat yang sedang kita kecapai ini hasil kegigihan para pemimpin kita khasnya Perdana Menteri yang kita sayangi yang berusaha dan berikhtiar dengan cara yang tersendiri, yang melawan ombak, gelombang dan badai, yang melawan duri, onak dan ranjau selama tiga tahun ini untuk melepaskan rakyat dan negara ini dari runtuh dan hancur berkecai dari serangan musuh-musuh baik dari luar negara mahupun musuh-musuh dalam negara sendiri.

Seorang Ahli: Ada dalam Dewan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kini dengan kebijaksanaan dan kebolehan luar biasa Perdana Menteri kita, negara kita mendapat penghormatan dan pengiktirafan dunia dan dari kerajaan-kerajaan yang lain, daripada cendekiawan, ahli-ahli ekonomi hatta Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) yang mengakui bahawa kita telah dapat menggerakkan semula pertumbuhan ekonomi negara kita ini. Marilah kita syukuri nikmat ini, mudah-mudahan dengan bersyukurnya kita atas nikmat ini, Allah S.W.T. akan menggandakan dan melimpahkan nikmatNya ke atas kita semua termasuk parti pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, 31 Ogos yang lalu kita menyambut ulang tahun kemerdekaan yang ke-43, ulang tahun kemerdekaan yang pertama di alaf baru ini. Sambutan itu mempunyai pengertian yang cukup mendalam. Kita sudah meninggalkan alaf-alaf yang dinodai dengan kerakusan penjajah. Sebelum merdeka, pada tahun keramat 1957 kita dicengkam penjajahan selama lima alaf, iaitu sepanjang 446 tahun sejak tahun 1511 bermula dengan Portugis, diikuti dengan Belanda, selepas itu Inggeris, kemudian Jepun dan akhirnya di bawah penjajahan Inggeris. Keperitan dan kehinaan hidup di bawah kuasa penjajah mencetuskan jaya diri dan nasionalis-nasionalis Melayu yang dipelopori Dato' Onn Jaafar, memelopori penyatuan bangsa Melayu hingga membentuk kekuatan UMNO, meruntuhkan gagasan Malayan Union, bangsa Melayu kemudian berganding bahu dengan masyarakat Cina dan India untuk menempa kemerdekaan bangsa dan negara. Sila Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya tertarik dengan pandangan Sri Gading tentang kerakusan penjajah. Kita tahu cara penjajah memerintah dia memecahbelahkan rakyat Malaysia. Saya nampak bibit-bibit memecahbelahkan untuk mendapatkan kuasa ini ada di negara kita. Minta pandangan Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kalau kita tidak berhati-hati, ancaman penjajahan sentiasa mengintai-intai untuk mencari peluang untuk menjajah kita semula. Saya berharap Rompin dan semua Ahli Yang Berhormat di sini akan bersama-sama mempertahankan negara tercinta ini. *[Menyampuk]*

Seorang Ahli: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Nanti dahulu. Bertolak dari tarikh keramat 31 Ogos 1957 kita tidak lagi menoleh ke belakang, bertolak dari tarikh keramat 31 Ogos 1957 saya ulangi sekali lagi kita tidak menoleh ke belakang. *[Tepuk]* Perpaduan rakyat terus dipupuk, sekali gus memberi kekuatan kepada kerajaan pimpinan rakyat kita sendiri. Untuk melaksanakan pengisian kemerdekaan, kemiskinan dihapuskan, ketidakseimbangan diperbetulkan, mutu hidup dipertingkatkan, keadilan ditegakkan, kemakmuran dikongsi bersama. Sengketa antara kaum diatasi, rakyat dapat mengecap kepentingan bersama berkongsi kejayaan dalam suasana penuh keamanan, kedamaian dan kestabilan.

Perkongsian ini perlu diteruskan demi masa depan negara dan rakyat ke arah yang lebih gemilang. Kita sudah bersama-sama tanpa mengira perbezaan warna kulit, budaya dan resam hidup dalam mengecapi kemerdekaan dan mempertahankannya sehingga hari ini. Perpaduan inilah sebenarnya yang menjadi senjata yang paling ampuh yang mesti dipertahankan. Perpaduan yang kita pupuk sekian lama telah terbukti berjaya mengurus konflik perkauman dengan bijak dan halus sehingga kita mampu melangkah bersama-sama membangunkan negara dalam pelbagai bidang sama ada ekonomi, kestabilan politik, keadilan sosial, identiti dan wawasan bersama.

Sesungguhnya, Tuan Yang di-Pertua, kita perlu mensyukuri apa yang kita nikmati selama ini. Rasa syukur akan membuatkan kita menginsafi betapa tidak ternilainya erti kebebasan dan perpaduan yang dibina sekian lama.

Tuan Yang di-Pertua, merebut kemerdekaan atau mencapai kemerdekaan bagi bangsa dan negara adalah satu perjuangan yang amat payah, getir dan begitu lama. Tetapi sesungguhnya mempertahankan kemerdekaan dan mengisi kemerdekaan juga sesuatu yang amat mencabar. Ianya memerlukan penglibatan secara total dari semua lapisan rakyat dengan penuh kesetiaan dan kebijaksanaan. Rakyat harus kebal dari pelbagai ancaman yang sentiasa diasak oleh musuh-musuh negara. Ancaman keselamatan, pemesongan akidah, aliran fikiran sempit, beku, taksu, melulu, pembohongan, fitnah dan pendustaan yang terancang adalah perkara-perkara yang boleh menjahanamkan masa depan rakyat dan negara.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri, Yang Berhormat. Nak bagikah?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya hendak teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tak bagi, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, parti-parti pembangkang khususnya PAS dan parti KeADILan yang bersenjatakan pembohongan dan fitnah yang menghasut rasa kebencian rakyat kepada pemimpin.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Rompin berdiri, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:....dan kerajaan adalah gejala yang merosakkan bangsa dan negara.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tak bagi, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:ketika ini dan di masa akan datang. Hormat bos, sila. [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Rompin, ya.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih. Yang sebelah sana itu kalau hendak sebelah sini no problem sebab sebelah sana sudah tak jaga sebelah sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Berhormat bagi Sri Gading, banyak mengatakan alhamdulillah, kita bersyukur kepada Allah S.W.T. ekonomi kita berjaya, ekonomi kita pulih dengan keamanan di negara kita, dengan demokrasi dan perpaduan yang ada. Sebelah sana bila bercakap pun begitu juga, tetapi di belakang dia buat lain. Baru-baru ini diadakan perhimpunan haram, dia melanggar peraturan. Di sini mahukan demokrasi, mahukan kestabilan negara, mahukan perpaduan. Di depan sini cuba mengabui mata rakyat, tetapi di belakang lain dia buat. Di Kelang baru-baru ini siapa yang sebenar dalang kepada mengadakan demonstrasi haram. Ini saya minta pandangan. Di sebelah sana buat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Yang Berhormat bagi Rompin. Inilah sesuatu yang kita takuti, apabila rakyat dihasut dan diasuh untuk menentang undang-undang. Rakyat yang diasuh menentang undang-undang akan menjahanamkan masa depan negara dan rakyat pada masa yang akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Setiu berdiri, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kita amat merasa kesal....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tak bagi, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:.....dan amat marah kepada Ketua Pemuda KeADILan yang bertindak memburuk-burukkan Perdana Menteri kita di luar negara.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Tuan Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dua orang berdiri, Yang Berhormat. Hendak bagi atau tidak Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya hendak teruskan ini. Saya tak ada masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tak bagi.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Satu soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dan sabotaj negara....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduklah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:dan menghasut pelabur-pelabur - sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kinabatangan dan Setiu duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:dengan menghasut pelabur-pelabur luar negara supaya jangan melabur di negara kita. Perbuatan ini suatu pengkhianatan dan penderhakaan kepada bangsa dan negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tak bagi, Yang Berhormat, duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sekejap. Perbuatan ini adalah satu perbuatan yang amat keji dan jijik. Nasib baik beliau hidup di abad ke-21. Kalau beliau hidup dan kalau perbuatan ini dan beliau hidup di zaman Hang Tuah masih hidup dalam abad ke-14, Hang Tuah yang pernah berkata "takkan hilang Melayu di dunia" tentu akan bermadah dengan marah 'cis' kamu petualang bangsa, nyah kamu dari sini.

Seorang Ahli: Yeah! *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Perbuatan terkutuk ini harus ditentang oleh semua rakyat yang cinta dan taat kepada negara ini. Sila Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia bagi Kinabatangan, Yang Berhormat.

Tuan Moktar bin Radin: Terima kasih *my brother* dengan izin, Yang Berhormat bagi Sri Gading. Yang Berhormat begitu berkeyakinan terhadap Belanjawan Negara dan keutuhan serta kema panaan kesatuan di negara Malaysia kalau dibandingkan dengan rakan-rakan kita daripada parti pembangkang. Daripada ucapan Yang Berhormat tadi menjelaskan betapa perit, susah payahnya, nenek moyang kita mencipta sejarah untuk merebut kemerdekaan daripada orang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Persoalannya Yang Berhormat?

Tuan Moktar bin Radin: Persoalannya sebentar. Ini baru dia punya mukadimah. [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya sudah faham, itu mukadimah sebab itu saya minta persoalannya.

Tuan Moktar bin Radin: 43 tahun negara kita diperintah dengan cara baik, tiba-tiba hari ini pula terdapat segelintir manusia yang telah tertutup hati, tidak lagi terbuka minda mereka sehingga sanggup berkompromi dengan penghasut-penghasut daripada negara luar sebagai bukti, Usul pagi tadi saya kemukakan seharusnya kita perdebatkan tetapi telah ditolak oleh Tuan Yang di-Pertua, maka saya ingin meminta pendapat sahabat saya, Yang Berhormat bagi Sri Gading, bagaimanakah perasaan parti pembangkang ingin meruntuh kemerdekaan yang kita cipta 43 tahun ini. Apakah mereka tidak lagi cinta akan negara ini seperti wakil rakyat bagi Bukit Mertajam, beliau tidak pandai bersyukur kerana tidak pernah menangani sejarah bagaimana kemerdekaan itu dimulakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Moktar bin Radin: Saya minta pandangan, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih. Kalau pihak-pihak parti pembangkang cinta, sayang dan taat kepada negara, mereka juga harus bersama-sama mengecam dan mengutuk perbuatan mengutuk negara di luar negara.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: [*Bangun*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya beri, jemput Ketua Pemuda PAS, sahabat saya

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Tengok kamera itu, baru tengok....Apa silap..... Kamera tengok baru syok.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bagi yang mana Yang Berhormat, tiga orang berdiri?

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Bagi kamera tengok.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak adalah, okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Setiu, ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat bagi Kemaman.

Tuan Abdul Rahman bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Kemaman, ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kemaman, sahabat saya Yang Berhormat bagi Kemaman.

Tuan Abdul Rahman bin Yusof: Saya hendak tanya Yang Berhormat, sedarkah Yang Berhormat bahawa diktator Rumania, Chocesko juga mengatakan bahawa apabila kebangkitan rakyat menentang kezaliman yang berlaku dalam negaranya akibat daripada penjajah-penjajah Barat. Begitu juga dengan Sloborden Milosevick apabila rakyat menentang kezaliman yang berlaku dalam negaranya mereka pun menuduh penjajah-penjajah Barat. Mungkinkah yang berlaku dalam negara kita sama berlaku dengan Rumania dan Chechoslovakia. Sekian. [*Tepuk meja*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang salah anggap yang mengatakan zalim puak di sana [*Ditujukan kepada blok Pembangkang*] [*Sorak*] Majoriti rakyat tidak kata kerajaan zalim. Ini adalah pendapat mereka - pihak saudaralah, okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Pokok Sena. Dia bagi Yang Berhormat bagi Pokok Sena.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sini dulu, mana?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sini.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sinilah dulu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okey.

Seorang Ahli: Yang mana, bagilah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat bagi Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sinilah. Kejap sini, kecap sana.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Yang Berhormat

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Okey, lepas ini bagi sana.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Lepas sini, sana.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini kawan, satu barisan.

Seorang Ahli: Sabar.....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini barisan cacamarba....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sabar, sabar.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini barisan kerajaan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sahabat saya, Yang Berhormat bagi Pokok Sena bahagiannya ada.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Bahagiannya ada.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tunggu, tunggu.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak tanya,

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Rompin, ya.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak tanya tadi Yang Berhormat bagi Kemaman kata, jangan bandingkan dengan Chocesko, selepas itu bandingkan dengan Yugoslavia, berapa ratus orang yang kita sudah bunuh di negara kita ini?

Seorang Ahli: Apa dia cakap?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Berapa ribu orang telah Barisan Nasional bunuh, hendak bandingkan kita.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Inilah Yang Berhormat, sebenarnya rakyat yang berfikiran rasional akan tahu bahawa kezaliman tidak wujud dalam negara ini. Yang wujud ialah kemakmuran dan kedamaian. Sila, Yang Berhormat bagi Pokok Sena. Tengok kamera, kamera hendak ambil. *[Ketawa]*

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Tidak, saya tidak nampak kamera....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Pokok Sena, ya.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat, tadi pasal sebut berkaitan dengan kegiatan di peringkat antarabangsa dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat terhadap tindakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dalam tahun 1969 dan juga tahun 1971 sewaktu beliau dipecat daripada UMNO telah melakukan lobi termasuk juga memberikan ucapan di Monash University di Australia dan juga di London, memperburuk-burukkan Almarhum Tunku Abdul Rahman sebagai ketua kerajaan pada waktu itu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, terima kasih.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Ini telah memberi kesan yang sangat buruk kepada pembangunan

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tolong jimatkan masa saya. Saya faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya dia sudah faham.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang berlaku tahun 1969 itu, itulah yang menunjukkan demokrasi dalam UMNO *[Tepuk]* Dan Yang Amat Berhormat

sebenarnya ialah masalah beliau dengan Almarhum, tidak melibatkan memburuk-burukkan negara dan rakyat di luar negara [*Sorak*].

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Dia memburukkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terus, terus. Dia tidak bagi

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Dia memburuk-burukkan ketua kerajaan pada waktu itu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat, cukup.

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: Sekali gus memberikan imej yang buruk kepada Kerajaan Perikatan pada waktu itu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Cukup, cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Biarlah Yang Berhormat teruskan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, bagi saya *extra time*. Saya ada

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kamera sudah ambil tadi, duduklah. [*Ketawa*]

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan. Ada dua belas minit lagi, Yang Berhormat. Sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saudara saya

Tuan Mahfuz bin Haji Omar: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat bagi Pokok Sena.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup. Dia tidak bagi, Yang Berhormat. Cukup. Teruskan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kamera sudah ambil [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini ada Yang Berhormat bagi Kota Bharu berdiri, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sekejap. Yang Berhormat minta sekejap sahaja.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okeylah.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Sedikit sahaja.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sahabat saya, ini orang UMNO juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila, Yang Berhormat bagi Kota Bharu.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Sri Gading. Pertama, saya nafi, saya bukan orang UMNO, tidak pernah jadi ahli UMNO. Saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan, Yang Berhormat, ya.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Yang berucap tadi itu untuk kami dengarkah, atau hendak suruh Perdana Menteri dengar?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bolehlah, sesiapa pun boleh dengar ucapan saya [*Ketawa*]. Kalau Perdana Menteri dengar pun lebih baik. Dia tahu anak buah dia kerja betul [*Sorak*][*Ttepek*] *No problem*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Ketawa*] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seronok ini, Tuan Yang di-Pertua [*Ketawa*].

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia negara kita. Inilah tanah bertuah tumpah darah kita. Inilah sahaja negara kita. Di sini kita dilahirkan. Di sini kita membesar. Di sini kita berkeluarga. Di sini kita bernaung dan di sinilah tempat kita mahu dikebumikan. Sesungguhnya kita berasa amat bertuah kerana kita ditakdirkan lahir di bumi bertuah yang mempunyai pelbagai keistimewaan dan kelebihan ini. Sebagai

rakyat yang tahu erti berterima kasih, yang tahu erti bersyukur ke hadrat Allah S.W.T, marilah kita merakamkan penghargaan yang amat mendalam kepada pemimpin-pemimpin kita pada waktu kini dan pemimpin-pemimpin, para ibu bapa dan sekalian rakyat manusia terdahulu daripada kita yang telah berjuang, berbudi, berkorban untuk bangsa dan negara. Mereka telah menebus maruah dan martabat bangsa Malaysia sehingga taraf dan darjat yang kita sama-sama rasai sehingga waktu kini. Marilah kita teruskan perjuangan mereka sama seperti mereka, yang hasil perjuangan mereka dapat kita rasai. Maka perjuangan kita ini pula mudah-mudahan akan dapat dirasai oleh generasi kita di masa-masa yang akan datang. Marilah kita berusaha dan berbakti hatta berkorban

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri, Yang Berhormat.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Boleh, sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Boleh bagi?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat bagi Setiu, sahabat saya. Sila Yang Berhormat bagi Setiu. Ini pun UMNO juga ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Dahulu, sekarang tidaklah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya Yang Berhormat bagi Sri Gading. Soalan dan komen saya ialah, adakah Yang Berhormat setuju bahawa apabila Perdana Menteri dahulu, Almarhum Tunku Abdul Rahman apabila dikritik oleh Perdana Menteri sekarang dan beliau merasakan beliau adalah *liability* kepada negara, beliau terus meletak jawatan dan negara dapat *consolidate* balik dan apabila Perdana Menteri yang ada sekarang, *the liability*, beliau teruskan juga dan terus bertahan dengan dasar beliau. Adakah Yang Berhormat bersetuju?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kesnya berbeza [*Ketawa*] Sejarah boleh dibaca, kesnya berbeza.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid bin Pawanteh: Yang Berhormat, mohon penjelasan. Adakah seseorang yang memimpin parti sehingga mendapat kemenangan majoriti 2/3 masih boleh dikatakan *liability*?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jawabnya, tidak. Marilah kita....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Rompin, berdiri.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tidak, saya hendak tanya yang *liability* sebelah sini ke sebelah sana?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jawabnya sebelah sana.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sebab kita, Kerajaan Barisan Nasional sudah pulihkan ekonomi kita, berbanding dengan Indonesia, Filipina. Yang *liability*nya sebelah sana sebab tidak cara lain, tidak dapat berkuasa apa juga kaedahnya mereka buat sekarang.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Ekonomi kita pulih, ekonomi, Rompin....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Berhormat bagi Kuala Kedah hendak bercakap, sila bangunlah.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Ha! boleh bangun juga [*Ketawa*].

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Rompin, ya.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kata dialah, bukan tanya saya. Saya sentiasalah.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Dia minta. Yang Berhormat bagi Rompin minta saya bangun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat bagi Kuala Kedah hendak bangun. Saya hendak mempersilakanlah sahabat ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila, Yang Berhormat bagi Kuala Kedah.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila, duduk Yang Berhormat bagi Sri Gading, dia hendak bertanya.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya lihat bahawa Perdana Menteri sekarang *liability* kepada UMNO, sebab kita tengok di sini bahawa 32 kerusi yang 90% majoriti Melayu semuanya UMNO kalah.

Tuan Yang di-Pertua, sebab teladan yang dia buat cukup buruk. Dia pernah, Perdana Menteri kita ini dahulu semasa dipecat, pergi ke Australia maki Almarhum Tunku Abdul Rahman, naik atas pentas PAS, maki Almarhum Tunku Abdul Rahman. Apa yang dibuat oleh oleh Ezam hanyalah kepimpinan melalui tauladan, apa salahnya. Dia hendak ikut jejak langkah Kubang Pasu. Kalau tarik kerakyatan Ezam, tarik kerakyatan Kubang Pasu yang juga biadab kepada Perdana Menteri dahulu. Setuju atau tidak?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya tidak bersetuju kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita tidak pernah maki orang. Jadi, jangan salah faham, kritikan lain, kritikan berbeza.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuduh Almarhum Tunku Abdul Rahman anak Siam

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Cukup, cukuplah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tunggu Yang Berhormat biarlah Yang Berhormat bagi Sri Gading jawab.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Dia sentuh keturunan, Almarhum Tunku anak Siam, kaki judi. Surat itu kita tolong sebar dahulu, dia yang tulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Kuala Kedah, duduklah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Itu Yang Berhormat bagi Kuala Kedah punya dialog. Dialog PM kita tidak macam itu.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, marilah kita berusaha dan berbakti hatta berkorban diri, hatta berkorban nyawa, hatta berkorban jiwa untuk negara bukan menjadi warga yang dayus dan bacul, yang secara sengaja ingin menjemput penjajah untuk menjajah negara sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Larut berdiri.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sila.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih. Saya lihat Yang Berhormat bagi Sri Gading ini begitu bersemangat, mungkin kerana ada

orang rumah dan anak di belakang agaknya. *[Ketawa]* Saya, Yang Berhormat - ini Yang Berhormat bagi Pokok Sena ini belum berdebat ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat, ternyata kepada kita sekarang ini tembelang, temberang pembangkang terutamanya PAS ini, yang sebenarnya siapa yang berlakon Yang Berhormat, sebab apa, saya bimbang perdebatan yang hendak dianjurkan ini di antara Pemuda UMNO dengan Pemuda PAS, saya rasalah Yang Berhormat mungkin Yang Berhormat setuju dengan saya, kita batalkan sahaja, debat ini dengan gelagat yang ada itu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Kalau ikut pendapat peribadi saya, perdebatan ini harus dibatalkan. Bukan soal takut tetapi soal bertanggungjawab kepada bangsa. Bangsa lebih penting daripada perdebatan yang..., kepada saya, bukan kepada fikiran orang lain, minta maaf, ini fikiran saya ianya tidak membina.

Marilah kita berusaha dan berbakti hatta berkorban untuk negara, bukan menjadi warga yang dayus dan bacul yang secara sengaja ingin menjemput penjajah untuk menjajah negara sendiri. Alangkah biadab dan derhakanya 'siketol-siketol' yang menjadi tali barut penjajah di zaman moden ini.

Tuan Yang di-Pertua, usaha mengisi kemerdekaan negara ini yang diusahakan oleh Kerajaan Barisan Nasional secara berterusan sehingga kini telah benar-benar mengubah negara dan rakyat hingga mencapai taraf yang amat membanggakan. Marilah kita iktiraf pencapaian ini, memang benar usaha ini belum selesai, banyak lagi yang harus kita lakukan, maka oleh sebab banyak lagi yang harus kita lakukan marilah kita semua menggembeng tenaga dan bersatu padu dalam satu wawasan untuk membantu pemimpin-pemimpin kita dalam menerajui negara ini menuju ke era yang lebih makmur, aman dan berdaya saing. Jadilah rakyat yang membina yang berfikiran terbuka, belajarlah menjadi manusia yang sentiasa menyangka baik, belajarlah tahu berterima kasih dan jangan diikut telatah pembangkang yang hanya tahu membangkang. Yang baik pun dibangkang, yang elok pun dibangkang, yang indah pun dibangkang, lama-lama rakyat jadi terkangkang. *[Ketawa]* Memang

senang kerja pembangkang kerana pembangkang hanya tahu menyalahkan, itu salah, ini salah, itu tidak kena, ini tidak kena, lama-lama rakyat yang kena. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya Yang Berhormat, boleh teruskan, teruskan. Tinggal tiga minit lagi, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Di Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat, pada hari Khamis yang lalu, saya amat terperanjat apabila seorang Ahli Yang Berhormat dari PAS dalam perbahasan Belanjawan ini antara lain berucap bahawa Belanjawan yang dibentang ini tidak memberi apa-apa erti dan kosong semata-mata. Astaghfirullahalazim, Astaghfirullahalazim, Belanjawan yang memperuntukkan lebih daripada RM91 billion bagi mengurus dan pembangunan negara ini dikatakan kosong, Astaghfirullahalazim, saya tidak faham wang yang begini besar, tiada ertikah? Kosongkah? Hai, tidak boleh nilaikah? Inilah contoh parti pembangkang, parti PAS yang cuba mengelirukan rakyat. Dalam hidup ini biarlah kita beretika, yang benar, benarlah kerana itu ajaran Islam. Jangan melulu ikut sedap di mulut.....

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Mohon penjelasan....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tumpat berdiri.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tumpat sahabat saya, saya pun tunggu dia, UMNO juga ini. *[Ketawa]*

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Sri Gading. Yang Berhormat mengatakan bahawa ada ahli-ahli wakil rakyat PAS mengatakan bahawa Belanjawan kali ini kosong. Menteri Kewangan sendiri mengaku bahawa Belanjawan ini ialah Belanjawan defisit. Defisit itu lebih kurang daripada kosong, bawah daripada kosong lagi, *[Tepuk]* jadi dari segi teknikalnya Belanjawan ini kosong itu pun sudah bagi kredit kepada Barisan Nasional dan UMNO. Belanjawan ini adalah belanjawan defisit di bawah kosong, sahabat saya Yang Berhormat Sri Gading.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yalah, yalah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Betullah juga belanjawan defisit tetapi

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ia ekonomi, ia lain, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Azizsebenarnya RM91 billion adalah dikhaskan bagi mengurus dan membangun. Jadi kalau dikatakan kosong, wang sebesar itu dikatakan kosong, tidak masuk akal, itu sebab saya beristighfar, mari kita beristighfar bersama-sama, Astaghfirullahalazim. *[Ketawa]* Ya, sila.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat setuju tidak bahawasanya perbelanjaan defisit adalah satu perbelanjaan yang baik kerana dalam iklim dan suasana ekonomi yang ada dalam dewasa ini maknanya kerajaan membelanja lebih, untuk siapa? Untuk kebaikan rakyat, bukan kosong, yang ini saya hairan macam mana Tumpat tidak faham ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Banyak negara Belanjawan defisit ini dan sebenarnya apa yang Yang Berhormat katakan dia tidak menjadi apa-apa masalah sebenarnya dan ini sebenarnya ada kebaikan-kebaikan yang tersembunyi dalam Belanjawan seperti ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila gulung Yang Berhormat, masa sudah habis.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kini kerajaan PAS di Terengganu sibuk bersembahyang hajat dan mencerca kerajaan Barisan Nasional sibuk kerana duit minyak, fulus, *[berceloteh dalam Bahasa Arab]* *[Ketawa]*, fulus, dengan izin. Minyak yang dicari gali oleh Petronas itu sekarang ialah di perut laut, di tengah-tengah Laut China Selatan yang bukan dalam wilayah Negeri Terengganu, 120 km, 150 km di tengah laut. Ianya kepunyaan kerajaan persekutuan. Oleh itu, apabila kerajaan persekutuan ingin juga memberi peruntukan pada rakyat negeri Terengganu walaupun bukan haknya maka sepatutnya kerajaan PAS Terengganu buat majlis kesyukuran atau majlis sembahyang syukur.....

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri, Yang Berhormat..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:bukan mengutuk kerajaan persekutuan. Saya tidak ada masa, Yang Berhormat, kalau bagi saya masa, saya boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak bagi, saya tidak bagi. Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Nampaknya kerajaan PAS Terengganu sembahyang pun dijadikan alat politik. UMNO yang menjadi tunjang kepada pemerintahan negara ini bersama-sama rakan-rakan dalam Barisan Nasional terlalu besar jasa dan budinya kepada rakyat khususnya bangsa Melayu, agama Islam dan negara ini. Terlalu banyak untuk dihitung, terlalu banyak untuk diperkatakan, tidak ada satu pun berkaitan pencapaian bangsa dan negara yang tidak disentuh oleh dasar dan budi pemerintahan parti UMNO dan rakan-rakannya dalam Barisan Nasional.

Dalam Islam saya ingin membawa sedikit contoh, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dalam Islam membuang duri dari jalan adalah sebahagian daripada iman walaupun serendah-rendah iman. Kerajaan Barisan Nasional telah membuat jalan berpuluh-puluh ribu kilometer untuk kemudahan rakyat. Jadi kalau hendak dibandingkan betapa besarnya pahala kerajaan UMNO dan Barisan Nasional bukan buang duri di jalan tetapi buat berpuluh-puluh ribu kilometer jalan kampung untuk orang kampung. Betapa besar pahala Barisan Nasional.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah habis, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Habis?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya ada sikit lagi

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dalam Jawatankuasa boleh, itu pun saya bagi lebih sedikit, Yang Berhormat. Habis, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak, sikit, satu minit tidak boleh Yang Berhormat? *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak boleh, tidak boleh, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat, saya patuh kepada Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih daun keladi, lain kali bercakap lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya akan bagi lagi, terima kasih. Jeli. *[Disampuk]*

4.16 ptg.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]: Assalamualaikum w.b.t. dan selamat sejahtera Tuan Yang di-Pertua dan ahli-ahli Dewan yang budiman. Insya–Allah, Belanjawan saya adalah Belanjawan persahabatan, mesra dan penyayang. *[Ketawa]* Eh, ucapan saya adalah mesra, penyayang dan persahabatan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Sejak bila jadi Menteri ini hendak minta Belanjawan.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Insya–Allah

Seorang Ahli: Lima tahun lagi.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Marilah kita merujuk kepada satu firman Allah S.W.T yang berbunyi, *[Membaca sepotong ayat Al-Qur'an]* maksudnya, Bantu membantulah kamu di dalam perkara kebajikan dan takwa dan janganlah kamu bantu membantu di dalam perkara kejahatan dan pencerobohan terhadap ajaran Allah dan takutlah kepada Allah, sesungguhnya balasan Allah sangat pedih'.

Tuan Yang di-Pertua dan ahli-ahli Dewan sekalian, saya minta maaf kerana saya diberi 30 minit tidak cukup, saya kedua-dua pihak saya tidak beri. Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menyatakan dalam laporannya bahawa beliau akan menggariskan lima strategi utama tetapi hanya membincangkan tiga strategi sahaja dan beliau mengakui beliau tidak menghurai dua strategi baki yakni mengenal

pasti sektor pertumbuhan baru dan meneruskan dasar rancangan fizikal dan kewangan untuk mendukung pertumbuhan. Yang ditekankan hanyalah:

- (a) merangsang pertumbuhan ekonomi negara;
- (b) melaksana inisiatif strategik mempertingkatkan daya saing negara; dan
- (c) meneruskan agenda masyarakat penyayang.

Oleh itu, dengan sendirinya dari awal lagi Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengaku bahawa Belanjawan ini Belanjawan belum selesai. Saya harap Yang Berhormat Menteri selesaikan seberapa segera.

Tuan Yang di-Pertua dan ahli-ahli Dewan sekalian, sejak 1998 sehingga 2001, Belanjawan kita adalah Belanjawan defisit dan defisit ini meningkat pada tahun 2001 berbanding 2000. Belanjawan 2000 menunjukkan defisit lebih kurang RM16.5 ribu juta belum termasuk Belanjawan tambahan pada Julai 2000 dan sebelum 27 Oktober 2000 tetapi Belanjawan 2001 telah menunjukkan defisit yang lebih besar yakni lebih kurang RM22.5 ribu juta. Ini diperolehi melalui pendapatan negara berjumlah lebih kurang RM69 ribu juta dan perbelanjaan berjumlah lebih kurang RM91.5 ribu juta. Ini sangat membimbangkan saya kerana kita masih belum boleh yakin bahawa negara kita telah benar-benar melepasi tahap pemulihan ekonomi terutama dalam jangka panjang. Ini berdasarkan kepada kenyataan bekas Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dato' Jaafar Hussin yang mengatakan bahawa pada mana-mana ketika rizab luar negara hendaklah sentiasa mengatasi hutang luar negara. Ini sebagai dengan izin, hedging kepada sebarang ketidakpastian ekonomi luar negara.

Sebab itu semasa Menteri Kewangan yang sebelum ini ia sangat menekankan aspek ini, bila mana pada ketika itu, pada tahun 1997 berdasarkan maklumat di *Asia Week*, hutang luar negara Malaysia pada ketika itu ialah USD17 bilion tetapi rizab luar negara ialah USD25 billion pada kadar RM2.50 sedolar. Tetapi sekarang ini, sebelum mengambil kira Belanjawan defisit RM22.5 ribu juta hutang luar negara ialah USD42 bilion manakala rizab luar negara ialah USD32 bilion pada kadar RM3.80 sedolar.

Jadi cubalah kita bayangkan pertahanan kewangan kita bila mana berlaku sekali lagi suasana tidak menentu ekonomi dunia bila mana hutang luar negara kita semakin tahun semakin bertambah. Hal yang sebaliknya berlaku kepada negara-

negara pesaing kita sepertimana Singapura yang mana rizab luar negaranya USD72 bilion dan tanpa hutang luar negara, Taiwan rizab luar negaranya, USD88 bilion tanpa hutang luar negara dan begitu juga Hong Kong rizab luar negaranya USD80 bilion tanpa hutang luar negara. Bila dilihat perbandingan dengan negara-negara pesaing ini maka kita perhatikan Malaysia semakin hari semakin jauh ditinggalkan oleh ketiga-tiga negara yang saya sebutkan tadi. Ketiga-tiga negara ini akan menjadi pemacu kepada ekonomi negara-negara Asia Pasifik Selatan. Di samping itu, kita perhatikan masih banyak barang-barang eksport Malaysia keluar masih melalui Singapura. Inilah apa yang cuba kita henda k atasi.

Tuan Yang di-Pertua dan ahli-ahli Dewan sekalian, daripada Laporan Ekonomi 2000, 2001 daripada sejumlah RM369,000 juta eksport kita, 61% adalah eksport elektrik dan keluaran elektronik. Ini adalah peratusan yang besar dan ianya membahayakan sekiranya permintaan terhadap barangan-barangan elektronik dan elektrik menghadapi penawaran yang merudum. Ini telah terjadi dulu dan tanda-tanda ke arah permintaan yang menurun dalam barangan-barangan elektronik dan elektrik telah kelihatan dengan jelas bila mana syarikat-syarikat gergasi dunia seperti Motorola, Intel, Apple dan lain-lain telah melaporkan keuntungan yang menurun dalam suku ketiga tahun 2000. Syarikat pembuat telefon yang masih memaklumkan permintaan yang meningkat hanyalah Nokia, manakala Motorola, Samsung, Siemens, Sony dan lain-lain melaporkan permintaan yang amat rendah dan semakin menurun. Persoalannya sekarang, berapa peratuskah syarikat-syarikat yang mengeksport barang-barang elektronik dan elektrik adalah hak milik rakyat Malaysia khususnya bumiputera.

Daripada apa yang saya ketahui dan jumpa maklumat-maklumat daripada akhbar-akhbar tempatan bahawa pemilik Malaysia tidak sampai 10%. Ini bermakna eksport yang mewakili 61% daripada keseluruhan eksport negara disumbang oleh tidak sampai 10% rakyat Malaysia, ini berlainan dengan Korea Selatan dan Taiwan. Eksport kedua-dua negara melebihi eksport Malaysia tetapi ia dipacu oleh syarikat-syarikat elektronik dan elektrik yang dimiliki oleh syarikat-syarikat daripada Korea Selatan dan Taiwan sendiri. Mungkin keuntungan yang kita perolehi hanyalahimbangan dagangan positif tetapi hakikatnya keuntungan sebenar oleh syarikat-

syarikat multinasional pemilik asing. Di samping itu, pemilik-pemilik utama syarikat-syarikat elektrik dan elektronik adalah Amerika Syarikat.

Saya ingin memberi amaran kepada kerajaan supaya bersedia kerana banyak syarikat-syarikat daripada Amerika Syarikat dalam proses untuk berpindah ke Mexico kerana Mexico termasuk dalam NAFTA. Daripada semakan yang dibuat terhadap Texas Instrument dan Motorola telah secara berdikit-dikit atau beransur-ansur memindahkan bahagian pengeluaran-pengeluaran tertentu ke Mexico untuk mengambil manfaat Mexico dalam NAFTA. Tambahan pula kenyataan-kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang sangat kuat mengkritik Amerika Syarikat mempercepatkan lagi proses syarikat-syarikat multinasional Amerika ini pindah keluar daripada Malaysia. ini ditambah pula dengan syarikat-syarikat multinasional Amerika Syarikat yang lain yang sebelum ini bercadang untuk ke Malaysia telah merubah pendirian mereka daripada datang melabur ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua dan ahli-ahli Dewan sekalian, sebelum 1997 FDI yakni pelaburan langsung luar negara ke Malaysia adalah terbesar berbanding Singapura, Indonesia, Thailand dan Filipina....

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri, Yang Berhormat. Hendak bagi jalan? Dia tidak bagi Yang Berhormat, sebab awal tadi dia sudah cakap tak bagi.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:Itu semasa Yang Berhormat Anwar Ibrahim sebagai Menteri Kewangan....

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, saya perlu penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi, saya tidak beri peluang.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:Tetapi keadaan sebaliknya berlaku. Pada tahun 2000, bila mana diakui sendiri oleh Ketua Pengarah MIER

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Yang Berhormat, bolehkah saya dapat penjelasan?

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:pada muka surat 1, Business Section, *The New Straits Times* kira-kira dua bulan lepas....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sungai Petani berdiri Yang Berhormat, cakap hendak beri, cakaplah.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:semasa membentangkan kertas kerja.....

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya pohon penjelasan, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, hendak bagi cakap bagi, tidak bagi cakap tidak.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tidak, tidak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Hendak habis, saya bagi. Dekat hendak habis, saya bagi.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tidak, sekejap saja.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:oleh Ketua Pengarah MIER pada muka surat 1, Business Section, *The New Straits Times* pada kira-kira dua bulan lepas semasa membentangkan kertas kerja di dalam salah satu Majlis Seminar Ekonomi Kebangsaan telah mengakui bahawa FDI ke Malaysia adalah yang terendah berbanding Singapura, Indonesia, Thailand dan Filipina. Ini pun dalam keadaan Indonesia ditadbir oleh pemimpin separa sihat dan Filipina oleh pelakon filem namun masih pelabur memilih negara-negara tersebut berbanding Malaysia. Kenapa ini terjadi? Soalan ini hendaklah ditanya bukan sekali tetapi beratus-ratus kali. Jawapannya ialah krisis keyakinan terhadap Malaysia.

Buktinya, pertama, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuat lawatan ke Amerika Syarikat untuk menerima anugerah kewangan daripada Lariba yakni....

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tidak beri jalan. Daripada Lariba yakni pertubuhan kewangan Islam yang kurang dikenali....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:di Amerika Syarikat setelah ditolak oleh Pertubuhan Islam Amerika Utara telah juga bertemu dengan Ketua Eksekutif Syarikat Motorola dan diberi publisiti besar-besaran oleh akhbar-akhbar perdana negara dan media-media elektronik negara. Tetapi setelah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pulang ke Malaysia, syarikat yang sama akan membuka syarikat baru berteknologi tinggi di Vietnam dan memindahkan beberapa operasi-operasinya daripada Malaysia ke Mexico.

Yang kedua, di samping itu kira-kira sebulan yang lepas, Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah membuat lawatan kunjungan menarik pelabur-pelabur Amerika Syarikat ke Malaysia.....

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tidak beri jalan, tunggu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua beri lima minit, saya beri. Tetapi.....

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: Peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya peraturan mesyuarat Yang Berhormat ya, peraturan mesyuarat, cuba sebut Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: Peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon penjelasan mengenai peraturan mesyuarat daripada Tuan Yang di-Pertua, apabila seseorang ahli bangun dan orang lain beri jalan, kemudian giliran beliau, beliau tidak beri jalan. Apakah ruling Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, itu adalah hak tiap-tiap ahli. Saya hanya bertanya beri atau tidak beri. Kalau dia tidak beri, tidak bolehlah Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Kalau Yang Berhormat bagi Kangar minta, kita buat debat di mana-mana.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan ya.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Saya cabar bila-bila ada masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya terus, teruskan, tidak payahlah bercabar-cabar Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Di samping itu kira-kira sebulan yang lepas, Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah membuat kunjungan menarik pelabur-pelabur Amerika Syarikat ke Malaysia di Amerika Syarikat.....

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tidak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tetapi jawapan yang diterima daripada syarikat-syarikat Amerika Syarikat ialah, dengan izin, "Instead of investing in your country, we are pulling our investment from your country." Ini dibuktikan lagi melalui kenyataan akhbar Presiden Kelab Senator Malaysia bahawa kunjungan menarik pelabur Amerika Syarikat ke Malaysia gagal.

Yang ketiga ialah kunjungan menarik pelabur-pelabur empat buah negara di Eropah kira-kira dua minggu yang lepas oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri bersama anggota rombongannya. Menurut beberapa teman yang mengikuti rombongan mereka memberitahu lawatan menarik pelabur-pelabur Eropah ini juga gagal dan mereka hanya berminat untuk, dengan izin, trading dan tidak melabur. Kalau pun mereka melabur di Asia Pasifik maka ianya Vietnam.

Yang keempat, rombongan keempat ialah Kerajaan negeri Terengganu telah ke Canada untuk menarik pelabur-pelabur daripada Canada. Semasa sesi dialog dengan pelabur-pelabur Canada ini beberapa pelabur telah bertanya kepada anggota rombongan Terengganu ialah apakah undang-undang negeri kamu tertakluk kepada undang-undang - disebutkan nama Perdana Menteri Rombongan dari Terengganu menjawab “Ya”, mereka terus menjawab mereka tidak berminat untuk melabur di Malaysia.

Ini adalah antara krisis keyakinan yang wujud terhadap Malaysia. Apabila di semak faktor-faktor kenapa mereka tidak lagi berminat mela baur ke Malaysia ialah:

- (i) sistem kehakiman yang tempang;
- (ii) polisi yang berubah-ubah;
- (iii) levi 10% ke arah modal yang dimasukkan oleh pelabur luar;
- (iv) kegemaran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menuding kelemahan-kelemahannya kepada pihak-pihak yang lain;
- (v) apakah perjanjian-perjanjian dalam negara kita yang tertakluk dengan undang-undang kita boleh dipercayai;
- (vi) tidak ada kebebasan akhbar dan akhbar yang berpihak; (ini dibukti oleh Asia Wall Street Journal lagi);
- (vii) pengurusan yang tidak telus;
- (viii) kadar rasuah yang semakin parah seperti transparency corruption index yang telah menyenaraikan Malaysia daripada markah lulus 5.1% kepada markah gagal 4.8%

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad:*[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tunggu, tunggu lima minit, dekat habis saya beri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia tidak beri Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Krisis keyakinan bukan hanya ada pada pelabur-pelabur luar terutama Amerika Syarikat bahkan kepada rakyat

terhadap kerajaan. Bayangkan peristiwa Sauk yang rompak bersenjata oleh pihak Al-Ma'unah ke atas dua kem tentera di Gerik dan Banding pada 1.7.2000. Tercetus sahaja berita itu cepat-cepat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dikasihi menuduh ianya dirancang oleh PAS. Ini kerana dikatakan perompak-perompak ini berserban merah dan bertakbir. Yang sedihnya bila terdengar nama Al-Ma'unah, itulah kali pertama saya dan majoriti Ahli-ahli Parlimen PAS dan Ahli Dewan Negeri PAS mendengar nama pertubuhan tersebut.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak henti-benti menggunakan isu ini untuk mengaitkan PAS sebagai dalang kepada rompak bersenjata ini. Isu ini dibesar-besarkan lagi oleh RTM1, RTM2 dan TV3. Kesemuanya milik kerajaan atau syarikat-syarikat UMNO dan akhbar-akhbar milik UMNO. Maka tidak berhenti-hentilah Ketua Perhubungan UMNO Kelantan yang baru mengadakan ceramah penerangan isu Al-Ma'unah di Jeli terutamanya yakni sebanyak 10 ceramah semalaman dengan mengaitkan nama Yang Amat Berhormat Tuan Guru Menteri Besar Kelantan sebagai penaungnya. Tetapi yang peliknya akhbar-akhbar milik UMNO ini juga yang menjadikan tajuk utamanya 'Drama Sauk Selesai' bila tertangkapnya anggota-anggota kumpulan Al-Ma'unah ini.

Tetapi bila rakyat mempersoalkan beberapa misteri peristiwa ini menyebabkan kerajaan tercungap-cungap untuk menjawabnya. Banyak jawapan-jawapan yang bercelaru antara polis, tentera, UMNO dan kerajaan, menyebabkan hampir 80% rakyat tidak percaya kepada sebarang penerangan kerajaan, UMNO, polis dan tentera. Puas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri cuba meyakinkan tetapi rakyat semakin tidak percaya. Lagi hebat cuba diyakinkan kepada rakyat....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Parit Sulong berdiri lagi, Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tidak beri jalan. Lagi hebat cuba diyakinkan kepada rakyat, semakin ternyata rakyat tidak percaya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Yang menyedihkan lagi kami ialah bila mana Presiden PAS diberi maklumat bahawa tidak kurang 300 ahli UMNO adalah ahli pergerakan AlMa'unah. Inilah pilunya, oleh kerana rakyat semakin tidak percaya, maka kerajaan terpaksa melakonkan semula. Perkataan 'melakonkan semula' itu adalah perkataan yang dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat Menteri Pertahanan, dan akhbar-akhbar milik UMNO.

Saya hendak bertanya kenapa menggunakan perkataan 'lakonan semula'. Tidak adakah perkataan lain? Yang lebih menyedihkan lagi bila jemputan diberikan kepada Ketua Pembangkang dan beberapa Ahli Parlimen Pembangkang untuk hadir di dalam program 'lakonan semula' itu. Maka Yang Berhormat Datuk Ketua Pembangkang dan beberapa Ahli Parlimen PAS telah bersetuju untuk hadir dan memohon keizinan untuk bertanya soalan-soalan misteri, tetapi tidak dibenarkan oleh pihak penganjur. Ini macam filem bisu.

Akhir-akhir ini kita lihat trend seolah-olah tuduhan difokuskan kepada Mohd. Amin dan dua atau tiga orang pengikut kuatnya dan tidak lagi kepada PAS. Rupa-rupanya silap slot cerita untuk tikam PAS. Pedang terhunus ke diri sendiri.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Standing Order.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, yang ke berapa Yang Berhormat? Ada peraturan mesyuarat Yang Berhormat, yang ke berapa Yang Berhormat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sedang ada perbincangan dalam mahkamah, dia tidak boleh membuat ucapan mengenai....

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Saya tidak sebut, saya tidak sebutkan mahkamah.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Sebut Mohd Amin sekali sedang dibicarakan.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Ini tidak ada, ini tidak ada Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Jadi tidak boleh begini.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Peristiwa ini amat memalukan kerajaan kerana Menteri Kanan Singapura sendiri membuat pengakuan di Malaysia bahawa beliau

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, kalau boleh jangan sebut cara detaiilah, sebab ini dalam mahkamah ya.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: *mempengerusikan mesyuarat*]

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Kerana Menteri Kanan Singapura sendiri membuat pengakuan di Malaysia bahawa beliau kasihan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia apabila yang beliau kata rakyat sudah tidak percaya. Kalau duduk di negara yang bermaruah, Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dan Yang Berhormat Menteri Pertahanan sudah meletakkan jawatan, kerana 13 orang kampung yang bersenjata boleh merompak dua buah kem tentera pada satu malam. Takkanlah sampai begitu rendah tahap pengawalan kem-kem askar ini. Yang lebih menyedihkan yang datang merompak senjata dalam kem ini ialah orang-orang berjanggut dan pada waktu tidak munasabah. Sejak bila tentera darat Malaysia berjanggut, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, dan Ahli-ahli Dewan sekalian

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: *Peraturan mesyuarat.*

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad:di dalam keadaan negara kita menghadapi krisis keyakinan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jeli, ada peraturan.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Saya bangkitkan 36(2). Tadi dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Parit Sulong, tadi saya pun tidak mahu kacau tetapi nampak dia sudah pergi detail dalam kes Al-Ma'unah. 36(2) ini kita minta pertimbangan daripada Tuan Yang di-Pertua sama ada ucapan Yang Berhormat bagi Jeli boleh menimbulkan keraguan, boleh menyebabkan *subjudice* kepada mahkamah. Saya lihat dia sudah pergi kepada detail mengenai kes Al-Ma'unah.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad : *[Menyampuk]*

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Saya minta pertimbangan, ruling. Saya minta ruling daripada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Jeli.....

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Saya minta ruling, duduklah dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya belum lagi membuat keputusan.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Duduk dulu, beri Tuan Yang di-Pertua membuat ruling barulah sambung berucap. Begitulah betul peraturannya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, memang saya baru masuk, jadi elok juga Yang Berhormat bila berucap kena fikirkan peraturan ini, kalau tidak boleh dibenarkan, memang tidak sepatutnya ditimbulkan perkara yang dalam mahkamah.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan sekalian, di dalam keadaan negara kita menghadapi krisis keyakinan di kalangan pelabur luar negara, tiba-tiba negara kita dikejutkan oleh satu peristiwa mala petaka undang-undang yang amat dahsyat. Selama 25 tahun kesemua pemimpin-pemimpin UMNO di pusat, rupa-rupanya kurang cerdik kerana tersilap menggunakan perkataan 'royalti'.

Tiga perjanjian yang ditandatangani pada tahun 1975, 1987 dan 1992 yang menggunakan perkataan 'royalti' antara Petronas dan Kerajaan Negeri Terengganu yang masing-masing perjanjian diwakili oleh Presiden Petronas dan Menteri Besar Terengganu. Yang menandatangani perjanjian bagi pihak Kerajaan Negeri Terengganu pada tiap-tiap perjanjian ialah Menteri Besar Terengganu dan bukannya jembalang-jembalang yang lainnya, yang layak mewakili rakyat negeri Terengganu ialah Menteri Besar Terengganu dan bukannya jembalang-jembalang yang lainnya.

Tiba-tiba pada tanggal bersejarah 27 Oktober 2000 yakni setelah 25 tahun barulah pemimpin-pemimpin UMNO menjadi cerdik. Kenapa pemimpin-pemimpin UMNO lambat sangat cerdik. Macam mana hendak bercakap hal IT dan globalisasi. Kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada usia 75 tahun baru sedar dia cerdik, takkanlah pemimpin-pemimpin UMNO mengambil masa 25 tahun baru hendak baliqh.

Dan yang lebih menyedihkan bila mana yang paling cerdik ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang dahulunya Timbalan Presiden Semangat 46 yang telah bakar jambatannya dengan UMNO dan yang mendapat undi paling corot dalam pertandingan Naib Presiden UMNO telah mengeja dan membaca perkataan P-E-R-J-A-N-J-I-A-N dengan M-O-U. Ya Allah, apalah nasib negara!

Kerajaan UMNO jangan ingat dengan menghukum kerajaan PAS di Terengganu rakyat Terengganu yang telah memberi mandat kepada PAS untuk mentadbir mereka, maka PAS semakin lemah. Ingat dalam pilihan raya kesebelas pada 29.11.1999 sebanyak 64% orang-orang Melayu memberi undi kepada PAS dan Barisan Alternatif, dan hanya 36% orang-orang Melayu yang memberi undi kepada UMNO dan Barisan Nasional. Soalnya siapa yang patut menjadi juara atau peneraju orang-orang Melayu. Takkanlah ada profesor sesat yang mengatakan angka 36% lebih besar daripada 64%.

Tindakan membatalkan royalti ini dan ditukarkan kepada sumbangan ihsan telah lebih membuka mata pelabur-pelabur asing dan pemimpin-pemimpin utama dunia. Ianya merugikan Malaysia, lebih daripada Terengganu di dalam keadaan negara kita sentiasa diperhati oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan pemimpin-pemimpin negara maju.

Jadi, tidak usahlah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bercakap berdegar-degar di forum antarabangsa mengkritik ketidakadilan pentadbiran pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan amalan-amalan berat sebelah negara-negara maju, kalau di negara sendiri dibuat lebih teruk daripada itu. Apakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri rasa Kofi Annan tidak tahu, Tony Blair tidak tahu, Ricky Schroeder tidak tahu, John Howard tidak tahu dan Lee Kuan Yew tidak tahu?

Saya merujuk kepada firman Allah dalam surah As-Saf ayat 2 dan 3 [*Membaca sepotong ayat Al Quran*] yang bermaksud: “*Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu berkata apa yang tidak kamu lakukan, sangat besar kebencian, kemarahan Allah sekiranya kamu katakan apa yang tidak kamu lakukan.*” Justeru itu, insafilah wahai pemimpin-pemimpin UMNO, jangan dendam kesumat mengatasi kewarasan. Ingat, Rasulullah pernah bersabda, “*Doa orang-orang yang*

teraniaya tidak ada dinding dengan Tuhan. Orang-orang yang teraniaya ini tidak kira sama ada Islam atau bukan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya cukup takut dan gerun mendengar ucapan daripada kekanda saya Yang Berhormat bagi Parit Sulong yang menceritakan tentang tajuk-tajuk orang Melayu, seolah-olah mereka kesampingkan fakta-fakta sejarah tentang penglibatan orang-orang bukan Melayu dalam kemerdekaan dan pembangunan negara.

Saya hendak menyeru bahawa sekarang ini alaf baru. Hentikanlah ucapan-ucapan yang bernada kebangsaan yang sempit. Kita wajib menerima hakikat bahawa Malaysia adalah masyarakat majmuk. Mereka ini dilahirkan di Malaysia. Saya kagum dengan masyarakat di Amerika Selatan, sama ada Brazil, Peru, Ecuador, Uruguay dan lain-lain yang masyarakat kulit putih, coklat dan hitam bergaul sesama mereka dengan intim dan mesra. Bila ditanya kepada mereka apa bangsa kamu? Maka masing-masing akan menjawab sama ada bangsa Brazil, Peru, Ecuador, Uruguay dan lain-lain. Yang susah tanpa mengira Islam atau bukan Islam wajib dibantu di dalam negara yang mahu mengamalkan Islam.

Firman Allah s.w.t. [*Membaca sepotong ayat Al Quran*] yang bermaksud: “*Wahai manusia, Aku jadikan kamu lelaki, perempuan, bersuku-suku dan berpuak-puak supaya kamu saling kenal mengenal di antara satu sama lain.*” Marilah kita bangun sebagai bangsa Malaysia, bergerak maju sebagai bangsa Malaysia kerana kejayaan kamu adalah kejayaan Malaysia tanpa mengira bangsa asal kamu, PAS dan Barisan Alternatif, hendak melihat orang-orang yang lemah dan miskin dibantu tanpa mengira bangsa kamu.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan sekalian, Dewan dikejutkan ‘*digital divide*’ di antara penduduk dalam bandar dan luar bandar. Oleh kerana tajuk ini banyak dibincangkan oleh teman-teman Yang Berhormat yang lain, maka saya hendak memfokuskan kepada ‘*digital divide*’ antara negara Malaysia berbanding Singapura, Taiwan, Hong Kong dan Korea Selatan. Saya cukup gembira bila mana pada tahun 1991, 1992 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merancang untuk mewujudkan MSC, dengan izin, Multi Media Super Corridor. Saya merasakan pada ketika itu bahawa melalui projek inilah kita akan dapat mengatasi negara Singapura.

Tetapi selepas 1997 keyakinan saya kepada projek ini sudah pudar dan kabur. Ini memandangkan saya menjangka bahawa pelabur asing akan datang melabur di sini melebihi USD20 ribu juta seperti mana yang diharapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Tetapi apa yang terjadi, pelabur-pelabur luar daripada syarikat-syarikat berjenama nampaknya segan untuk datang ke sini. Yang datang melabur ialah syarikat-syarikat kaki lima negara-negara Amerika Syarikat. Dengan izin, not in the top fifty of IT companies in USA. Pelaburan yang dibuat di MSC ini lebih kurang RM3,000 juta, mengikut maklumat Kementerian Tenaga Multimedia dan Komunikasi yang diberikan kepada Yang Berhormat Bachok pada Februari 2000.

Daripada RM3,000 juta hanya lebih kurang RM650 juta adalah dilabur oleh syarikat luar negara manakala bakinya dilabur oleh syarikat dalam negara. Ingat, syarikat dalam negara yang melabur, bukannya dalam komponen IT tetapi umumnya dalam infrastruktur seperti jalan, hartanah, saluran, Universiti Multimedia, *bandwidth*, dengan izin, dan lain-lain. Jadi pelaburan ini bukan pelaburan ICT, dengan izin, dan pelaburan tersebut juga telah dilakukan pada tapak pembangunan yang lainnya.

Pokoknya, matlamat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sangat jauh dari sasarannya. Janganlah MSC ini terutama bandar Cyberjaya mendapat jolokan '*the haunted town*' kerana tidak cukupnya penghuni. Yang menggelar 'bandar berhantu' ini bukan saya, tetapi TV3 dan Berita Harian pada awal tahun ini.

Persoalannya, kenapa MSC sangat jauh daripada mencapai sasaran. Yang kedua, kenapa pemain-pemain utama dalam liga perdana IT Amerika Syarikat tidak menjadikan MSC sebagai pangkalan Asia Pasifiknya dan lebih cenderung kepada Singapura daripada Malaysia. Yang ketiga, kenapa pengeluar-pengeluar Bollywood tidak mengambil manfaat daripada *e-village* ini walaupun berbagai-bagai insentif luar biasa ditawarkan. Yang keempat, kenapakah tidak banyak syarikat-syarikat IT tempatan sendiri yang beroperasi di sini. Yang kelima, kenapakah kita yang palu gendang tetapi orang lain yang berjoget dahulu atau kita yang bina jalan raya tetapi orang lain yang guna dahulu. Kesimpulannya;

- (i) Kita tidak mempunyai sumber manusia terlatih untuk menjadi pengendali dalam arena IT yang kompetitif ini .
- (ii) Universiti-universiti kita tidak cuba untuk mendapatkan dengan izin, *rating* terbaik di kalangan universiti di Asia dalam bidang IT
- (iii) Celik IT yang tidak meluas di kalangan rakyat. Ini terbukti di mana dalam Parlimen ini sendiri peruntukan *note book PC* untuk tiap-tiap ahli Parlimen pun tidak diberikan.
- (iv) Anak-anak Malaysia yang hebat dalam IT yang sekarang berkhidmat di luar negara tidak berminat untuk balik berkhidmat dalam negara termasuk anak Malaysia yang mencipta serangga berkomputer dalam filem *Species* walaupun ditawarkan insentif 'separa masak' dalam Belanjawan ini yakni dikecualikan cukai bawa balik dan diberikan *PR Status* kepada suami dalam tempoh enam bulan.
- (v) Kebimbangan anak-anak Malaysia yang pakar dalam IT, yang projek-projeknya akan dirompak secara berlesen oleh syarikat-syarikat kroni atau anak-anak orang-orang yang tertentu.
- (vi) Dengan izin, *technical know who* sentiasa mengatasi *technical know how*. Orang yang *know who* sentiasa menjadi majikan kepada orang yang *know how*. Inilah hasil pertemuan saya dengan anak-anak Malaysia yang pakar dalam IT yang telah kembali pulang bekerja di *Silicon Valley* setelah berada beberapa ketika di *Multimedia Super Corridor* pada bulan Jun 2000.

Disebabkan faktor-faktor di atas menyebabkan negara kita kurang berupaya dalam mempromosikan MSC dan manfaatnya banyak diperoleh oleh Singapura. Di samping itu semakin hari, kemajuan IT di Singapura, Taiwan, Hong Kong dan Korea Selatan semakin jauh meninggalkan kita. Ini adalah hakikatnya. Disebabkan Singapura sudah berada jauh di hadapan kita dalam semua perkara menyebabkan mereka sudah menganggap Malaysia bukan saingannya.

Dahulu Malaysia adalah abang tetapi sekarang suasana sudah berubah. Ini telah dijelaskan sendiri dalam buku *Memoirs of Lee Kwan Yew* oleh kerana mereka sudah merasa mereka abang maka mereka sanggup mengeluarkan kata-kata besar diri dan angkuh. Mereka sudah berani menceroboh ruang udara kita beberapa kali dalam sesi latihan tentera udara nya dan saya ingin bertanya , apakah kita pernah menghantar nota bantahan tentang hal ini kepada Pesuruhjaya Tinggi Singapura untuk dipanggil, untuk memperjelaskan hal ini oleh Kementerian Luar Negeri kita. Sebab itu Encik Lee Kwan Yew dengan penuh yakin dan bergaya memberi cabaran, “Siapa berani serang Singapura? Cubalah”. Malah saya tidak terkejut kalau kenyataan Encik Lee Kwan Yew lebih pedas daripada ini tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita akan tetap berdiam diri. Yang akan menjadi harimau kertas pada ketika itu ialah beberapa Yang Berhormat-Yang Berhormat UMNO yang berada dalam Dewan ini semasa ini. Manakala Yang Amat Berhormat Perdana Menteri diam membisu kerana mengharapkan pelaburan Singapura menggantikan pelaburan-pelaburan yang hilang daripada negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua dan ahli-ahli Dewan sekalian. Dewan ini diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan semasa Belanjawan bahawa pendapatan per kapita rakyat Malaysia telah meningkat ke angka mengatasi angka sebelum 1997 yakni RM12,883 setahun. Kita janganlah asyik dan leka dengan angka ini. Mengikut laporan daripada *Asiaweek* enam, tujuh minggu lepas telah mengeluarkan angka data yang dikatakan diambil dari Bank Dunia yakni 15% orang terkaya Malaysia menyumbang 78% daripada pendapatan per kapita negara mengatasi Singapura, yang menyumbang 72%, Taiwan 70% dan Malaysia hanya lebih rendah daripada Hong Kong yakni 84%. Ini jelas menggambarkan taburan kekayaan pendapatan yang tidak bertebaran di samping angka ini tidak menggambarkan realiti yang sebenarnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Satu minit. Kemiskinan relatif di bandar dan luar bandar masih tidak berubah untuk sekian lama. Ini diakui sendiri oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar dalam sesi soal jawab memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa terdapat lebih kurang 230,000

keluarga penoreh getah di Malaysia dengan pendapatan purata RM320 sebulan yakni di bawah paras kemiskinan negara RM460 sebulan yakni angka yang tidak berubah-ubah hampir 20 tahun, walhal inflasi sudah meningkat beratus kali ganda.

Di samping itu, hakikatnya sekarang harga kelapa adalah tiga sen sebiji. Beratus ribu keluarga yang terlibat dengan tanaman kelapa terutama di Sabak Bernam, Tanjong Karang, Kuala Selangor, Bagan Datoh, Muar dan sebagainya yang mana saya difahamkan pendapatan purata keluarga ini hanyalah sekitar RM200 sebulan. Begitu juga dengan kelapa sawit di mana harganya sekarang ialah RM110 se tan dan pekebun-pekebun ini hanya mampu mengeluarkan dua atau tiga tan sebulan. Ini bermakna pendapatan mereka hanyalah RM300 sebulan setelah ditolak kos upah, angkut dan lain-lain. Yang lebih serius menimpa peneroka-peneroka FELDA kerana terpaksa ditolak banyak lagi kos-kos yang lain. Dan daripada sesi dialog saya dengan peneroka-peneroka kelapa sawit FELDA di beberapa tempat mereka mengatakan pendapat mereka tidak sampai RM200 sebulan walhal keluarga yang mengusahakan kelapa sawit lebih ramai daripada keluarga yang mengusahakan getah yakni sudah tentu mengatasi angka 230,000 orang. Dan dengan hanya mengambil kira 500,000 keluarga terlibat dengan pekerjaan penanaman getah, kelapa sawit dan kelapa maka dengan sendirinya ia melibatkan minimum 2 juta penduduk yakni purata empat orang sekeluarga.

Ini bermakna mereka yang berada di paras kemiskinan hampir 10% dan bukannya 6% seperti yang digambarkan oleh Menteri Kewangan. Ini tidak mengambil kira penduduk-penduduk Malaysia yang terlibat dengan tanaman-tanaman lain seperti koko, lada hitam dan padi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sudah lebih daripada masa yang ditentukan.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Setengah minit lagi, setengah minit. Pendek kata hampir kesemua mereka ini berada di bawah paras kemiskinan. Tetapi apa yang berlaku kerajaan hanya memperuntukkan bantuan secara langsung kepada golongan ini ialah RM182 juta untuk program pembangunan rakyat termiskin yang dikendalikan melalui UMNO dan purata RM70 juta setahun melalui Amanah Ikhtiar Malaysia dan Yayasan Tekun Malaysia juga melalui UMNO. Bandingkan

angka-angka ini dengan subsidi cukai kepada korporat yang berjumlah beribu-ribu juta ringgit, ratusan juta untuk lebih dua juta penduduk dan ribuan juta untuk beberapa kerat manusia yang rapat dengan pemimpin-pemimpin utama UMNO negara dan ahli-ahli keluarga pemimpin utama negara .

Inilah wahai saudara-saudara ku Yang Berhormat UMNOku yang dipanggil belanjawan masyarakat penyayang. Kita juga jangan mendabik dada dengan pendapatan perkapita negara sebanyak RM12,883 setahun. Ini memandangkan sebelum 1997 pendapatan perkapita negara mengatasi pendapatan perkapita Brazil yang mempunyai 160 juta penduduk dan Mexico yang mempunyai hampir 100 juta penduduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tetapi sekarang pada tahun 2000 kenapa negara-negara yang mempunyai penduduk lebih ramai daripada kita yakni Brazil dan Mexico ini mengatasi pendapatan per kapita Malaysia. Janganlah asyik banding dengan Somalia, Burundi, Mongolia, Bangladesh semata-mata. Bandinglah dengan orang-orang yang lebih hebat daripada kita supaya memberi insentif untuk kita mengatasi. Hendak seribu jalan, tidak hendak seribu dalih.

Wabillahitaufikwalhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ipoh Timur.

4.49 ptg.

Tuan Thong Fah Chong [Ipoh Timor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat kesal atas tuntutan dan kenyataan Kota Melaka yang juga Setiausaha Agung DAP mengenai dengan izin, *JE Humanitarian Fund*. Tabung JE adalah usaha ikhlas dan positif parti saya, MCA untuk membantu mangsa dan keluarga JE.

Pertama, Yang Berhormat Kota Melaka telah memutar belit fakta-fakta politik ini kerana untuk mendapat dengan izin, *political mileage*. Ini memang tuduhan yang tidak bertanggungjawab dan saya tidak tahu berapa kali Kota Melaka mahu mengelirukan rakyat. Hari ini saya menegaskan Tabung JE adalah usaha ikhlas MCA yang telah berjaya mengumpulkan lebih kurang RM15 juta dan Kota Melaka mahu periksa akaun tabung kita. Baik, mereka sudah periksa dan sekarang menuduh bahawa...

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bukit Mertajam bangun.

Tuan Thong Fah Chong: Tidak belum habis. Belum, duduk dahulu.

Puan Chong Eng: Penjelasan. Bolehkah jelaskan, apakah tuduhan itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Adakah Yang Berhormat berikan laluan untuk Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam?

Tuan Thong Fah Chong: Tidak, tidak, tidak. 4,000 orang yang telah menerima bantuan dari tabung sebahagian tidak patut menerima bantuan dan menuduhkan MCA salah gunakan wang Tabung JE. Tetapi saya kurang faham kenapa Ahli Yang Berhormat bagi Kota Melaka ...

Dato' Hon Choon Kim *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Timbalan Menteri.

Dato' Hon Choon Kim: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik kata-kata Yang Berhormat tentang soal Tabung JE yang telah diwujudkan oleh pihak MCA dan saya minta penjelasan. Baru-baru ini DAP telah memainkan isu Tabung JE yang dikumpulkan oleh parti MCA untuk membantu mangsa-mangsa JE kononnya ikut tuduhan DAP bahawa bantuan itu tidak diberikan, tidak sampai kepada para mangsa. Sebenarnya sama ada Yang Berhormat setuju atau tidak seramai 4,000 lebih mangsa telah menerima bantuan. Dan saya hendak soal, apa yang telah dilaksanakan oleh parti DAP? Berapa bantuan telah diberikan? Masa JE berlaku itu memang tidak dapat dinafikan pemimpin-pemimpin DAP telah masuk ke kawasan. Tetapi apa bantuan yang telah diberikan. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Thong Fah Chong: Yang Berhormat, saya hendak menjelaskan ialah kalau MCA 4,000 orang ...

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Tuan Thong Fah Chong: Orang yang menerima bantuan kalau DAP, kurang lebih 40, saya dengar. Tetapi saya kurang faham kenapa Ahli Yang

Berhormat bagi Kota Melaka hanya menyebut beberapa kes sahaja yang dianggap kurang adil oleh DAP. Itu pun antara orang-orang yang disebut...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam bangun.

Tuan Thong Fah Chong: Duduklah. Belum habis. Masih banyak lagi. Duduk-duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia minta awak duduk, masa tidak ada.

Tuan Thong Fah Chong: Tidak bagi, tidak bagi.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila duduk.

Tuan Thong Fah Chong: Itu pun antara orang-orang yang disebut dalam kes berkenaan ...

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sebelum mendapatkan kebenaran sini, jangan keluar apa-apa perkataan.

Tuan Thong Fah Chong: Tolong, tolong duduk. Pada hal bantuan kewangan diberi untuk mangsa wabak JE ..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat benarkan Ipoh Timur habiskan ucapan dia.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Tuan Thong Fah Chong: Dan prosedur-prosedur yang ditetapkan dan juga keadaan mangsa yang memerlukan bantuan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Tuan Thong Fah Chong: Tuan Yang di-Pertua, kalau dia cakap 'bohong' minta *ruling*.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya tidak pernah periksa akaun MCA.

Puan Chong Eng: Ya.

Tuan Thong Fah Chong: Kalau 'bohong' minta *ruling*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ...

Tuan Kerk Kim Hock: ...*don't lie here. Don't lie.*

Seorang Ahli: Duduk. *Sit down, listen to what he said. What have you right to say? [Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat peraturan, peraturan.

Tuan Liow Tiong Lai: Peraturan. Duduk, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Semua duduk termasuk Ipoh Timur. Semua duduk.

Tuan Kerk Kim Hock: [*Menyampuk*]

Tuan Liow Tiong Lai: Ini peraturan, peraturan, peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan, Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

Tuan Liow Tiong Lai: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Ini peraturan 44(1) ini. Tidak mengikut perintah Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan, Ipoh Timur

Tuan Kerk Kim Hock: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bukan Yang Berhormat. Yang Berhormat Kota Melaka, bukan tempat. Di dalam ucapan Yang Berhormat Ipoh. Yang Berhormat ...

Seorang Ahli: Hei, samseng.

Tuan Thong Fah Chong: Bukan di bahagian dengan sewenang-wenangnya jika ada kes seperti Yang Berhormat kata ada salah guna, Yang Berhormat boleh lapor kepada *authority* yang berkenaan dan MCA tidak akan membela sesiapa yang bersalah. Menurut laporan media, Ahli Yang Berhormat bagi Kota Melaka mengemukakan, DAP telah berjaya memungut derma sebanyak RM17,000 untuk dibahagikan kepada 43 keluarga mangsa wabak JE yang semuanya terdiri daripada janda dan anak yatim. Siapa berjaya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bangun.

Tuan Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat. Bila MCA mengutip wang untuk membantu mangsa-mangsa yang dijangkiti penyakit JE, DAP berpeluk tubuh sahaja. Yang mereka buat untuk membantu mangsa-mangsa JE boleh dikatakan, 'batuk di atas tangga'. Sekarang mereka hanya mengkritik dan cari fasal dengan MCA. Keadaan ini bolehlah dibagaikan seperti pepatah Cina [*Bercakap dalam bahasa Cina*] Iaitu menghembus bulu ayam, mencari kutu. Minta sedikit penjelasan dari Yang Berhormat.

Tuan Thong Fah Chong: Betul. Kalau mangsa dan keluarga wabak JE sudah cukup sedia kerana kesusahan yang dilalui dan kehilangan ahli keluarga, sekarang DAP sudah tuduh ini dan itu demi kepentingan diri dan parti. Mengapa DAP sanggup, dengan izin, *add salt to the wound, its adding salt to the wound*, dengan izin.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Kerk Kim Hock: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Ini terpulang kepada Yang Berhormat yang berucap.

Dato' Hon Choon Kim: Minta penjelasan. Tadi Yang Berhormat sebut.... Duduk. Dengar saya cakap. Mesti akur peraturan.

Puan Chong Eng: [*Menyampuk*]

Tuan Kerk Kim Hock: [*Menyampuk*]

Dato' Hon Choon Kim: So what? So what?

Tuan Kerk Kim Hock: So what?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak elok gunakan perkataan tidak elok.

Tuan Kerk Kim Hock: [*Menyampuk*]

Dato' Hon Choon Kim: Macam gengster di sini. Sini gengster kah? Gengsterisme punya kah?

Tuan Kerk Kim Hock: [*Menyampuk*]

Dato' Hon Choon Kim: Siapa? You are the liar.

Tuan Kerk Kim Hock: [*Menyampuk*]

Dato' Hon Choon Kim: You are the liar. Who is the liar?

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Dato' Hon Choon Kim: You are the liar. Terbesar sekali liar is you.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Hon Choon Kim: Saya cuma hendak tanya, penjelasan. Tadi, Yang Berhormat sebut DAP cuma kutip RM17,000 sahaja. Yang Berhormat percaya atau tidak, sama ada akaun telah diaudit atau tidak? Sama ada Yang Berhormat juga minta mereka tunjukkan akaun dan cuma 43 orang Yang Berhormat sebutkan. 43 orang yang dapat bantuan tetapi orang yang mati lebih daripada itu. Lebih daripada 100. Jadi, orang yang mati itu tidak perlu bagi apa-apa pun. Apa kriteria, minta Yang Berhormat jelaskan? Apa kriteria? Jadi, Yang Berhormat setuju atau tidak yang bohong dan buat tuduhan palsu ialah DAP.

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Hon Choon Kim: Sama ada DAP boleh disingkatkan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Seremban, saya fikir Yang Berhormat tunggu sebentar. Sebenarnya tadi Yang Berhormat Kota Melaka, bila berucap, diminta penjelasan, Yang Berhormat tidak beri laluan.

Tuan Kerk Kim Hock: Beri.

Puan Chong Eng: Beri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi, tolong ikut peraturan. Ikut peraturan.

Tuan Kerk Kim Hock: Dia bersandiwara tidak apa. Jangan minta jawapan yang saya harus saya jawab, dia tidak bagi. Tetapi dia punya sandiwara cara macam itu. Mana boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Menteri juga ada minta lagi. Nak beri? Yang Berhormat Ipoh Timur, teruskan.

Tuan Thong Fah Chong: Hendak jawab dengan Yang Berhormat yang minta tadi. Memang mereka tidak patut....

Dato' Hon Choon Kim: Belum habis lagi, minta penjelasan. Sama ada Yang Berhormat bersetuju atau tidak, DAP selama ini boleh disifatkan sebagai NATO iaitu No Action, Talk Only. *[Disampuk]* Setuju atau tidak?

Tuan Thong Fah Chong: NATO anyway. Menurut laporan media, Ahli Yang Berhormat bagi Kota Melaka mengemukakan dia ada 43 keluarga mangsa wabak JE yang semua terdiri daripada janda dan anak yatim. Siapa percaya dan hanya mampu memungut derma sebanyak RM17,000 dalam satu majlis jamuan makan, lebih kurang 1,000 orang. Hantu pun tidak percaya. *[Ketawa]* Saya ingin bertanya DAP, apakah kriteria DAP untuk memberi bantuan kewangan hanya kepada 43 keluarga sahaja sedangkan keluarga yang memerlukan bantuan kewangan melebihi angka itu. Di mana akaun tabung JE DAP yang lengkap? Apakah akaun itu telah diauditkan? Jika DAP tidak boleh memberi jawapan yang memuaskan maka, DAP boleh dianggap tidak ada *accountability* dan *credibility*, dengan izin.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]* Nanti saya jawablah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada masa, ada peluang untuk DAP berucap.

Tuan Thong Fah Chong: DAP juga boleh dianggap telah melakukan penyelewengan dalam urusantabung awam...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini bukan masa, ini bukan laluan untuk Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]* Hanya dia jawab, dia tak....

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Tuan Thong Fah Chong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi satu contoh lagi mengenai cara yang tidak profesional.....

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Thong Fah Chong:dan menguruskan tabung awam. DAP mengaku pernah menganjurkan satu majlis makan malam lagi di Serdang untuk memungut derma untuk mangsa wabak JE. Tetapi jumlah wang dipungut tidak diumumkan sampai hari ini. Dan juga DAP menunjukkan akaun yang lengkap dan senarai penerima bantuan kewangan. Banyak lagi tabung yang dikutip oleh DAP - *Tabung Safe Guan Eng Fund*, diizinkan, Tabung Bukit Cina, Tabung Esso dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bukan masa untuk Yang Berhormat bercakap.

Tuan Thong Fah Chong: Mana akaun yang sudah diaudit itu?

Tuan Kerk Kim Hock: [*Menyampuk*]

Tuan Thong Fah Chong: Saya berharap Ahli Yang Berhormat

Tuan Kerk Kim Hock: Dia takut. Bagi saya jawab.

Dato' Goh Siow Huat: [*Bangun*]

Dato' Yap Pian Hon: [*Bangun*]

Tuan Chang See Ten: [*Bangun*]

Dato' Goh Siow Huat: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak tanya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kota Melaka.

Dato' Goh Siow Huat: Penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak tanya akaun-akaun ini yang disebutkan oleh Yang Berhormat rakan saya, adakah semua akaun itu sudah diaudit?

Tuan Kerk Kim Hock: Dia mana tahu.

Tuan Thong Fah Chong: Memang ada satu jawapan kerana tabung *Safe Guan Eng* ini disimpan di peti safe. Tidak tahu untuk apa.

[*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Thong Fah Chong: Saya berharap agar Yang Berhormat bagi Kota Melaka jangan pandai menuduh MCA sahaja.

Dato' Yap Pian Hon: Penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa bekas Bendahari DAP, Fung Ket Wing, *[Disampuk]* bekas Ahli Parlimen juga di sini, pernah dalam surat khabar mengatakan apa sebab DAP tidak memberi maklumat berkaitan dengan *Safe Lim Guan Eng account* itu. Adakah Yang Berhormat sedar hal ini berlaku di mana Fung Ket Wing telah bertanya kepada DAP.

Tuan Thong Fah Chong: Akaun itu memang sudah jelas. Lihat parti DAP sendiri. Janganlah cuba menjadi hero di Dewan yang mulia ini untuk menunjuk kelemahan dan penyelewengan DAP dalam isu Tabung JE.

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Thong Fah Chong: Tuan Yang di-Pertua, MCA menubuhkan tabung JE kerana

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kota Melaka hendak minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat bersetuju?

Tuan Thong Fah Chong: Masih banyak lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak lagi.

Tuan Thong Fah Chong: Tuan Yang di-Pertua, MCA menubuhkan Tabung JE kerana kita mahu tolong dan kita ikhlas atas sebab kemanusiaan, kita tidak dapat duduk diam dan tidak menolong mangsa JE yang berbangsa Cina. Tabung JE MCA dikendalikan dengan baik dan diaudit oleh Price Waterhouse. Kota Melaka mahu periksa akaun, kita bagi kerana kita ikhlas, jujur.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, sila duduk. Tadi memang Yang Berhormat ada libatkan saya. Jadi, saya ingin maklumkan sebenarnya Yang Berhormat bagi Kota Melaka semasa kita mengadakan perbincangan, beliau berkata kerana akaun itu diauditkan oleh sebuah syarikat antarabangsa. Dia tidak ada apa-apa masalah untuk beliau *check* akaun itu. Bererti beliau puas hati dengan akaun yang diauditkan oleh Price Waterhouse itu. Saya perlu maklumkan kepada Dewan yang mulia ini. *[Disampuk]*

Tuan Thong Fah Chong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tetapi dalam ucapan Yang Berhormat Ipoh Timur, tadi Yang Berhormat kata DAP minta *check* akaun tetapi dia kata dia tidak minta *check*, sebenarnya dia tidak *check* sebab dia puas hati dengan akaun yang disediakan.

Tuan Thong Fah Chong: Terima kasih, terima kasih.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Tuan Thong Fah Chong: Kita bagi kerana kita ikhlas, jujur dan murah hati. Tidak ada apa yang hendak dirahsia. *[Disampuk]* Tetapi saya cadangkan DAP dan Yang Berhormat bagi Kota Melaka pergi periksa tabung-tabung sendiri yang tidak diaudit, tidak dikemukakan kepada rakyat seperti yang saya kata tadi.

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Tuan Thong Fah Chong: Tabung JE, Tabung Bukit Cina,....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Tuan Thong Fah Chong:Tabung Lim Guan Eng dan siapa tahu bila ada Tabung Karpal Singh. *[Ketawa]* *[Disampuk]* Ada auditkah? Auditor tidak tahu jumlah kutipan. Apa pun tidak dikemukakan. Saya cadang, dengan izin, *put your house in order* dan jangan buat tuntutan yang tidak berasas lagi. Jangan memutar belit fakta dan demi rakyat, jangan kelirukan semua orang.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya sudah cakap cukup JE punya hal. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi pendapat saya atas perkhidmatan awam yang sering menjadi topik perbincangan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kota Melaka bangun sekali lagi.

Tuan Thong Fah Chong: Banyak lagi.

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Tuan Thong Fah Chong: Saya ingin memberi pendapat saya atas perkhidmatan awam yang sering menjadi topik perbincangan rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, peraturan berapa?

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Point of order, 37 "seseorang ahli tidak boleh mengganggu ahli yang sedang bercakap."

Tuan Thong Fah Chong: Terima kasih Datin Paduka.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Penjelasan. Tuan Yang di-Pertua buat ruling.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya minta ikutlah peraturan. Ini Dewan yang mulia ini, semua Ahli-ahli Yang Berhormat, jadi minta patuhi peraturan.

Tuan Thong Fah Chong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila beri Yang Berhormat bagi Ipoh Timor berucap, kita dengarlah. Kalau tak mahu dengar pun diam-diamlah. *[Ketawa]*

Tuan Thong Fah Chong: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Kerajaan Barisan Nasional menghargai segala sokongan dan usaha kakitangan kerajaan yang telah membantu membangun negara Malaysia.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kota Melaka.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya mahu cakap, itu pasal saya bising.

Tuan Thong Fah Chong: Masih banyak lagi. -hingga menjadi negara yang makmur dan maju. Memang benar kerana hasil usaha dan komitmen kakitangan sektor awam yang menyokong kerajaan, negara kita dapat menuju ke hadapan dan mencipta pelbagai kejayaan. Oleh itu, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua kakitangan kerajaan yang selama ini berusaha dan bertungkus-lumus menyokong Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai bekas ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, saya ingin mengemukakan pendapat saya kepada Dewan yang mulia ini.

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Tuan Thong Fah Chong: Yang pertama, saya ingin menyatakan bahawa polisi-polisi Kerajaan Barisan Nasional adalah, dengan izin, proactive dan positive serta memberi penekanan kepada kebajikan dan kemajuan masyarakat Malaysia. Tetapi polisi yang baik tidak mempunyai makna sekiranya ia tidak dilaksanakan

dengan baik dan efektif. Pelaksanaan atau, dengan izin, *implementation* polisi kerajaan mestilah dilakukan dengan efisien dan efektif bagi memanfaatkan rakyat.

Puan Chong Eng: [*Menyampuk*]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Hei!

Tuan Thong Fah Chong: Sekiranya pelaksanaan ditangguh atau tidak lancar....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Tuan Thong Fah Chong:rakyat tidak akan dapat menerima faedah yang dijanjikan oleh kerajaan. Birokrasi serta masalah lain mesti diselesaikan bagi memantapkan sektor awam serta menaik taraf perkhidmatan kepada rakyat. Ini kerana imej kerajaan akan terjejas jika mutu kerja dan perkhidmatan kakitangan dan organisasi sektor awam tidak memuaskan.

Melalui pengalaman saya, mutu kerja dan pelaksanaan polisi kerajaan dapat dipercepatkan sekiranya kakitangan kerajaan dapat memupuk sikap lebih bertanggungjawab dan komitmen sebagai kakitangan kerajaan. Tanggungjawab mereka memang jelas dalam nama kakitangan kerajaan, mereka berkhidmat kepada rakyat dan kerajaan.

Penglibatan saya dalam Suruhanjaya Perkhidmatan Awam selama tiga tahun memberi saya, dengan izin, *in sight* ke atas mengapa seorang berminat untuk bekerja dalam sektor awam. Melalui pengalaman menemuduga ramai calon, saya dapati ramai yang berpendapat bahawa bekerja dalam sektor awam dapat menjamin pendapatan dan kerja. Pemikiran seperti ini seterusnya mendorong mereka untuk, dengan izin, *do a fair days work for what the government pays*. Ini jelas menunjukkan paras motivasi yang sangat rendah serta tidak dapat membantu kerajaan mencapai dan merealisasi polisi yang diputuskan oleh kerajaan.

Puan Chong Eng: [*Menyampuk*]

Tuan Thong Fah Chong: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya corak pemikiran ini tidak berubah lama-kelamaan ia akan terus menerap ke dalam budaya kerja kakitangan sektor awam negara ini dengan seterusnya menjejaskan mutu kerja dan produktiviti sektor awam. Dalam era globalisasi ini kita perlu sedar bahawa kita tidak

mampu untuk menerima pemikiran serta mutu kerja yang sederhana agar, dengan izin *the best we can do*.

Demi menjamin daya saingan negara kita serta menarik minat pelabur asing, sektor awam harus memantapkan pentadbiran, produktiviti serta efisiensi pelaksanaan tanggungjawab dan polisi kerajaan.

Sebagai pendahuluan, saya mencadangkan supaya semua pengarah, ketua setiausaha, penolong setiausaha dan pegawai atasan jabatan-jabatan serta badan-badan kerajaan diberi kursus motivasi. Kursus ini juga akan memberi petunjuk kepada mereka untuk menimbang kakitangan jabatan masing-masing supaya mempunyai pemikiran dan corak kerja baru. Objektif paling penting ialah melatih mereka dalam sektor awam supaya lebih inovatif dan proaktif dalam menjalankan tugas masing-masing.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tambun bangun.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, saya minta ruling. Ini bukan padang bola. Seksyen 37 "seseorang ahli tidak boleh mengganggu ahli yang sedang bercakap." Saya minta ruling. Kita serius dalam Dewan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, 44(2), kalau berdegil-degil juga minta keluarlah. Inikah contoh kata bidadari, wakil Wanita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya hendak ingatkan Yang Berhormat di Blok E ini.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Agak menyedihkanlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila duduk, saya buat keputusan. Saya hendak ingatkan beberapa Ahli Yang Berhormat di Blok E ini sila mematuhi peraturan. Ini Dewan. Yang Berhormat dipilih oleh rakyat jelata perlu beri contoh yang baik.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, mereka tidak boleh mendera....

Tuan Kerk Kim Hock: Kita tak boleh tahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ipoh Timor teruskan.

Tuan Thong Fah Chong: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya yakin kakitangan kerajaan akan dan terpaksa bergerak maju ke hadapan jika ingin mengekalkan daya saing negara kita dan kemajuan ekonomi.

Bagi mendorong peralihan dan pembangunan sektor awam kerajaan perlu mengambil inisiatif dari segi menambah kemudahan serta gaji kepada paras yang lebih berpatutan dibanding dengan sektor swasta. Oleh itu, saya mencadangkan supaya kerajaan pertimbangkan pemberian bonus kepada kakitangan awam sebagai menghargai jasa dan usaha gigih mereka. Sekiranya pembayaran bonus terlalu membebankan kerajaan dari segi kewangan, saya berharap kerajaan dapat memberi ganjaran berupa *ang pau*, *exgratia* yang akan membuktikan penghargaan dan keikhlasan kerajaan.

Dengan itu, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Belanjawan 2001. Akhir sekali, saya menyokong cadangan Belanjawan 2001 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Aman.

5.15 ptg.

Tuan Jimmy Lim Donald [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan untuk tahun 2000 ini. Kita telah difahamkan bahawa KDNK telah melonjak daripada penguncupan 7.4% dalam tahun 1998 kepada 5.8% dalam tahun 1999. Tahun ini KDNK dijangka mencapai 7.5% melebihi ramalan awal 5.8%. Tekanan inflasi juga rendah dan rizab negara adalah USD32.3 bilion.

Oleh yang demikian, saya merayu supaya kerajaan membayar bonus sebanyak 10% kepada semua kakitangan kerajaan yang telah menjaga dan memelihara kita selama ini dengan penuh dedikasi. Di sini saya juga ingin membuat cadangan untuk meningkatkan prestasi dan produktiviti kakitangan kerajaan Tuan Yang di-Pertua. Kalau dibandingkan dengan beberapa buah negara jiran, kebajikan kakitangan kerajaan kita di Malaysia adalah dipelihara dan dijaga dengan sangat baik.

Oleh yang demikian, saya ingin mengesyorkan supaya kerajaan membuat kajian dan penelitian untuk meningkatkan prestasi, produktiviti dan disiplin di kalangan perkhidmatan awam kita. Satu, saya minta satu audit atau kajian *due diligence* dibuat untuk menentukan sama ada Arahan Perbendaharaan, *General Order* dengan izin dan *treasury instruction* dengan izin dan Perintah Am kerajaan, *General Order* dipatuhi dan diikuti 100% oleh semua kakitangan awam dari Ketua Setiausaha Negara kepada pekerja am yang terendah sekali. Waktu bekerja harus dipatuhi. Saya pernah mendengar seorang pengarah Jabatan Kerajaan di Selangor ini memberitahu dengan suara yang lantang dan bangga bahawa beliau akan bermain golf mulai dari pukul 2.30 petang.

Saya ingin tahu, di mana dan di perenggan Perintah Am kerajaan yang memberi izin seorang pegawai kerajaan bermain golf di waktu pejabat. Menghantar dan mengambil anak balik dari sekolah juga dilakukan oleh sebahagian kecil kakitangan kerajaan. Saya ingin tahu, bilakah Perintah Am kerajaan diubah untuk membenarkan tingkah laku yang seperti ini.

Saya bukan hendak mencari hal dengan kakitangan kerajaan tetapi saya selalu menerima aduan dari orang awam. Jika mereka datang pada pukul 8.30 pagi pegawai itu belum datang menghantar anak atau masih minum. Jika datang pada pukul 10.00, pegawai belum balik minum. Jika datang pada pukul 12.00, pegawai sudah mengambil anak begitu juga sebelah petang. Di kalangan sebilangan kecil Guru Besar di Kementerian Pendidikan, ini juga dilaporkan berlaku. Mereka sebenarnya tidak begitu minat dengan jawatan itu tetapi terpaksa menjawat jawatan itu oleh kerana jawatan itu adalah jawatan naik pangkat.

Oleh yang demikian, mereka pergi ke sekolah pada hari Selasa dengan alasan mereka terpaksa pergi ke Jabatan Pendidikan Daerah atau jabatan lain pada hari Isnin. Begitu juga mereka balik meninggalkan sekolah pada hari Khamis dengan alasan mereka terpaksa menemui pegawai-pegawai atasan pada hari Jumaat. Ini bererti sekolah yang malang itu hanya mempunyai Guru Besar pada hari Selasa dan hari Rabu sahaja.

Kadang-kadang Guru Besar di pedalaman membawa kakitangan mengajar lebih masa dari Isnin hingga Khamis dan mereka mengambil cuti hujung minggu

mulai hari Jumaat. Saya ingin penyeliaan yang ketat dibuat kepada perkara ini. Semua pegawai kerajaan juga harus dipindahkan tempat kerja mereka dari masa ke masa, itu cadangan saya Tuan Yang di-Pertua. Satu, langkah ini akan mengehadkan konco-konco seorang pegawai.

Kedua, ia akan mengurangkan penderitaan rakan-rakan atau pegawai-pegawai bawahan yang terpaksa bekerjasama dengan pegawai yang tidak baik. Kadang-kadang oleh kerana pegawai itu menjalankan polisi kuku besi, polisi ada anak emas, baik dengan perempuan sahaja, kadang-kadang pegawai perempuan sahaja dia baik dengan saudara mara sahaja atau hanya memberi kroni dia sahaja pergerakan gaji menegak atau melintang, yang lain dia bagi mendatar.

Ketiga, langkah memindahkan pegawai juga memberi peluang kepada pegawai-pegawai dari luar bandar berkhidmat di bandar. Langkah ini harus difikirkan oleh kerana *mindset* pegawai yang tidak pernah berkhidmat di bandar sangat terhad dan mengecewakan dan tidak dapat menyegarkan dan menjadi *catalyze* kepada minda-minda orang yang di bawah jagaan beliau di luar bandar.

Keempat, kadang-kadang oleh kerana jabatan seperti Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak dan Sabah tidak ada kekosongan di bandar. Guru terlatih lepasan maktab-maktab dihantar terus ke sekolah-sekolah yang begitu jauh di pedalaman di hulu sungai. Kadang-kadang mereka terpaksa menggunakan perahu selama dua tiga hari kadang-kadang berjalan kaki, bukit dinaiki, lurah dituruni dan sungai diseberangi. Siang berjalan dengan sinaran matahari dan malam berjalan dengan cahaya api. Mereka ini adalah muda mudi yang berumur dalam lingkungan 20 tahun, tidak pernah duduk dalam hutan dan kadang-kadang baru kahwin dan suami atau isteri mereka ditempatkan di sekolah lain yang juga begitu jauh. Kadang-kadang isteri mereka balik ke bandar untuk bersalin dan selepas itu anak yang baru dilahirkan terus ditinggalkandengan emak bapa. Ada yang tidak sampai hati meninggalkan anak dan tidak mahu pergi balik ke sekolah mereka. Mereka ini menyusahkan sekolah asal mereka dan juga murid-murid yang di bawah jagaan mereka. Akhirnya tindakan disiplin diambil terhadap mereka.

Dalam isu ini tiada sesiapa yang salah, yang salah ialah sistem kita. Kadar penceraian di kalangan pegawai yang seperti ini juga tinggi dan menimbulkan

pelbagai masalah untuk mereka sendiri dan masyarakat dan juga kepada Ahli Yang Berhormat seperti saya di mana mereka mengadu dan apabila saya tidak dapat membantu, mereka marah, bapa mereka marah dan tidak mahu mengundi Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Kementerian Pendidikan. Saya minta semua sekolah rendah dibina semula supaya taraf sekolah-sekolah di luar bandar sama taraf dengan sekolah yang di bandar. Saya mengesyorkan konsultan diambil untuk menentukan *design* sekolah-sekolah ini cantik, selesa dan akan mewujudkan suasana yang membina untuk proses pengajaran dan pembelajaran. Semua kemudahan dan kelengkapan juga harus sama lebih-lebih lagi dengan bekalan elektrik. Selepas itu saya minta semua sekolah di luar bandar dibekalkan dengan makmal komputer dengan kadar yang segera.

Kita sering mengutarakan jurang digital di antara dunia yang sudah maju dan yang sedang maju tetapi untuk saya Tuan Yang di-Pertua yang sama membimbangkan ialah jurang digital di antara orang yang di bandar dan di luar bandar di negara kita ini. Dengan adanya komputer dan kemudahan Internet, murid-murid kita di luar bandar mungkin akan dapat meninggikan kemahiran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah cadangan-cadangan saya ini susah dilaksanakan, saya bercadang sekolah-sekolah yang kecil di Sabah dan Sarawak dipusatkan. Apabila kita menjalankan urusan pengambilan tanah, saya bercadang kita mencontohi Perdana Menteri kita apabila beliau merancang pembinaan lapangan terbang Kuala Lumpur di Sepang iaitu kita harus merancang untuk seratus tahun yang akan datang.

Pada masa sekarang Tuan Yang di-Pertua, saya melihat begitu banyak sekolah yang dibina dalam kawasan yang hanya lima atau enam ekar sahaja. Kadang-kadang dua tiga ekar. Ini mengehadkan pembinaan kemudahan-kemudahan sukan. Tidak hairanlah Tuan Yang di-Pertua, prestasi sukan di negara kita tidak akan meningkat dan tidak hairan juga jika anak muda kita lepak di tempat-tempat yang lain dan menjalankan aktiviti-aktiviti yang tidak sihat. Kawasan yang luas juga akan memberi ruang untuk menambah bangunan-bangunan yang lain apabila ia perlu apabila penduduk-penduduk di kawasan itu bertambah kelak.

Oleh yang demikian, saya syorkan kawasan-kawasan sekolah harus sekurang-kurangnya 50 ekar. Apabila kita memusatkan sekolah, saya minta Kementerian Pendidikan menentukan tukang masak dan penyelia asrama mencukupi. Pada masa sekarang saya masih melihat murid-murid di Tahun Satu di sekolah-sekolah rendah di luar bandar mencuci pakaian mereka sendiri. Kita suka menunjukkan kita adalah sebuah negara yang sedang membangun dan akan membangun dengan sepenuhnya pada tahun 2020. Tetapi perkara yang seperti ini menunjukkan gambaran yang menafikan apa yang sedang dilaung-laungkan oleh kita, Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin menyentuh pengajaran dan pembelajaran bahasa Iban, Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasih kepada kerajaan kerana telah mengambil beberapa langkah untuk membantu masyarakat Iban dalam perkara ini. Tetapi saya nampak begitu banyak masalah yang belum diselesaikan dalam perkara ini. Satu, buku-buku teks masih belum siap. Saya telah difahamkan melalui jawapan menteri di Dewan yang mulia ini bahawa lebih daripada 60,000 murid-murid sedang mengambil mata pelajaran ini, tetapi sebahagian besar mereka tidak dibekalkan dengan buku teks.

Kedua, saya difahamkan bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka sedang membantu dalam perkara ini. Saya syorkan lebih banyak lagi penyemak dan penulis diambil dan lebih banyak lagi peruntukan diberi untuk mengatasi masalah yang telah berlarutan begitu lama ini. Saya juga minta buku teks disediakan hingga ke Tingkatan Lima, begitu juga dengan sukatan pelajaran.

Ketiga, pegawai penyeliaan harus ditempatkan di peringkat Pejabat Pendidikan Daerah, Pejabat Pendidikan Bahagian, Ibu Pejabat Pendidikan Negeri dan di Bahagian Kurikulum Jabatan Pendidikan. Mereka ini harus diberikan peruntukan kewangan yang berasingan untuk menguruskan tugas-tugas mereka seperti latihan berterusan dan bengkel-bengkel. Mereka juga harus diberi peruntukan T&T iaitu wang untuk membayar tuntutan untuk perjalanan. Saya menekankan perkara ini di sini, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya diberitahu apabila mereka berkongsi dengan mata pelajaran lain, pelajaran bahasa Iban itu tidak diendahkan. Jadi semua peruntukan digunakan untuk mengurus mata pelajaran lain.

Keempat, Kementerian Pendidikan menerusi Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak telah berhasrat untuk mengadakan kursus pengajian bahasa Iban di kolej-kolej perguruan di Sarawak. Setakat ini saya ingin tahu apakah status tentang hal ini. Semua ini telah dibincangkan, dipersetujui dan dijanjikan oleh Menteri Pendidikan yang lepas iaitu Yang Berhormat Dato' Seri Mohd. Najib dan Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Amar Alfred Jabu.

Kelima, masalah yang seterusnya ialah pengajaran bahasa Iban yang di luar jadual waktu. Ini tidak harus berlaku dan merupakan satu penghinaan terhadap bahasa Iban yang telah diiktirafkan oleh cerdik pandai dari seluruh dunia sebagai satu bahasa yang sangat kaya dengan nahu, tatabahasa dan sastera dan sama taraf dengan kekayaan sastera Yunani, that is as rich as great literature, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Tiada masalah yang tidak dapat diatasi dan saya tahu Kementerian Pendidikan memang dianggotai oleh pegawai-pegawai yang terlatih dan mempunyai kelayakan yang tinggi.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup, Yang Berhormat boleh sambung hari besok.

Tuan Jimmy Lim Donald: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga pukul 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

Oktober 2000

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail,
S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad,
D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K.,
S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S.,
S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato’ Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna , Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

” **Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)**

Yang Berhormat Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ **Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)**
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- ” Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato’ Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Noh bin Haji Omar, D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tengah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- " Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)

- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)

- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- Yang Berhormat Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Dato’ Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
- “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- ” Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)

- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhammad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- ” Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)

- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- Yang Berhormat Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- ” Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)
- ” Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)

- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- Yang Berhormat Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Panglima Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, S.P.D.K., D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Paizah binti Sallehudin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman

Hajah Norishah binti Mohd. Thani

Shamsina binti Janor

Ramlah binti Mohd. Yusuff

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Nurziana binti Ismail

Noor Effarizan binti Mat Satib

Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat

Mashitah binti Kamaruddin

Marzila binti Muslim

Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER

Mohd. Azmi bin Embong
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT KETIGA

Bil. 61

Selasa

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 1)

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH

PERATURAN MESYUARAT 18:

• **Ahli Kongres Amerika Campur Tangan Perkara Dalaman Malaysia**

- *Y.B. Tuan Moktar bin Radin [Kinabatangan]*

(Halaman 24)

DR.7.11.2000

176

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

(Halaman 35)

RANG UNDANG-UNDANG DAN USUL:

Rang Undang-undang Perbekalan 2001 dan

Usul

Anggaran

Pembangunan

2001

(Halaman 36)